

DN.14.12.2005

(i)

[Dokumen ini belum disemak]

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 22

Rabu

14 Disember 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2006 (Halaman 25)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 14 Disember 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah benar Kementerian kurang memberi perhatian dalam merangka pembangunan kepada warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam penyediaan kemudahan seperti tandas, lif, tangga dan landasan pejalan kaki.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Tuan Yang di-Pertua, dalam merangka sesuatu bangunan atau meluluskan projek pembangunan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan diperingatkan supaya mengambil kira kemudahan infrastruktur dan bangunan yang diperlukan oleh OKU atau Orang Kurang Upaya seperti tandas OKU, lif mesra OKU, *ramp*, tempat letak kereta khas dan sebagainya supaya mereka dapat bergerak tanpa halangan atau *barrier free*, dengan izin, dan tempat berinteraksi dengan masyarakat umum. Kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk OKU juga sesuai diguna oleh warga emas.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan garis panduan bertajuk *Guidelines on Building Requirements For Disabled Person* dan garis panduan piawaian rancangan kemudahan golongan kurang upaya bagi membantu agensi pelaksana, para profesional, pemaju dan juga kontraktor dalam menyediakan kemudahan bangunan dan infrastruktur untuk keselesaan OKU dan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan oleh PBT. Sekian.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Adakah kerajaan merancang untuk mengarahkan kerajaan tempatan menjadikan *facilities* ini, dengan izin, mandatori kepada warga emas dan OKU.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hajah. Di bawah undang-undang kecil 34A dalam perundangan Undang-undang Kecil Bangunan

Seragam (UKPS) 1984, pemilik bangunan diwajibkan untuk memberikan kemudahan-kemudahan kepada orang kurang upaya di dalam masa tiga tahun selepas undang-undang ini digazetkan oleh negeri-negeri tertentu. Tambahan pula untuk rumah yang lama, pemilik boleh merayu kepada kerajaan untuk memberikan masa yang lebih panjang untuk mereka melaksanakan peruntukan di bawah akta itu. Tambahan pula mereka pun boleh minta pengecualian atau memberi alternatif kemudahan-kemudahan kepada (OKU). Sekian

Dato' Dr. Chin Foo Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah peruntukan untuk bertindak terhadap mereka yang berupaya tetapi menggunakan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan untuk mereka yang kurang upaya, mungkin otak orang ini kurang upaya. Tetapi, apakah peruntukan-peruntukan undang-undang untuk mengambil tindakan terhadap mereka saya sering melihat tandas yang dikhaskan untuk OKU diguna oleh orang lain, letak tempat kereta juga diguna oleh orang lain. Terima kasih.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Senator. Tentang kemudahan-kemudahan khasnya untuk orang kurang upaya digunakan oleh orang yang biasa, ini bergantung kepada penguatkuasaan atau *enforcement* di dalam bangunan atau ia ada satu *committee* pengurusan, contohnya di taman perumahan. Tetapi kementerian saya sentiasa bersedia untuk menerima aduan dan kalau ada kes yang spesifik, kami boleh berikan notis kepada PBT berkenaan untuk mengatasi masalah itu. Sekian.

2. **Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah benar Jabatan Belia dan Sukan Negeri sudah tidak mempunyai kuasa meluluskan permohonan peruntukan bantuan kewangan untuk mengadakan program yang dirancang oleh Persatuan Belia dan Persatuan Sukan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Setakat ini Kementerian Belia dan Sukan tidak membuat apa-apa perubahan kepada kelayakan kuasa-kuasa kepada pemberian bantuan serta jawatankuasa bantuan di peringkat negeri bagi meluluskan peruntukan bantuan bagi jumlah RM10 ribu ke bawah. Jabatan Belia dan Sukan meluluskan RM30 ribu ke bawah dan Ketua Setiausaha Kementerian meluluskan RM30 ribu ke atas.

Walau bagaimanapun, setakat ini Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan tidak menarik kuasa daripada Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri, tetapi telah membuat satu perubahan sementara. Ianya bersifat dekat dan telus dalam memberi pertimbangan bantuan kepada persatuan. Kuasa melulus permohonan peruntukan bantuan kewangan untuk mengadakan program yang dirancang oleh persatuan belia dan persatuan sukan masih kekal. Terima kasih.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, untuk melicinkan lagi aktiviti persatuan belia di kawasan dan di negeri, apakah tidak logiknya bahawa kuasa peruntukan RM10 ribu ke bawah diluluskan oleh pejabat-pejabat belia di negeri-negeri. Dengan ini sudah tentu akan memudahkan perjalanan aktiviti di kawasan atau di negeri tersebut. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang telah saya beritahu tadi, oleh kerana terdapat banyak kompelin iaitu pertimbangan dalam bantuan ini tidak telus dan menteri telah mengambil langkah supaya bantuan-bantuan untuk tahun 2005 ini dihantar kepada Kementerian Belia dan Sukan, tetapi ianya adalah sifat yang saya ada katakan, bersifat dekat dan telus dan tidak menarik balik kuasa.

Pada masa sekarang, Yang Berhormat, kalau mengikut peruntukan yang telah diberikan kepada negeri-negeri memang sama, tetapi ia dikeluarkan oleh kementerian dan kuasa ini akan diberi balik. Ini adalah suatu, dengan izin, *temporary measure* untuk menentukan bahawa pertimbangan bantuan kepada persatuan-persatuan belia ini tidak berat sebelah. Terima kasih.

Puan Hajah Shamsiah binti Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian bercadang untuk menurunkan peruntukan aktiviti ini secara terancang seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi Jabatan Pembangunan Wanita di bawah Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga iaitu NGOs.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini memang mereka ada satu *missionary* di mana peruntukan ini sekarang boleh diturunkan kepada masyarakat melalui Ahli-ahli Parlimen, tetapi bagi Kementerian Belia dan Sukan, ia adalah kepada negeri dan kepada jabatan daerah.

Pada masa sekarang ini seperti mana yang diberitahu tadi, Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, memang tidak ada masalah dengan penurunan bantuan tetapi oleh kerana terdapat banyak kompelin pada tahun lepas, kementerian membuat satu *step*, dengan izin, supaya bantuan ini selaras dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kementerian dan bukan kepada persatuan-persatuan. Dengan cara ini kita dapat memberitahu kepada persatuan-persatuan supaya menjalankan aktiviti-aktiviti yang selaras dengan hasrat kementerian. Terima kasih.

3. **Datin Chong Set Mui** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan memandangkan rancangan kementerian untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Pendidikan Serantau dan saingan yang dihadapi dari negara-negara jiran, apakah rancangan, strategi dan insentif untuk menarik universiti-universiti luar negara yang masyhur untuk menubuhkan kampus-kampus mereka di negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memaklumkan dan mengalu-alukan kehadiran barisan pemimpin pelajar daripada UIA ke Dewan Negara. *[Tepuk]*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa kementerian sememangnya telah merancang dan mengambil pelbagai strategi untuk menarik universiti-universiti luar negara yang masyhur untuk menubuhkan kampus mereka, dan menarik lebih ramai pelajar asing untuk melanjutkan pengajian di negara ini supaya pengajian tinggi negara dapat dimartabatkan berkualiti dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Di antara strategi-strategi tersebut termasuklah:

- (i) mengadakan rundingan dan menjalankan kerjasama dengan universiti terkemuka seperti Cambridge University di United Kingdom untuk mewujudkan sebuah institusi yang berfokus kepada aktiviti penyelidikan di samping penawaran program akademik. Kerjasama juga telah diadakan dengan Imperial College, London dengan IPTA kita untuk menawarkan program pengajian di peringkat kedoktoran berdasarkan kepada sistem pengajian di Imperial College, London. Selain daripada itu, semalam kerjasama juga telah diadakan dengan universiti-universiti dari Jepun melalui penubuhan Malaysian Japan University Center di Universiti Teknologi Malaysia yang akan merancang dan menggubal strategi bagi menubuhkan sebuah universiti yang melibatkan kerjasama antara Malaysia dan Jepun.

Lebih banyak program kerjasama dengan universiti-universiti terkemuka luar negara seperti ini akan dilaksanakan mulai tahun hadapan. Sehingga kini sebanyak lima buah universiti luar negara telah membuka kampus cawangan mereka di Malaysia iaitu Monash University Malaysia, Curtin University of Technology (Sarawak Campus), University of Nottingham Malaysia, FTMS-DeMonfort University Campus dan Swinburne University of Technology;

- (ii) kementerian mengadakan lawatan seperti ke Republik Ireland baru-baru ini bagi meninjau peluang kerjasama untuk Republik Ireland membuka kampus cawangan di Malaysia, khususnya bagi mengendalikan program pengajian dalam bidang perubatan dan *allied science*. Penubuhan kampus cawangan ini dijangka dapat dilaksanakan menjelang akhir tahun 2006;
- (iii) Kementerian Pengajian Tinggi telah meluluskan pelbagai program kerjasama dengan luar negara, misalnya program pengajian yang dikendalikan oleh Malaysia University of Science and Technology (MUST) dengan kerjasama Massachusetts Institute of Technology, USA dalam bidang *biotechnology, information technology, transportation and logistic, material science and engineering, construction engineering and management* dan *energy and environment*.
- (iv) selain daripada itu, kementerian telah memantapkan lagi usaha promosi melalui aktiviti seperti berikut:
 - (a) menjalankan *fact findings*, dengan izin, bagi mengenal pasti potensi pendidikan antarabangsa;
 - (b) memantapkan penyelarasan aktiviti promosi pendidikan di luar negara;
 - (c) menganjurkan pameran *single country* di peringkat antarabangsa; dan
 - (d) memantapkan sistem penyebaran maklumat melalui media elektronik.

Bagi memantapkan usaha ini, kementerian telah menggariskan pelbagai insentif bagi kampus-kampus cawangan seperti membenarkan mereka untuk mempunyai pegangan ekuiti sehingga 49% dalam syarikat yang diperbadankan di Malaysia.

Kedua, membawa bersama tenaga pengajar dari universiti induk untuk berkhidmat di kampus cawangan dalam jangka masa tertentu.

Ketiga, CEO universiti dibenarkan di kalangan pegawai-pegawai yang dilantik oleh universiti induk sehinggalah calon tempatan yang sesuai dikenal pasti untuk mengambil alih.

Keempat, menggalakkan kampus cawangan menjalankan *research and development* dengan IPTA dan IPTS tempatan kita.

Kelima, membantu kampus cawangan mempromosi institusi mereka di sini melalui promosi pendidikan yang dianjurkan oleh kementerian atau pihak lain. Dengan usaha ini, kementerian yakin Malaysia akan menjadi pusat kecemerlangan pendidikan serantau dan dengan itu mempertingkatkan pembangunan sosioekonomi negara serta dapat bersaing di peringkat global. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah wajar sebenarnya universiti-universiti ternama ini dibenarkan wujud di negara kita seperti Cambridge yang akhirnya tidak jadi juga, sedangkan lebih baik IPTA yang ada sekarang ini dinaikkan taraf seperti Oxford ataupun Cambridge, naikkan peruntukan, ketatkan syarat kemasukan. Kalau tidak, kita benarkan Cambridge wujud di negara kita, tetapi *research*nya akan pergi kepada Cambridge dan duitnya akan pergi kepada Cambridge. Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tujuan asal terhadap cadangan untuk menubuhkan kampus universiti terkemuka luar negara di Malaysia ialah agar ianya mencetus jalinan kerjasama di peringkat antarabangsa.

Kedua, memberi persaingan yang sihat dengan universiti-universiti tempatan serta sebagai pemangkin kepada universiti tempatan untuk meningkatkan daya saing di samping meningkatkan pertukaran...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh [Tuan Yang di-Pertua]: Tertib mesyuarat. Saya dapati bahawa ada rasa tidak puas hati sebab ada dua Fuad dalam Dewan ini. Apabila Tuan Yang di-Pertua sebut Datuk Fuad, maka satu lagi Fuad tidak

puas hati, masih berdiri – Puad Zarkashi dan Fuad Ahmad. Jadi saya harap Tuan Yang di-Pertua beri peluang kepada kedua-duanya. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta maaf kerana di Dewan Negara tidak sebagaimana di Dewan Rakyat di mana Ahli-ahlinya mempunyai kawasan-kawasan yang lazimnya Tuan Yang di-Pertua ataupun Timbalan Yang di-Pertua memanggil Ahli-ahli yang berkenaan mengikut kawasan masing-masing. Tetapi di Dewan Negara terdapat berbagai-bagai nama daripada pelbagai bangsa dan latar belakang, jadi saya minta maaf kalau ada nama-nama yang secara kebetulan dekat-dekat. Saya akan beri peluang kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Fuad selepas daripada ini. Terima kasih. Sila teruskan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih, kita sambung semula. Langkah ini juga sebenarnya menarik lebih ramai penyelidik antarabangsa ke Malaysia dan seterusnya menggunakan fasiliti ataupun peralatan kita dan juga makmal-makmal kita bersama-sama dengan *Junior Research Officers* ataupun pengkaji kita dan seterusnya meletakkan Malaysia sebagai pilihan pelajar asing untuk melanjutkan pengajian di negara ini dan ini memberikan impak kepada pertumbuhan pendidikan negara.

Ia juga sebenarnya dapat menyuntik elemen pengantarabangsaaan kepada bidang pendidikan tertinggi negara, khususnya menjadikan kita sebagai pusat kecemerlangan. Secara umumnya kesan atau kewajaran membenarkan kampus-kampus induk daripada luar negara membuka kampus di negara ini, ia memberikan impak limpahan positif ke atas universiti tempatan. Saya ingin *quote* kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam bahawa sebenarnya kita kena membenarkan pelajar-pelajar kita membina jaringan dalam negara kita bersama-sama pendidik-pendidik antarabangsa dan akhir mereka akan berjumpa semula suatu masa nanti dalam pasaran global. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan pandangan Yang Berhormat Tan Sri. Soalan tambahan saya, saya difahamkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi berhasrat untuk menjadikan sesetengah universiti sebagai universiti Pendidikan dan sesetengah universiti yang lain sebagai universiti yang mengajar. Apakah kriteria-kriteria yang digunakan untukini. Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Dalam kita mengantarabangsakan sektor pendidikan negara, kewajaran untuk kita mengadakan universiti pendidikan merupakan

salah satu teras untuk memastikan bahawa kita bukan sahaja mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa tetapi juga kita akan mengeluarkan ramai *human resource* ataupun membangunkan modal insan dalam pendidikan. Kriteria utama untuk kita mengadakan universiti yang mempunyai taraf pendidikan ialah mereka menumpukan kepada usaha-usaha penyelidikan dan mempunyai kekuatan dalam bidang-bidang tertentu yang dikenal pasti dan setakat kita mengenal pasti lima universiti yang boleh kita memastikan mereka menjalankan fungsi sebagai Universiti Pendidikan iaitu universiti- universiti yang telah lama berada dalam negara kita seperti Universiti Malaya, USM, UPM, UKM dan UTM.

Kriteria mereka ialah mereka menjalankan kebanyakan lebih 70% penyelidikan dan 30% pendidikan. Selain daripada itu, universiti yang mengajar, mereka menumpukan kepada pembelajaran dan pengajaran menggunakan lebih kepada pengajaran. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua di atas teguran dan panduan yang telah pun diberikan tadi. Sebagaimana yang telah saya nyatakan semalam bahawa adalah bukan tradisi oleh Tuan Yang di-Pertua berada dalam Dewan bersama-sama dengan kita, tetapi di atas usaha dan juga keprihatinan Yang Berhormat Tan Sri ke atas perjalanan Dewan Negara, Yang Berhormat Tan Sri telah membuat keputusan untuk turut bersama-sama dalam Dewan ini bagi memastikan bahawa perjalanan Dewan amanah yang telah pun diberikan kita, sebagai Ahli Dewan Negara dapat berjalan dengan baik demi kesejahteraan negara dan rakyat Malaysia. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri [*Tepuk*].

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh [Tuan Yang di-Pertua]: Kita melaung-laungkan *world class*, kita mesti menghayati laungan kita menjadi *world class*. Terima kasih.

4. Dato' Omar bin Faudzar minta Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri menyatakan adakah insentif yang diberikan kepada pelaburan langsung asing selama ini masih lagi dapat menarik minat pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Lee

Sing Chooi yang perlu dijawab pada 19 Disember 2005 kerana kedua-dua soalan ini berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya membenarkan.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia masih berupaya menarik pelaburan asing melalui insentif yang disediakan seperti galakan tarif perintis, elaun cukai pelaburan, elaun pelaburan semula, pengecualian duti import dan *free package incentives* dengan izin.

Bagi tahun 2004, nilai pelaburan asing yang telah diluluskan dalam sektor perkilangan berjumlah RM13.2 bilion manakala bagi tempoh Januari hingga September 2005, nilai pelaburan asing yang diluluskan berjumlah RM10.3 bilion. Sumber utama pelaburan-pelaburan asing bagi tempoh Januari hingga September 2005, adalah dari Jepun (RM3 bilion), Singapura (RM2.2 bilion), Amerika Syarikat (RM1.8 bilion), Republik Korea (RM0.6 bilion) dan India (RM0.4 bilion).

Keupayaan Malaysia menarik pelabur asing tidak hanya bergantung kepada insentif yang disediakan. Nilai projek yang diluluskan tanpa insentif telah menunjukkan peningkatan dari RM2.6 bilion pada tahun 2002 kepada RM7.2 bilion pada tahun 2003 dan RM9.7 bilion pada tahun 2004. Ini jelas menunjukkan keyakinan pelabur asing terhadap iklim pelaburan dan kondusif di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan pelaburan asing ke Malaysia banyak bergantung kepada aliran pelaburan asing serta suasana ekonomi di peringkat global. Antara masalah yang dihadapi oleh Malaysia dalam menarik pelaburan asing ialah persaingan dari lain-lain destinasi pelaburan seperti China, Thailand, India dan Vietnam yang mempunyai kos pengeluaran yang lebih rendah.

Kerajaan kini sedang menggiatkan usaha menarik pelaburan dalam industri strategi yang berasaskan pengetahuan berteknologi tinggi dan bernilai tambah tinggi. Antara industri ini termasuklah *Advance Electronics* dengan izin, kelengkapan instrumentasi, automasi dan sistem perkilangan fleksibel, kejuruteraan perisian, bioteknologi, pharmaceutical dan lain-lain *emerging technology* dengan izin.

Tumpuan juga diberi kepada industri berasaskan tani, produk halal, minyak kelapa sawit dan *derivative*. Sekian, terima kasih.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahawa tumpuan sekarang ini diberi kepada industri-industri yang berteknologi tinggi. Jadi, saya hendak tahu sejauh manakah *multimedia super corridor*

dan industri-industri yang berteknologi tinggi di negeri-negeri seperti Kedah, Kulim Hitech dan di Pulau Pinang yang telah berjaya, sebab sehingga ke hari ini saya rasa *multimedia super corridor* Kulim Hitech masih lagi belum berjaya dalam jangka masa yang sudah begitu lama.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat sebanyak 1,525 projek berteknologi tinggi telah diluluskan dalam tempoh tahun 2000 hingga April 2005 yang melibatkan jumlah pelaburan sebanyak RM68.4 bilion di mana RM48.2 bilion ataupun 7% adalah pelaburan asing.

Berkenaan dengan MSC itu, saya rasa kami masih dalam peringkat pembangunan. Walaupun angka laporan saya tidak ada bersama saya tetapi memang kita telah berjaya membawa kesedaran tentang begitu pentingnya kita memulakan industri berteknologi tinggi. Taman teknologi tinggi atau *hitech park* di negeri Kedah memang berjaya dan setakat semua tapak ini telah diambil dan memang tidak cukup dan kita perlu memperluaskan kawasan perindustrian teknologi tinggi ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk meningkat usaha kerajaan ke *world class*, pengurusan insentif juga kena diambil kira. Adakah kajian dan juga penilaian insentif yang diberi, sebelum diberi dan juga selepas diberi itu kajian di buat di mana *impact* dan kos, insentif mana yang ada *impact* yang tertinggi dengan kos yang rendah, insentif mana yang ada kos yang tinggi tetapi *impact* yang rendah. Kalau *impact* yang tinggi kos yang rendah itu, kita kena tingkatkan insentif itu dan juga kalau *impact* yang kurang tetapi kosnya tinggi, kita akan tukar kepada insentif yang lain. Adakah kajian seperti itu dibuat dan insentif-insentif mana yang mempunyai *impact* yang tinggi dan kos yang rendah dan juga insentif mana yang mendapati *impact* yang rendah tetapi kos yang tinggi. Terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sebutkan dalam jawapan saya, memang insentif tidak ada kaitan yang kuat dengan FDI sebab projek-projek FDI ini memang banyak tidak menerima insentif ataupun tidak perlu insentif. Walau bagaimanapun MITI dari masa ke semasa menjalankan *in house valuation* terhadap insentif-insentif yang diberikan kepada pelabur-pelabur termasuk pelabur tempatan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Kita benarkan satu lagi soalan tambahan. Dato' Ikhwan Salim.

Dato' Ikhwan Salim Dato' Sujak: Soalan tambahan saya, adakah kerajaan mengambil kira insentif tidak langsung atau dengan izin *indirect* yakni *red tape* yang dihadapi oleh pelabur-pelabur, lebih-lebih lagi dari segi masa untuk menerima jawapan permohonan-permohonan tertentu di mana saya kira sekarang ini insentif-insentif begini menjadi lebih mustahak kepada mereka kerana kita tidak boleh lawan dari segi kos, kita kena lawan dengan *efficiency*. Terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, antara insentif yang tidak langsung, *indirect incentive*, MITI sentiasa dan kerajaan sentiasa mengambil berat atas suasana ataupun iklim pelaburan. Ini termasuk kestabilan politik dan juga pada masa kini kita menitik berat atas sistem penyampaian khidmat. Ini semua adalah cara-cara kita untuk menggalak pelaburan asing juga pelaburan tempatan. Sekian.

5. **Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta Menteri Kesihatan menyatakan rancangan kerajaan agar Malaysia mencapai sasaran bagi matlamat pembangunan millennium (MDGs) terutama yang berkaitan dengan HIV/AIDS 2015.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato Lee Kah Choon]: Tuan Yang di-Petua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, MDGs atau *Millennium Development Goals* adalah satu deklarasi komitmen yang digariskan oleh *United Nations General Assembly Special Session* atau UNGASS yang mencerminkan satu rangka kerja yang komprehensif bagi mencapai sasaran MDGs on HIV/AIDs iaitu *who have halted HIV/AIDS by the year 2015 and begun to reverse the spread of HIV/AIDS*.

Tuan Yang di-Pertua, penularan jangkitan HIV di Malaysia masih dipengaruhi oleh bilangan jangkitan HIV di kalangan penagih dadah yang berkongsi jarum semasa menyuntik dadah. Mereka merupakan 75% atau 48,000 daripada 65,000 kes jangkitan HIV/AIDS yang dilaporkan di Malaysia. Bagi mencapai matlamat MDGs dalam aspek HIV/AIDS selain daripada program-program pencegahan dan kawalan yang telah dan sedang dilaksanakan kerajaan merancang untuk melaksanakan pendekatan *Harm Reduction* atau program yang dinamakan Pengurangan Mudarat yang merangkumi program penukaran jarum suntikan dan program rawatan gantian *methadone* untuk membendung penularan kemudaratan HIV/AIDS semasa berkongsi jarum suntikan, *higher drugs overdose* semasa menyuntik dadah dan mudarat kejadian jenayah kerana penagihan dadah. Sekian.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Petua. Soalan tambahan saya ialah daripada 8 MDGs yang digariskan, satu ini yang kita bermasalah iaitu HIV/AIDS. Pertanyaan saya ialah berdasarkan kepada satu rencana yang ditulis, mengenai pusat-pusat SPA, *massage parlour* dan *herb centre* ini yang menawarkan perkhidmatan urut, mereka inilah sebenarnya antara pusat yang boleh menyebabkan merebaknya HIV/AIDS ini. Jadi saya ingin tahu, apakah yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan untuk memastikan tempat-tempat ini terkawal sebenarnya sebagai pusat penyebaran HIV. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi kawalan SPA ini, ia tidak di bawah *jurisdiction* atau bidang kuasa Kementerian Kesihatan tetapi dari statistik yang kita dapati seperti yang saya katakan tadi, kebanyakan atau 75% kes HIV/AIDS adalah dijangkiti melalui perkongsian jarum suntikan apabila penagih dadah itu mengambil dadah dan dari segi penyebaran HIV/AIDS melalui hubungan seks, statistiknya adalah lebih kurang kalau dibandingkan dengan negara-negara lain, di Malaysia hanya lebih kurang 12% sahaja. Sekian.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Petua. Saya difahamkan terdapat begitu banyak sekali rumah-rumah di mana penghidap HIV/AIDS ditempatkan. Soalnya, dalam mencapai matlamat pembangunan millennium ini, adakah pihak kementerian lebih terbuka untuk bekerjasama dan memantau aktiviti dan pembangunan di tempat-tempat sebegini ataupun adakah kementerian hanya bersikap memeluk tubuh dengan hanya memaklumkan kepada kita bahawa sejumlah "x" juta telah dibelanjakan melalui pemberian geran kepada Majlis AIDS Malaysia sedangkan pihak kementerian tidak turun langsung berdamping dengan pesakit-pesakit ini. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Mengikut trend yang kita ada, kita takut dan yang membimbangkan ialah bilangan wanita yang menghidap HIV/AIDS ini kerana kalau kita bandingkan pada tahun 1990, kita hanya ada 1% sahaja bilangan wanita yang menghidap HIV/AIDS ini. Tetapi pada tahun 2004, kita telah mempunyai lebih daripada 12% di kalangan wanita kita yang menghidapi HIV/AIDS dan kita memang sentiasa faham betapa pentingnya usaha kerja di peringkat akar umbi supaya kita dapat menyebarkan maklumat berkaitan dengan HIV/AIDS ini.

Pada masa sekarang kita memang tertumpu kepada Majlis AIDS Malaysia. Mereka merupakan sebuah NGO, pertubuhan bukan kerajaan, payung untuk semua

pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang menjalankan kerja-kerja yang berasaskan akar umbi ini dan kita akan memperluaskan lagi semua Ahli Majlis AIDS Malaysia ini supaya kerja-kerja mereka adalah lebih berkesan lagi. Sekian.

6. **Tuan Ismail bin Kasim** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan adakah pihak berkuasa di negara kia dapat menangani sepenuhnya masalah gengsterisme yang berleluasa di banda-bandar utama.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]:
Tuan Yang di-Pertua, daripada statistik PDRM mengenai kejadian-kejadian yang melibatkan kumpulan kongsi gelap bagi tempoh 2000 hingga 2005 iaitu Januari hingga bulan November menunjukkan penurunan yang amat ketara di mana daripada statistik tersebut, pada tahun 2000 sebanyak 68 kes telah dilaporkan berbanding dengan 22 kes pada tahun 2004 iaitu penurunan tiga kali ganda ataupun penurunan sebanyak 46 kes. Ini menunjukkan pihak berkuasa di negara ini khususnya PDRM telah berjaya menangani masalah gengsterisme di negara ini.

Pada tahun 2001, kes yang telah dilaporkan adalah sebanyak 61 kes, manakala pada tahun 2002 jumlah kes yang telah dilaporkan menurun sebanyak 28 kes atau 45.9 iaitu kepada 33 kes. Pada tahun 2003 pula, hanya 28 kes yang melibatkan gejala gengsterisme yang telah dilaporkan. Seterusnya pada tahun 2004, seperti yang saya nyatakan tadi, hanya 22 kes yang melibatkan kongsi gelap telah dilaporkan. Bagi tempoh Januari hingga November tahun ini hanya 7 kes telah dilaporkan setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, daripada statistik tersebut jelas menunjukkan tindakan-tindakan dan langkah-langkah yang telah diambil oleh PDRM seperti menangkap dan mendakwa mereka yang terlibat dengan gejala ini di bawah Kanun Keseksaan, sebagai contoh di bawah seksyen 147 atau 148, seksyen 323, seksyen 324, 326, 302 dan 304 dan juga penahanan dan sekatan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) No. 5, 1969 yang telah berjaya membendung masalah gejala gengsterisme ini.

Pihak polis juga sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif dengan menjalankan risikan ke atas kumpulan-kumpulan yang disyaki terlibat dengan gejala ini bagi menjamin keselamatan dan ketenteraman negara ini diteruskan. Kementerian, khususnya PDRM juga telah mengambil tindakan untuk membendung dan memerangi kegiatan kongsi gelap di seluruh negara.

Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh PDRM adalah:

- (i) menjalankan serbuan-serbuan ke atas sarang-sarang dan tempat-tempat perhimpunan kumpulan-kumpulan kongsi gelap sebagai langkah pencegahan awal;
- (ii) mengenal pasti individu-individu yang bergiat aktif terlibat dengan jenayah untuk didakwa di mahkamah jika terdapat bukti yang kukuh;
- (iii) mengambil tindakan di bawah undang-undang pencegahan seperti Ordinan Darurat Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah; dan
- (iv) menjalankan aktiviti risikan ke atas kumpulan-kumpulan yang disyaki berkait dengan kongsi gelap.

Sekian, terima kasih.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah, berapakah jumlah kes yang telah diambil tindakan oleh pihak polis yang melibatkan kes yang tidak begitu kukuh untuk dibuat pendakwaan ke atas kesalahan-kesalahan yang dibuat oleh kumpulan ini.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, statistik yang diminta adalah spesifik. *[Alat pembesar suara mengalami gangguan]* Setakat ini saya tidak dapat memberikan jawapan seperti yang diminta oleh Yang Berhormat.

Tuan M. Saravanan: *[Alat pembesar suara tidak berfungsi]*.....gaya hidup (*lifestyle*) di kalangan pendidikan dan bolehkah kementerian memberi pecahan mengikut kaum belia-belia yang terlibat. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Minta maaf, saya tidak dapat mendengar yang awal tadi.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat ulangi dengan mendekati mikrofon.

Tuan M. Saravanan: Saya minta pihak kementerian memberitahu apakah punca penglibatan belia-belia dalam gejala sosial ini, itu satu.

Yang kedua, adakah benar laporan mengatakan bahawa gengsterisme ini menjadi satu gaya hidup di kalangan belia-belia yang kurang berpendidikan, dan yang ketiga minta pihak kementerian memberi pecahan belia-belia yang terlibat dalam gengsterisme mengikut kaum. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada tiga komponen di situ, Yang Berhormat.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, memang kalau kita mengkaji indeks jenayah ke satu trend dalam tempoh 10 tahun ... [*Gangguan alat pembesar suara*] memang ia ada kaitan dengan pembangunan ekonomi pada masa itu dengan kenaikan indeks jenayah. Oleh sebab itu.....

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan. Kalau boleh minta kuat sikit sebab tidak dengar.

Beberapa Ahli: Ya, ya.

Tuan Chia Kwang Chye: Kalau kita mengkaji trend-trend berhubung dengan indeks jenayah dengan kadar pembangunan negara itu memang ada kaitannya di mana kalau pembangunan ekonomi negara merosot indeks jenayah pun naik. Kalau untuk kajian yang spesifik memang ada kumpulan yang pada awalnya ataupun pelajar yang dipengaruhi oleh gengsterisme, dan kebanyakannya adalah mungkin dari golongan yang diasingkan (*isolated*) daripada masyarakat dan ada yang mungkin tidak mendapat kerja yang memuaskan supaya mereka dapat hidup dengan selesa. Tetapi bagi statistik berkenaan pecahan kaum, itu memang spesifik. Saya tidak dapat memberikan jawapannya.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya benarkan satu lagi, silakan Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apakah definisi sebenar gengsterisme ini? Apakah ada perbezaan di antara gengster, kongsi gelap, kumpulan haram, geng rompak, kumpulan jihad, kumpulan Mujahidin dan dari ras bangsa manakah banyaknya kegiatan gengsterisme ini? Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Kita tidak dapat cantumkan kumpulan *terrorist* dan sebagainya dengan golongan gengsterisme ini. Gengsterisme dan kongsi gelap biasanya adalah satu kategori yang am, di mana ada kumpulan yang bersama-sama menjalankan kegiatan merompak dan kadang-kadang rompak itu melibatkan keganasan dan sebagainya. Mereka bolehlah dikatakan satu kumpulan walaupun tidak formal dengan satu kumpulan yang boleh dikatakan *organize* dalam menjalankan kerjanya. Perbezaan di antara kongsi gelap adalah sama ada mereka adalah satu sejarah yang begitu panjang ataupun mereka baru ditubuhkan dan sebagainya. Ini melibatkan satu analisa yang lebih teliti.

7. **Dato' M. Ratnam** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan maklumat mengenai Beef Valley:

- (a) sama ada rancangan ini khas untuk syarikat-syarikat dengan modal besar tempatan dan luar negara; dan
- (b) sama ada petani berpengalaman tempatan dengan modal yang sederhana boleh juga diberi peluang tanpa banyak soal jawab dan sekatan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk soalan-soalan (a) dan (b):

- (a) Projek Ladang Beef Valley masih lagi dalam peringkat perancangan melibatkan jawatankuasa pemandu bersama dan jawatankuasa teknikal bersama di antara Kerajaan Negeri Sembilan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Jawatankuasa ini perlu meneliti pelbagai kaedah, pendekatan dan modus operandi yang terbaik supaya projek ini berjaya dilaksanakan dan memberi manfaat kepada rakyat dan negara.

Kerajaan Negeri Sembilan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berhasrat agar projek ini dijalankan oleh syarikat yang berkemampuan dan mempunyai pengalaman yang cukup untuk menjalankan Projek Beef Valley. Penglibatan syarikat-syarikat sama ada dengan modal tempatan sudah tentu dialu-alukan sesuai dengan dasar kerajaan untuk melibatkan pihak swasta dalam pertanian berskala besar.

- (b) Walau bagaimanapun, projek ini bukan dihadkan kepada syarikat-syarikat besar sahaja. Kementerian ini berhasrat dan merancang menjadikan syarikat-syarikat sebagai integrator kepada projek supaya petani dan penternak tempatan juga dapat dilibatkan dalam projek ini melalui kaedah perladangan kontrak. Dengan cara ini pihak syarikat integrator dapat menjamin pasaran dan bekalan input serta memperkukuhkan penggunaan teknologi manakala penternak memberi tumpuan kepada aspek pemeliharaan dan pengeluaran ternakan.

Oleh itu Kerajaan Negeri Sembilan dan Kerajaan Persekutuan sentiasa menggalakkan petani atau syarikat yang mempunyai modal sederhana untuk menyertai projek yang disediakan oleh kerajaan dengan pendekatan yang paling sesuai. Ini amatlah bertepatan dengan dasar kerajaan yang ingin melihat aktiviti pertanian sebagai satu perniagaan.

Datuk M. Ratnam: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya minta sedikit keterangan mengenai dasar dan cara terperinci cadangan operasi Beef Valley. Pada 13 Disember iaitu semalam, saya telah menerima jawapan bertulis dari pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang mengatakan Jawatankuasa Penilaian Beef Valley telah senarai pendekkan 22 permohonan daripada 49 yang diterima. Saya juga ingin tahu jumlah pemohon tempatan yang telah disenaraipendekkan dan beri pecahan mengikut kaum. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini memerlukan notis kerana ia melibatkan statistik. Walau bagaimanapun saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kita telah menetapkan kriteria-kriteria tertentu sebelum kita menimbangkan sesuatu permohonan kepada syarikat-syarikat yang berminat untuk melibatkan diri dalam penternakan di Projek Beef Valley iaitu:

- (i) syarikat ini mestilah menggunakan sebuah syarikat sendirian berhad;
- (ii) mempunyai modal berbayar minimum sebanyak RM5 juta;
- (iii) syarikat atau pemilik syarikat mempunyai pengalaman dalam pengurusan sebuah perniagaan penternakan;
- (iv) syarikat mesti mempunyai tenaga profesional yang pakar dalam bidang penternakan; dan
- (v) syarikat yang berminat hendaklah mempunyai saham minimum milik bumiputera sebanyak 30%.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa hasrat kerajaan untuk Projek Beef Valley ini ternakan secara besar-besaran, tetapi mengikut pengalaman yang dihadapi oleh Kerajaan Malaysia seperti wujudnya Maju Ternak dahulu yang telah pun ditutup, tidakkah terasa bahawa penternakan secara besar-besaran di Malaysia ini akan menemui kegagalan? Tidakkah boleh ianya diberi secara kecil-kecilan mengikut lokasi-lokasi di merata tempat khususnya di FELDA? Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan atas pandangan Yang Berhormat mengenai dengan projek pembangunan pertanian secara berskala besar yang sedang dirancang oleh Kerajaan Negeri Sembilan bersama-sama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil pendekatan bahawa untuk memajukan sektor industri ternakan di dalam negara ini, kita tidak boleh hanya sanya bergantung kepada ternakan secara kecil-kecilan. Penglibatan sektor swasta adalah penting. Di dalam projek yang kita rancang ini bersama dengan kerajaan negeri ia memerlukan penglibatan syarikat-syarikat yang mempunyai modal yang banyak dan berpengalaman. Kita yakin syarikat-syarikat yang mempunyai modal yang besar, mempunyai pengalaman profesional, dapat menjayakan hasrat untuk mengeluarkan daging bagi keperluan negara dengan lebih banyak.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini tahap kecukupan sara diri daging pada masa ini hanya 20%, bererti kita perlu mengimport daging dengan begitu banyak dan nilai import daging adalah sebanyak RM692 juta untuk tahun 2004. Kita merancang program ini berskala besar melibatkan sektor swasta dengan tujuan supaya kita dapat meningkatkan produktiviti dan dapat mengurangkan import kita. Dari pengalaman yang lepas seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu diambil kira dan dijadikan sebagai pelajaran. Dalam masa yang sama saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan juga seharusnya memberi perhatian kepada kegiatan menternak lembu secara kecil-kecilan.

Suka saya maklumkan di sini bahawa kita tidak abaikan tugas dan tanggungjawab kita untuk membantu penternak-penternak yang kecil-kecil ini. Oleh sebab itu kita telah memperkenalkan satu program yang dinamakan Transformasi Usahawan Sektor Ternakan (Trust). Melalui program ini penternak-penternak kecil yang dipilih akan diberi lembu sebanyak 20 ekor. Dahulu kita beri seekor sahaja, sekarang ini kita beri 20 ekor sehingga boleh ditambah jadi 40 ekor. Apabila dia ternak, dia bagi balik kepada kita 20 ekor lembu ini di bawah sistem pawah. Dahulu seekor sahaja tetapi sekarang ini sampai 40 ekor. Selepas dia ternak dia pulang balik 20 ekor dan yang 20 ekor ini jadi 40 ekor - penternak kecil yang berkenaan.

Inilah program yang kita buat, maknanya dengan pihak swasta ada, dengan pihak orang kampung pun ada. Kedua-duanya - ia bertujuan serampang dua mata ke arah meningkatkan tahap kecukupan daging negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Jawapannya cukup jelas. Silakan Yang Berhormat Tuan Chiam Yong Tee.

8. Tuan Chiam Yong Tee minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah pendekatan yang akan diguna pakai untuk menerapkan pendidikan muzik ke dalam kurikulum pelajaran sekolah-sekolah rendah dan menengah di negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, pendidikan muzik sememangnya telah diserapkan dalam kurikulum persekolahan sama ada di sekolah rendah atau menengah. Di peringkat sekolah rendah pendidikan muzik memang diajar secara khusus melalui mata pelajaran pendidikan muzik. Di sekolah menengah pula walaupun pendidikan muzik tidak diajar secara khusus tetapi unsur-unsur muzik diselitkan dalam kemahiran-kemahiran yang diajar. Contohnya, dalam mata pelajaran bahasa Melayu unsur muzik dimasukkan dalam pengajaran syair dan sajak, aktiviti *choral speaking* yang dijalankan dalam mata pelajaran bahasa Inggeris juga memasukkan unsur-unsur muzik. Manakala kemahiran gimnastik berirama ataupun gimrama untuk pendeknya, dalam mata pelajaran pendidikan jasmani juga menggunakan unsur muzik dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Chiam Yong Tee.

Tuan Chiam Yong Tee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun kebanyakan sekolah menengah tidak menawarkan pelajaran muzik dalam kurikulum sekolah jadi ini amatlah merugikan. Adakah pihak kerajaan bercadang mewajibkan pengajaran muzik atau teori muzik ke dalam kurikulum sekolah menengah supaya pelajar-pelajar boleh jadi insan yang sempurna kelak.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih atas soalan itu. Memang pada masa ini mata pelajaran muzik tidaklah jadi satu subjek yang wajib di peringkat menengah tetapi yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat ini adalah satu cara yang baik untuk melahirkan insan yang harmonis pada hari esok. Untuk Ahli Yang Berhormat pendidikan muzik juga diselitkan dalam aktiviti kokurikulum melalui kelab-kelab muzik dan pasukan pancaragam. Dari segi apakah rancangan Kementerian Pelajaran dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelajaran bercadang untuk menubuhkan dua buah sekolah seni dan kami harap penubuhan sekolah seni dapat mengembangkan bakat seni pelajar-pelajar yang berpotensi dalam bidang muzik dan juga bidang-bidang seni yang lain. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Hj. Rizuan bin Abd. Hamid.

Datuk Hj. Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahap disiplin murid-murid di sekolah sejak dahulu sehingga kini masih lagi dipersoalkan, masalah gengsterisme di sekolah ialah masalah utama. Soalan tambahan saya selain pendidikan muzik melalui penyertaan dalam pasukan koir, band, begitu juga penyertaan dalam bidang sukan serta penyertaan mereka dalam bidang pasukan uniform dan seni mempertahankan diri meningkatkan disiplin murid-murid, apakah bidang baru yang diterapkan di sekolah-sekolah bagi meningkatkan lagi disiplin murid-murid? Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua saya rasa kurikulum dan juga kokurikulum yang sedia ada adalah cukup untuk menangani apa-apa masalah gejala sosial dan juga untuk melahirkan insan yang ataupun untuk pembinaan akhlak di kalangan murid. Demi memperkuatkan lagi penglibatan murid dalam bidang kokurikulum kementerian baru-baru ini telah membuat keputusan dan satu keputusan yang telah diterima ataupun satu keputusan yang dibuat oleh jemaah Menteri iaitu mulai tahun hadapan dan juga di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kami akan menambahkan peruntukan untuk bidang kokurikulum. Kami dapati bahawa ada golongan murid yang tidak mampu mengambil bahagian dalam kokurikulum kerana kekurangan kewangan jadi kami harap dengan penambahan dalam bantuan kepada sekolah yang boleh digunakan untuk kegiatan kokurikulum maka pembinaan akhlak boleh dijalankan dengan lebih lancarnya. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, bekas guru besar Yang Berhormat Hajah Samsiah.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah memandangkan sektor muzik boleh mendapatkan pulangan pendapatan yang lumayan, contoh Mawi dalam tempoh hanya tidak sampai tiga bulan pendapatan beliau hari ini melebihi pendapatan seorang menteri, adakah kementerian bercadang untuk menambah masa pengajaran mata pelajaran muzik di sekolah rendah sebagai asas yang lebih konkrit. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Saya ucapkan terima kasih atas cadangan itu. Pada masa ini seperti semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan sedia maklum kurikulum sekolah dan juga kurikulum ataupun jadual waktu persekolahan adalah begitu padat dan pada

masa ini cuma 90% daripada sekolah adalah sekolah satu sesi. Jadi kalau kami ingin menambahkan masa untuk subjek mata pelajaran muzik, mungkin ada kekangan daripada masa untuk lain-lain mata pelajaran. Saya akan ambil cadangan ini balik ke kementerian dan apabila kami dapat membolehkan semua sekolah menjadi satu sesi dan kita dapat melanjutkan lagi masa persekolahan saya harap kita dapat mengimplementasikan laksanakan cadangan tersebut. Terima kasih.

9. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan adakah kementerian berpuas hati dengan khidmat yang diberikan oleh Biro Guaman kepada janda-janda yang memerlukan khidmat guaman dalam kes-kes tuntutan nafkah dan perceraian dan apakah langkah-langkah untuk memperbaikinya kalau perkhidmatan itu di rasa belum memuaskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Biro Bantuan Guaman adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kementerian ini berpandangan khidmat yang diberikan oleh BBG secara umumnya adalah memuaskan. Pihak BBG sedang mengambil tindakan untuk memperkemas sistem penyampaian perkhidmatan mereka supaya ianya lebih kemas dan teratur. Ini termasuklah sistem memfailkan tuntutan di mahkamah, sistem pengurusan kes dan peningkatan kepakaran para peguam BBG dalam pengurusan kes-kes dengan lebih efektif dan efisien. Terima kasih.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: *[Bangun]*

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Abdul Ghani selepas itu Dato' Haji Abdul Rashid sebagai penanya soalan asal.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah peranan kementerian kepada isteri-isteri yang digantung tidak bertali oleh suaminya dan berapa ramaikah isteri yang digantung tidak bertali yang telah diselesaikan atau dibantu oleh kementerian untuk menyelesaikan masalah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada statiknya Yang Berhormat, ibu-ibu yang tidak bertali?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Ibu dan isteri sama. Kadang-kadang itu dia tidak ada tempat untuk mengadu hal.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Adakah bermakna itu perkahwinan yang tidak menjalankan pendaftaran yang rasmi?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Daftar perkahwinan tetapi dia tidak pedulikan isteri dia, tinggalkan isteri tidak diceraikan, bererti tidak bertalilah.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Untuk isteri-isteri yang telah di *abandon* dengan izinnya, oleh suami-suami mereka, kalau mereka menghadapi masalah-masalah emosi mereka boleh dapatkan perkhidmatan kaunseling dari kementerian kami. Dan kalau mereka menghadapi masalah kehidupan kerana ada anak-anak yang perlu dijaga mereka boleh memohon bantuan wang kanak-kanak melalui kementerian kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jelas isteri-isteri yang tidak bertali tadi juga diberi perhatian. Sila Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Ada satu kumpulan lagi selain daripada digantung tidak bertali salai tidak berapi, itu pun satu masalah juga Tuan Yang di-Pertua. Tetapi walau bagaimanapun izinkan saya bertanya soalan tambahan. Memandangkan kepada tuntutan nafkah dan sebagainya yang ada hubungannya dengan Mahkamah Syariah selain daripada mahkamah biasa, apakah peranan yang boleh dimainkan oleh Biro Guaman yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi khidmatnya memuaskan. Saya rasa belum memuaskan kalau kita dengar daripada sungutan-sungutan ataupun kes-kes yang tersiar dalam surat khabar di mana perceraian mengambil masa yang lama. Ertinya kita memerlukan satu peningkatan dalam khidmat yang diberikan oleh badan-badan seperti Biro Guaman dan sebagainya.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti apa yang saya jawab tadi, Biro Bantuan Guaman ini adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri oleh itu bukan di bawah kementerian kita tetapi untuk maklumat Yang Berhormat objektif untuk penubuhan BBG ini adalah untuk memberi khidmat nasihat guaman serta khidmat perantaraan dan kesedaran undang-undang kepada mereka yang layak. Perkhidmatan yang disediakan meliputi kes kekeluargaan syariah oleh itu apa masalah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi kita akan memaklumkan kepada Jabatan Perdana Menteri supaya mereka ambil perhatian dalam perkara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee.

10. Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah perancangan yang akan diambil oleh kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan anggota polis di seluruh negara.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]:

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk mengatasi masalah kekurangan anggota di pasukan polis tindakan telah diambil melalui permohonan penambahan perjawatan kepada agensi pusat. Sejak tahun 2002 sejumlah 45,148 jawatan baru telah dipohon untuk pertimbangan pihak agensi pusat. Jumlah permohonan tambahan tersebut melibatkan semua jabatan di bawah pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Bagi tempoh tiga tahun iaitu daripada 2003 hingga 2005 sejumlah 3,574 jawatan baru telah diluluskan oleh agensi pusat kepada PDRM. Kelulusan agensi pusat terhadap permohonan tambahan jawatan dibuat secara berperingkat berdasarkan keupayaan kewangan negara juga keupayaan pihak PDRM untuk melatih anggota baru.

Sejak tahun 2003 urusan pengambilan dibuat setiap tahun bagi mengisi kekosongan perjawatan sedia ada dan juga perjawatan tambahan bagi menampung kekurangan anggota sedia ada.

Tahun	Peringkat Pegawai	Anggota lain-lain pangkat	Jumlah Pengambilan Anggota
2003	428	4,590	5,018
2004	500	4,595	5,095
2005	682	3,193	3,875
JUMLAH			13,988

Pihak PDRM akan terus menambah pengambilan anggota baru untuk tahun-tahun akan datang bagi menampung kekurangan anggota. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri yang menjawab tadi. Soalan tambahan

saya Tuan Yang di-Pertua, mungkin keluar sedikit daripada soalan asal tetapi mengenai kementerian juga. Demi kepentingan rakyat, pagi-pagi ini kita lihat di muka-muka depan akhbar tempatan yang mana kita lihat tahanan lokap wanita oleh polis adalah keturunan Melayu warganegara Malaysia.

Saya ingin tahu siapakah yang dipertanggungjawabkan sehingga negara kita terpaksa menghantar Menteri ke negeri China untuk memohon maaf sedangkan kita tidak siasat latar belakang wanita tersebut, terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua kalau mengkaji peristiwa-peristiwa pada beberapa minggu yang baru ini memang ada beberapa peristiwa yang mula dengan laporan di mana 50 ribu pelancong dari negara China ini tidak balik ke negara asalnya. Selepas itu kejadian-kejadian seperti.....rakyat China telah membuat tuduhan bahawa mereka telah jalankan *research and squat* dan sebagainya dan selepas itu pun keluarkan.....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua tidak dengar, tidak dengar.

Tuan Chia Kwang Chye:klip-klip video di mana ada seorang perempuan yang ditunjukkan perempuan itu pada *search and squat* dan sebagainya dan mungkin ada anggapan kerana peristiwa ini, anggapan bahawa....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua minta maaf tidak dengar, tidak dengar.

Seorang Ahli: Mohon laluan, tidak dengar Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chia Kwang Chye: Mungkin ada anggapan bahawa kerana peristiwa yang terjadi sebelum itu anggapan ramai orang dan termasuk surat-surat khabar yang membuat laporan adalah di mana memberi satu persepsi di mana orang yang di dalam video itu ada orang keturunan Cina sama ada di negara Malaysia atau di negara China tidak dipastikan.

Oleh sebab anggapan itu dan peristiwa yang terjadi memang orang akan katajadi semalam pun kita sudah pentingkan bahawa orang yang dalam video itu bukan orang keturunan Cina ataupun dari negara China jadi saya menasihatkan kepada semua pihak termasuk surat khabar oleh kerana isu-isu yang sensitif ini yang boleh menjejaskan perhubungan di antara dua negara dan boleh melibatkan penurunan pelawat-pelawat atau pelancong bukan sahaja dari negara China tetapi juga dari negara lain. Kita menasihatkan supaya kita tidak mengulangi gejala ini supaya kita bersama-

sama bekerjasama dan bertanggungjawab menjaga imej negara kita. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006

Bacaan Kali Yang Kedua

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murad untuk berucap.

11.19 pg.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin untuk kita sama-sama membahar Usul Rang Undang-undang Perbekalan 2006 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan pada 30 September di Dewan Rakyat yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, tema belanjawan seperti mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari itu ialah 'Membina Ketahanan Menghadapi Cabaran'. Kita ingin merafak syukur ke hadrat Ilahi kerana kita mempunyai seorang Perdana Menteri yang mana ia adalah cucu kepada seorang ulama yang terkenal di negara kita pada suatu ketika dahulu dan sememangnya cucu cicit ulama ini akan menurunkan ciri-ciri ketenangan, kesejahteraan dan segala kebaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa bajet 2006 yang disebut itu telah menggariskan sebanyak RM136 bilion yang akan dibelanjakan dalam tahun 2006. Setiap tahun belanjawan demi belanjawan dibentangkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini.

Kita berasa bersyukur kerana kerajaan sentiasa mengambil berat dan memberi tumpuan yang tinggi terhadap isu pendidikan. Tiap-tiap tahun sejumlah banyak wang telah diperuntukkan untuk memastikan atas kepercayaan kita bahawa pendidikan ini ialah satu keperluan yang mesti dilaksanakan untuk memastikan masyarakat kita adalah

merupakan masyarakat yang berilmu. Tahun depan Tuan Yang di-Pertua, sektor pendidikan memperoleh RM28.5 bilion ia merupakan RM20.9% daripada jumlah perbelanjaan negara tahun depan. Seperti mana yang saya sebut bahawa kita rasa bertuah kerana kerajaan memberi perhatian yang tinggi terhadap kepentingan ilmu dan masyarakat berilmu adalah merupakan masyarakat Malaysia yang dikehendaki.

Namun demikian, kita tidak tahu di mana silap dan salahnya di kampung saya Sekolah Datuk Kayaman di Perlis saya terkejut apabila saya memantau perkembangan sekolah ini apabila saya terlibat aktif dalam politik beberapa tahun yang lalu, saya terkejut tahun 2005 ini terdapat 6 orang murid yang telah menduduki peperiksaan UPSR tetapi tidak boleh membaca menulis dan mengira. Apabila disiasat latar belakang murid-murid ini, kita tahu bahawa memanglah murid-murid ini datang daripada keluarga yang berpecah. Ada anak yatim dan daripada latar belakang keluarga yang daif.

Yang menjadi persoalan Tuan Yang di-Pertua, kita melalui proses menulis, membaca dan mengira seperti mana yang ditekankan oleh Kementerian Pendidikan beberapa tahun dahulu tetapi masih ada pelajar yang tercicir daripada kebolehan menulis, membaca dan mengira.

Saya tidak tahu di mana silapnya tetapi yang pasti kelemahan kita ialah tanggungjawab ibu bapa tidak disempurnakan dengan baik. Itu sebab saya kata mereka ini semua datang daripada keluarga yang bermasalah kerana ada satu daripada 6 ini adalah anak yatim.

Tuan Yang di-Pertua, sayang kita membelanjakan begitu banyak wang di kampung saya 6 orang tidak duduk peperiksaan UPSR ialah setelah melalui proses 6 tahun pembelajaran tidak boleh mengira dan membaca. Oleh sebab itu kita percaya bahawa keluarga ini memang keluarga masalah oleh sebab itu maka pasti masalah akan ada. Oleh sebab itu saya berasa bertuah kerana di Perlis, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis ini sungguh minat dengan isu pendidikan ini hingga beliau membelanjakan wangnya sendiri untuk membantu mengadakan kelas-kelas tambahan untuk mencipta kecemerlangan dalam pendidikan.

Walaupun kelas-kelas tambahan diadakan untuk tujuan mencari kecemerlangan ini tetapi oleh kerana kadang-kadang ada keluarga-keluarga yang tidak dapat menghantar anak-anaknya untuk mengikuti kelas-kelas tambahan ini, ini satu kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa tanggungjawab mendidik anak ini bukanlah hanya diletakkan pada kerajaan tetapi peranan institusi keluarga itu sendiri

mesti menitik beratkan kecemerlangan dalam pendidikan. Di Perlis, saya terlibat secara langsung dalam beberapa organisasi-organisasi. Apa yang kita laksanakan ialah kita hendak mengajak semua masyarakat untuk memberi tumpuan dan perhatian kepada pendidikan ini.

Di dalam ceramah-ceramah serta program-program Majlis Belia Negeri Perlis, Dewan Perniagaan Melayu, Badan-badan Sukan yang lain seperti persatuan badminton, persatuan *volleyball* yang mana semuanya saya adalah merupakan yang dipertuannya, jadi saya tekankan bahawa keluarga harus digerakkan bersama-sama dengan kita untuk kita mencapai kecemerlangan dalam pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendak gerakkan masyarakat untuk memberi tumpuan, untuk mengambil peranan yang positif, kita hendak keluarga-keluarga yang daif yang bermasalah dapat menyelesaikan masalah sehinggakan di sekolah yang saya sebutkan tadi kita mempunyai biodata tiap-tiap ibu bapa supaya kita mencari jalan bagaimana kita hendak menolong supaya anak yang bersekolah ini diberi tumpuan pengajiannya.

Itulah tanggapan masyarakat yang silap kadang-kadang apabila dia hantar anak ke sekolah maka itulah tanggungjawab mereka hantar anak ke sekolah, tetapi kita kena ingat bahawa kita mendidik anak bukan membela anak. Oleh sebab itu mendidik ini memerlukan lebih daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengadakan program-program tambahan selain yang diadakan oleh Jabatan Pendidikan kita dapati keputusan-keputusan peperiksaan yang keluar telah menunjukkan satu kemajuan yang paling mengembirakan bahawa pelaburan kita dalam bidang pendidikan telah nampak walaupun tidak sejauh mana kejayaannya telah nampak perubahan sikap di kalangan ibu bapa, di kalangan masyarakat untuk bersama-sama dengan kita untuk mencapai cita-cita kecemerlangan dalam pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang saya hendak sebutkan di sini ialah isu gejala sosial yang melanda di semua pelosok negara kita. Walaupun kita tahu bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat yang telah menjalankan berbagai-bagai program untuk sama-sama, sama ada dari segi membuat kaunseling.....

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih. Membuat kaunseling dan khidmat nasihat supaya gejala-gejala sosial yang melanda masyarakat pada hari ini dapat dibanteras. Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dapat bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran umpamanya bahawa dari awal-awal lagi kita dapat mengenal pasti masalah-masalahnya, sebab sekolah mempunyai butir-butir berkenaan dengan pelajar-pelajar yang bermasalah kerana puncanya, silapnya, akan boleh dikenal pasti di sekolah-sekolah. Kita tahu, kita dapat menilai budak-budak mana yang akan melibatkan diri dalam aktiviti gejala sosial ini.

Oleh sebab itu jika diselaraskan antara kementerian tersebut dan daripada jabatan itulah, maka kementerian boleh mengambil tindakan-tindakan kaunseling dan sebagainya, untuk memastikan mereka yang dikenal pasti ini yang akan memberi punca masalah gejala sosial di negara kita, kalau ini dapat dikenal pasti dan awal-awal lagi diberi kaunseling dan perhatian bagi memastikan bahawa mereka ini tidak meneruskan kerja-kerja gejala sosial. Kita kadang-kadang, adakah nak meletakkan kesalahan ini bahawa ini satu kegagalan dalam dasar pendidikan negara kerana anak kita lepas sekolah terlibat dalam serba segi kerja gejala sosial ini. Oleh sebab itu pendekatan yang perlu diambil ialah supaya dua kementerian ini bekerjasama untuk menyelesaikan masalah sebelum ia menjadi lebih tenat.

Ada pepatah mengatakan, "Melentur rebung biarlah di masa mudanya", melentur buluh, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, "Melentur buluh biarlah di masa rebungnya". Oleh sebab itu kita berpendapat bahawa penyelarasan bagi mencapai matlamat ini, di antara kementerian-kementerian ini dapat menyelesaikan banyak masalah yang apabila mereka dewasa depa akan menimbulkan masalah. Tuan Yang di-Pertua.....

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusuf: Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berfikir panjang sebelum memberi laluan kepada Yang Berhormat Puan Siti Zailah mengapa agaknya?

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusuf : Saya pun tak tahu. Saya tertarik dengan apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan permasalahan kegawatan sosial yang membimbangkan negara kita, yang kita lihat fenomena ini

merupakan satu masalah bukan sahaja melibatkan dua kementerian yang saya rasa perlu keselarasan, malah semua pihak dan kita lihat ini menunjukkan satu manifestasi kecelaruan hidup yang berpunca daripada seolah-olah satu kehilangan arah dan petunjuk. Kemungkinan sebab kita tidak menggunakan petunjuk yang telah ditunjukkan oleh agama itu sendiri. Jadi saya melihat bagaimana suasana fenomena yang ada pada hari ini menampakkan pada kita, manusia, anak-anak, pelajar yang kita didik ini maknanya penekanannya tidak menyeluruh maksud saya dari segi rohnya, kerohaniannya, dari segi mental dia, dari segi fizikalnya tidak seimbang perkembangannya.

Jadi sebab itulah masalah yang ada dalam negara kita hari ini bukan sahaja masalah di sekolah rendah, sekolah menengah, tetapi sampai kepada peringkat pengajian tinggi, universiti bagaimana kita dapat maklumat dari Dewan yang mulia ini semalam, universiti pun banyak masalah seperti contohnya meniru dalam peperiksaan, masalah berkhalwat, masalah menipu dan sebagainya dan perkara ini tak seharusnya berlaku. Jadi apa pandangan Yang Berhormat dalam menangani isu ini seharusnya semua pihak kita kembali kepada panduan agama yang telah ditunjukkan oleh Islam itu sendiri sebagaimana Allah S.W.T. berfirman dalam Al-Quran dengan izin (*membaca sepotong ayat Al-Quran*) ini bagaimana peringatan Allah dalam Al-Quran, bagaimana Allah memberi gambaran kepada kita ketika Luqman berkata kepada anaknya, "Wahai anak ku, janganlah kau mempersekutukan Allah, sesungguhnya syirik itu adalah satu kezaliman yang besar".

Maka akibat daripada kerapuhan akidah, kerapuhan pegangan inilah pada pandangan saya inilah di antara punca kenapa anak-anak kita hari ini tidak mempunyai daya tahan, remaja-remaja hari ini tidak mempunyai daya tahan dalam menghadapi cabaran semasa kini. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Tuan Yang di-Pertua, mula-mula saya terkejut tadi sebab bila Yang Berhormat bangun, saya bimbang, takut dia nak kira inilah kerajaan, inilah salah kerajaan tetapi alhamdulillah apa yang kadang-kadang - mungkin apa yang dibangkitkan itu memang ada relevannya.

Tuan Yang di-Pertua: Perangai hodoh pun nak disalahkan kerajaan.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Jadi sebab itu saya terkejut rupanya Tuan Yang di-Pertua ini dia perhati habis. Jadi saya bersetuju dengan pendapat yang

dikemukakan oleh Yang Berhormat dan insya-Allah kita bersama-sama dalam soal ini kerana ini soal ummah, soal apa yang berlaku dalam negara kita dan adalah menjadi tanggungjawab kita untuk sama-sama menyelesaikan, kalaulah Yang Berhormat tadi boleh membuat teguran-teguran dengan baik, keikhlasan kita terima. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, isu.....

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusuf: Yang Berhormat, sikit ya penjelasan. Saya minta juga satu persepsi negatif kepada kami sebagaimana yang disebut, minta maaf Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau kita hayati Peraturan Mesyuarat tak bolehlah dua-dua ahli yang berdiri pada satu-satu masa, jadi siapa yang nak beri laluan siapa yang tak mahu beri laluan.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Tak apa saya beri laluan, saya mengalah beri laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusuf: Terima kasih, sebenarnya kami menegur, bukan kata kita nak memburukkan kerajaan cuma kita menegur apa yang tak baik untuk kita mewujudkan satu suasana yang harmoni kita sayangkan negara kita. Jadi kalau satu persepsi mengatakan bahawa apa yang kami sebut ini semuanya buruk-buruk, saya rasa satu perkara yang kena betulkanlah maknanya bukan kita membangkang perkara yang baik, apa yang tak baik sahaja kita tegur itu sahaja, terima kasih.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat : Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memanglah yang menegur itu dia kata dia ikhlas, tetapi yang kena tegur. Jadi yang bercakap dengan yang menerima cakapan itu adalah dua orang yang berbeza. Oleh sebab itu kita kena guna kaedah yang baik untuk nak menegur demi kebaikan, jadi janganlah kita itu salah ini salah, banjir di Kelantan pun salah kerajaan.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dua-dua Yang Berhormat, saya kena kawal di sini seperti saya katakan semalam kalau kita tak berhati-hati sekelip mata sesuatu perbahasan boleh beralih corak menjadi pertengkaran. Maka ruang sekarang ialah ruang untuk perbahasan, jadi Yang Berhormat bolehlah teruskan dengan hujah-hujah untuk menguatkan sokongan atau bangkangan Yang Berhormat bergantung pada pendirian Yang Berhormat dalam soal ini, tetapi tadi Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah dah bangun sama ada Yang Berhormat nak memberi laluan pula atau tidak.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Tuan Yang di-Pertua saya nak adil, saya nak beri laluan kepada cikgu besar.

Puan Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Yang Berhormat, saya juga terpanggillah dalam masalah sosial sebab mungkin sebagai seorang bekas guru besar jadi banyak pengalaman juga dalam hal ini berkenaan dengan kecelaruan hidup, jasmani dan rohani yang tidak seimbang, kerapuhan imam, murid juga mempunyai masalah, murid sekolah menengah lagi masalah, universiti juga mempunyai masalah, tetapi apa yang nak saya perkatikan ialah bagaimana pula jika yang ini bolehlah kita katakan mereka ini kurang keimanan, nipis, kerapuhan iman mereka. Bagaimana pula dengan imam yang ditangkap khalwat? Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Yang Berhormat itu pandangan yang dikemukakan, itulah kita manusia insan biasa dia tak kira imam, dia tak kira ulama, dia tak kira cikgu, dia tak kira sifu ke, yang buat salah sifat ketidaksempurnaan kita sebagai manusia itu sentiasa ada, cuma apa yang kita harapkan kita dapat perbaiki diri kita daripada gejala-gejala yang kita sendiri tak suka. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bertanya kepada ibu bapa-ibu bapa kepada anak-anak ini, adakah anda mahu anak-anak anda cemerlang dalam kehidupan, tidak ada seorang ibu dan bapa pun akan menjawab, "Saya nak anak saya tak cemerlang". Ini satu jawapan yang realistik, semua nak kalau orang Islam semua nak masuk syurga tetapi tuan-tuan dan puan-puan, nak masuk syurga dia kena buat apa yang diperturunkan dalam ajaran agama Islam kita.

Amal jariah, bekal untuk pergi ke syurga tetapi dia tak buat amal jariah tetapi dia nak masuk syurga, jadi macam mana nak masuk syurga bila usaha nak masuk syurga itu tidak cukup, maka tak masuk syurga. Kalau tanya semua orang nak masuk neraka semua pun tak mahu, semua nak masuk syurga tetapi tidak usaha untuk nak masuk syurga, begitu juga dengan urusan-urusan kehidupan kita semua nak kaya, semua nak sihat, semua nak kebahagiaan tetapi kita tidak pernah berusaha walaupun ada yang berusaha dan berjaya tetapi kebanyakannya tidak berusaha untuk mencapai matlamat hidup ini. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, berlakulah kita tidak dapat mencapai matlamat apa yang kita impikan, ini pula apabila anak itu dilahirkan maka apabila ditanya dia nak anak dia pandai, menjadi seorang cerdik pandai dapat membantu negara, membangunkan negara ini tetapi tuan-tuan dan puan-puan, kecikiran di sana dan di sini dalam pelajaran memberi tamparan yang hebat kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin nak menyebut di sini, kita memanglah cemburu kepada negeri Selangor kerana negeri Selangor telah mencapai negeri maju, Yang Berhormat depan saya berpaling tengok pasal dia orang Selangor. Kita cemburu, cemburu dalam erti kata yang baik, negeri Perlis pun kalau boleh kita nak ikut, nak ikut Selangor, nak jadi negeri maju, tetapi tuan-tuan dan puan-puan bila kita sebut soal meritokrasi dalam hidup kita ini sesiapa yang mempunyai *advantage* itu akan berjaya dan sesiapa yang cepat menerima perubahan untuk kejayaan itu pasti akan berjaya. Oleh sebab itu menjadi cita-cita orang Perlis untuk maju macam negeri Selangor. Cuma, Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita nak sarankan di sini bila kita nak laksanakan meritokrasi biarlah kita bermain bola di padang yang setanding, walaupun Perlis kalah dengan Selangor *final* itu hari, tetapi biarlah kita main bola di padang yang canggih. Biarlah kemudahan-kemudahan yang ada di Selangor itu yang mana Selangor ini mendapat tuah kerana Kerajaan Persekutuan berada dalam negeri Selangor mulamulanya, sekarang Wilayah Persekutuan, Putrajaya.

Oleh sebab itu, semua konsentrasi, pembangunan dan kemajuan berada di sini. Jadi tidak payahlah orang Selangor kerja kuat, walaupun mereka kerja kuat sebab dia kalahkan Perlis 3-0 *final*. Tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat Perlis menunjukkan keupayaannya. Masuk *final* ini bukan calang-calang. Boleh masuk *final* ini Piala Super, ini bukan calang-calang tuan-tuan. Sebab itu tuan-tuan, kenapa saya kaitkan dengan meritokrasi ialah kerana nasib Selangor ini dia berada di tempat yang sesuai. Cuma, kita boleh duduk jauh sikit. Komputer..... [Batuk] Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat terlalu kaitkan meritokrasi dengan permainan bola sepak, nanti orang ingat orang Perlis ini tidak ada kerja lain, main bola sahaja. [Ketawa]

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Contoh Tuan Yang di-Pertua, mungkin contoh lain ialah seperti mana yang saya sebutkan tadi bahawa semua pembangunan berada di Selangor. Sebab itu oleh kerana keistimewaan Perlis ini ialah, dia bersempadan dengan negeri Thai. Ia merupakan pintu masuk dan keluar di antara dua buah negara. Maka strategiknya Perlis ialah dia merupakan pintu keluar dan masuk. Oleh sebab itu, barang-barang Thailand yang hendak datang ke Malaysia, dia mesti lalu ikut sempadan sama ada Bukit Kayu Hitam ataupun Padang Besar. Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam erti kata pelaburan, ada tanggapan-tanggapan negatif mengatakan

Perlis tidak ada pelabuhan. Kalau kita hendak buka kilang, hendak mengeluarkan, hendak mengeksport barang ini keluar, pelabuhan jauh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa perjalanan daripada Perlis ke Pelabuhan Pulau Pinang hanya memakan masa satu jam setengah. Kalau pengeluaran diadakan di Perlis, kita boleh membangunkan rangka servis untuk hendak *fit* Pelabuhan Pulau Pinang, hantar barang-barang melalui kapal. Ini adalah kelebihan-kelebihan yang ada di Perlis.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita hendak menyarankan kepada kerajaan, bukan sahaja untuk negeri Perlis, bahawa kawasan-kawasan lain seperti Kedah, Terengganu dan Kelantan yang kurang maju diberi perhatian yang lebih dalam aspek menarik pelaburan. Kalau boleh *design*kan sesuatu insentif yang boleh menarik pelaburan ke negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyatakan di sini bahawa kos buruh di Perlis murah jika dibandingkan dengan tempat-tempat lain seperti Selangor. Oleh sebab itu, ia akan memberi pulangan yang lebih bagi mereka yang melabur di Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyentuh berkenaan dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Di dalam beberapa perbincangan yang diadakan dalam erti kata kita untuk hendak mewujudkan halal *hub*, Malaysia sebagai pusat halal *hub*. Hasil daripada perbincangan yang kita adakan itu menunjukkan kepada kita bahawa jabatan yang dinamakan Jabatan Kemajuan Islam ini, memerlukan sikap yang lebih proaktif dalam proses kita untuk hendak mengemukakan Malaysia sebagai halal *hub center* di rantau ini. Kita hendak supaya pemikiran, cara kita mengemukakan pandangan, cara kita bertindak dalam menyelesaikan isu-isu Islam ini. Bila kita tanyakan bagaimana kita hendak pastikan kilang-kilang sembelih yang bukan dikendalikan oleh orang-orang Islam ini, proses penyembelihannya mengikut Islam?

Maka jawab, jabatan itu dia kata kami sahaja ada enam orang kakitangan. Macam mana kami hendak di merata-rata tempat, di kilang-kilang penyembelihan yang begitu banyak? Lebih daripada jumlah mereka yang ada. Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu kita lihat bersama demi kebaikan, biarlah JAKIM ini mempunyai *open minded*, minda yang terbuka. Terbuka dalam erti kata untuk memastikan kemajuan Islam ini kita hendak capai macam mana kalau kita tidak dapat meng*address*kan masalah-masalah ini. Cuba Ahli-ahli Yang Berhormat fikirkan Jabatan Kemajuan Islam hendak mentadbir Bank Islam umpamanya. Adakah pegawai-pegawai yang mempunyai

kepakaran untuk mentadbirkan sebuah bank umpamanya. Adakah mereka mempunyai kepakaran untuk memastikan program untuk menjadikan Malaysia ini sebagai halal *hub center*. Oleh sebab itu, sikap dalam jabatan perlu ditingkatkan untuk menjamin bahawa kita sebut Islam ini, kita mestilah lebih baik daripada yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mengambil kesempatan ini untuk menyebut kerana kita sungguh sayang dengan MAS dan Bank Islam itu kerana ia ialah merupakan organisasi yang mengibarkan bendera bangsa kita. Kerugian yang diumumkan oleh Bank Islam sebanyak RM700 juta, MAS sebanyak RM300 juta. Ahli-ahli Yang Berhormat memberi kita persoalan yang harus kita cari jawapan ini. Bukan kita hendak menuduh penyelewengan dan sebagainya, hanya sekadar hendak menuduh, hanya sekadar hendak menyebut orang itu tidak betul, orang itu tidak kena, kita hendak supaya kedua-dua Lembaga Pengarah Bank Islam dan MAS ini memikul tanggungjawabnya dengan sempurna. Kita hendak.....

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Pohon laluan.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Sila.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini, kalau wanita bangun mohon laluan, dia mengambil masa banyak hendak fikir, hendak beri laluan. *[Ketawa]*

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih. Saya cuma ingin meminta pandangan Yang Berhormat. Ketika persoalan dalam Dewan ini mengenai dengan kerugian Bank Islam yang berjumlah RM700 juta, di mana RM700 juta ini untuk makluman adalah hutang yang ditinggalkan oleh Barisan Nasional kepada Kerajaan PAS Negeri Kelantan yang mengambil masa 15 tahun untuk dibayar. Tetapi apa jawab Menteri ialah, saya baca dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "Kerugian Bank Islam adalah satu kes yang terpencil, satu lagi yang disebut ialah yang *insignificant* yang tidak menjejaskan prestasi dan perkembangan industri. Mungkinkah pandangan-pandangan daripada Menteri yang sebegini yang menyebabkan kerugian-kerugian di dalam syarikat-syarikat milik kerajaan begitu berleluasa kerana tidak ada tindakan yang tegas dan sikap ambil mudah di atas kerugian-kerugian ini. Kalau rugi, tambah lagi peruntukan setiap tahun. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Tuan Yang di-Pertua, saya hairan kenapa apabila saya turut serta dalam perbahasan, saya tengok yang duduk menyelit ini

hanyalah wanita. Itu sebab saya terpegun Tuan Yang di-Pertua. Tengok-tengok kawan-kawan saya yang lelaki lain tidak ada mencelah. Walau bagaimanapun....

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin sebab Yang Berhormat mempunyai karisma yang tertentu. *[Ketawa]*

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas *compliment* itu. Saya ingin hendak menyebut, berniaga ini bukan ada jaminan tertentu. Begitulah juga dengan Bank Islam, tidak ada jaminan untung. Siapa kata berniaga semua untung? *No*. Tidak semua berniaga untung. Ada yang berniaga rugi, ada yang bankrap. Oleh sebab itu kita kena terima hakikat. Menteri jawab macam mana kita terima hakikat. Berniaga, rugi, maka rugi.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma terkilan kerana di dalam mereka yang mempunyai kedudukan untuk membuat keputusan, yang mungkin menyebabkan kerugian yang begitu banyak. Ini kerana, mereka yang telah dipertanggungjawabkan dan diamanahkan itu sama ada mengambil landasan pemikiran ataupun tindakan korporat yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menjadi Ketua Eksekutif sebuah syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur pada suatu ketika dahulu. Apabila saya mengambil alih syarikat ini, saya mendapati syarikat ini mempunyai unsur-unsur yang tidak sihat begitu banyak. Maka kita pun mengadakan satu *management audit* dan audit akaun. Akhirnya kita telah memutuskan bahawa seperti mana yang berada di dalam *balance sheet* itu, hanya perkara yang boleh menimbulkan kerugian kita. Tetapi oleh kerana kita hendak pegang amanah pemegang-pemegang saham ini, kita hendak *company* turut untung, maka kita terpaksa membuat keputusan berdasarkan kepada akaun-akuan ragu yang ada di dalam *balance sheet* itu, sama ada hendak dilupuskan sepenuhnya atau peringkat demi peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya keputusan yang dibuat. Jika keputusan itu dibuat untuk kepentingan badan-badan ini, bukan kepentingan peribadi yang menerajui kepimpinan itu, maka kita sokong walaupun dia rugi, kerana demi kebaikan Bank Islam. Kadang-kadang kalau berniaga untung-untung, kita tidak ada pengalaman macam mana hendak rugi. Jadi.....

Datuk Omar bin Faudzar: Ini lelaki pula hendak minta laluan.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Ya. Tuan Yang di-Pertua tidak apa lelaki. Saya tunggu-tunggu lelaki ini.

Datuk Omar bin Faudzar: Tadi, rakan saya Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah ada menyatakan bahawa *statement* daripada Menteri, bahawa kerugian yang sebanyak berapa ratus ribu itu adalah satu perkara yang.....

Beberapa Ahli: Juta. RM700 juta.

Datuk Omar bin Faudzar: Ya?

Seorang Ahli: RM700 juta.

Datuk Omar bin Faudzar: RM700 juta adalah satu perkara yang kecil. Jadi dia ambil satu isu itu mengatakan seolah-olah macam Menteri itu tidak pandai. Kalau kita tengok balik, semasa *recession*, banyak syarikat yang gulung tikar. Kalau kita biarkan begitu sahaja, bank-bank yang bagi pinjaman juga akan gulung tikar. Hari ini, pada tahun sudah dan hingga tahun ini kita ada juga satu lagi dana harta yang cuba bantu syarikat-syarikat yang juga terpaksa bantu bank-bank. Kalau dia tidak bantu syarikat ini, bank juga akan sakit.

Dalam isu yang sama juga sekarang ini, kalau kita katakan RM700 juta itu *profit and loss* ya. Tetapi kalau Bank Islam ataupun melalui dana yang boleh kita tubuh ini, kita boleh buat *collection* balik. Syarikat-syarikat yang membuat pinjaman ini, sudah tentu ada *collateral* yang diberi kepada bank. Kita tak tahu jumlah *collateral* ini berapa banyak? Jadi mungkin kalau katakan RM700 juta tadi, dah turun sehingga RM50 juta. Itu yang mungkin dimaksudkan oleh Menteri tadi. Tapi kalau kita nak katakan, Menteri itu kata RM700 juta adalah satu perkara yang enteng, senang, perkara kecil, saya rasa itu tak betul.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Pohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bagaimana sekarang?

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Saya bagi peluang kepada yang laki-laki Tuan Yang di-Pertua.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Saya nak jawab tadi yang..

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Tak ini yang ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat hanya dibenarkan untuk mengemukakan. Sebagaimana saya katakan tadi, ini perbahasan. Saya perlu kawal supaya ianya tidak jadi pertengkaran.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kakanda saya Yang Berhormat di atas peluang yang diberikan kepada saya.

Saya Cuma pohon sedikit penjelasan di atas pengalaman Yang Berhormat menerajui beberapa syarikat GLC dan juga syarikat-syarikat persendirian sebelum ini.

Kita lihat apa yang berlaku, yang kita perbincangkan pada hari ini, dapat kita simpulkan atas satu perkara iaitu kurangnya kawalan ataupun pemantauan dibuat oleh kerajaan terhadap individu-individu yang dipertanggungjawabkan sama ada menjadi CEO ataupun MD di dalam syarikat berkenaan.

Kerana saya berbincang dengan kawan saya dalam hal menguruskan wang ringgit dan juga urusan-urusan yang berkaitan dengannya, kadang kala sukar untuk kita mempercayai bahawa seseorang itu dia tidak terfikir untuk membuat sesuatu yang kadang-kadang sebelum ini tidak pernah dilakukannya. Seperti penyelewengan, nepotisme dan lain-lain yang membolehkan dia mendapat sedikit sebanyak pengalaman, keuntungan dan sebagainya.

Kata kawan saya, Dato' Haji Idris di Sarawak, dia kata kalau buaya di Sungai Sarawak pun, waktu dia tidak mengganas, dia memerhatikan juga mangsa-mangsa yang lalu di kiri-kanan sungai berkenaan. Makna kata, dia tak buat pun, tapi dia tengok, memerhati. Jadi dalam hal ini, saya rasa tindakan yang berkesan yang boleh diambil oleh kerajaan, jangan kita mempertaruhkan seluruh kepercayaan ataupun dengan izin, *element of trust* kepada seseorang individu. Kerana kita harus buat kawalan. Kawalan ini bukan setakat mendapat laporan, report, audit akaun, sudah mencukupi untuk kita nak buat penilaian bahawa tidak ada pilihan.

Tapi kita kena buat pemantauan ini, letakkan staf wakil kerajaan, terutamanya bukan sahaja GLC, syarikat-syarikat yang telah diswastakan, yang kerajaan ada golden share, dalam syarikat berkenaan. Mesti buat pemantauan. Supaya kita lihat perkara-perkara yang telah berlaku ini tidak berulang kepada syarikat-syarikat lain yang sedang berada dalam momentum atau landasan yang cukup baik seperjalanan. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu Dato' Omar tadi dia cemburu kat saya, orang perempuan dok tanya saya. Betul tak? Adinda saya tu dari Perlis? Tuan Yang di-Pertua, pertama saya, saya ingat saya cadang Dato' Omar jumpa dengan Yang Berhormat - dekat, Yang Berhormat boleh selesaikan masalah. Isu-isu pengurusan yang timbul ini mestilah diaddresskan. Tuan Yang di-Pertua, sebab tadi saya belum sempat nak habis kaedah-kaedah yang boleh digunakan dalam bagaimana kita nak menyelesaikan masalah yang timbul.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Pohon laluan, saya nak tanya sedikit. Sikit sahaja.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Silakan.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab tadi Yang Berhormat Dato' Omar menyatakan bahawa saya katakan Menteri tak pandai. Itu bukan. Saya menyatakan ialah sikap Menteri itu yang menyatakan RM700 juta itu ialah satu amaun yang *insignificant*, yang terpencil, yang kecil. Sebab bagi saya RM700 juta itu adalah satu amaun yang besar dan daripada kerugian tersebut, kalau ada sebut pasal *collateral*, pinjaman ini diberi kepada syarikat dari Sarajevo dan juga Afrika Selatan.

Saya tak tahu bagaimana mereka nak mendapatkan balik *collateral*. Jadi saya perlu membuat pembetulan ini sebab nanti Menteri dalam penggulangannya dia kata saya pula mengatakan Menteri tak pandai. Saya kata sikap Menteri yang memandang kecil amaun RM700 juta itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam ingatan saya, saya tak ingat penggunaan perkataan *insignificant* itu. Walau bagaimanapun, saya rasa konteks digunakan perkataan tersebut agak lain sedikit. *Insignificant* dari segi *balance sheet* atau *insignificant* tetapi saya jelas bahawa *insignificant* bukan dirujuk kepada nilai-nilai hakiki. Kadang-kadang di antara istilah dalam konteks kita perlu berhati-hati.

Maka teringat saya untuk ke arah menjitukan kefahaman terhadap fungsi Dewan Negara dan konteks usaha yang kita jalankan sekarang ini saya ingin merujuk kepada perkara 66 dalam Perlembagaan Persekutuan mengenai perjalanan kuasa perundangan. Kita sekarang sedang bahas Akta Perbekalan 2006, di mana kita diminta timbang permohonan kerajaan supaya diluluskan RM81 bilion daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk digunakan seperti mana tertera di bawah jadual.

Namun Dewan Negara mempunyai kuasa-kuasa yang terhad seperti ditentukan Perlembagaan negara di atas soal-soal kewangan. Baik juga jika Yang Berhormat-Yang Berhormat kadang-kadang bila masa rujuk kepada perkara 66, 67, 68 Perlembagaan untuk difahami konteks dan fungsi Dewan Negara dalam perkara ini. Maka saya amat mengharapkan kita bawa balik perbahasan kita agar lebih menjuruskan kepada masalah yang di hadapan kita. Terima kasih.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya saya tak mahu terjebaklah di antara pertengkaran-pertengkaran kalau Tuan

Yang di-Pertua selalu sebut di antara Dato' Omar dengan Yang Berhormat Wan Ubaidah. Tetapi, persoalan yang ditimbulkan oleh orang kampung saya itu mempunyai relevan di dalam isu ini. Sebab kaedah-kaedah penentuan. Sebab apa Tuan Yang di-Pertua, pertama senarionya, MAS dan Bank Islam ini menghadapi fenomena yang sama. Sama dalam erti kata Ketua Eksekutif Bank Islam baru masuk dan begitu juga dengan CEO MAS. Biasanya *tendency* kita manusia ini, kita nak ambil alih mesti bersih. Siapa nak ambil alih dengan masalah? Mesti bersih.

Kadang-kadang untuk nak membersihkan akaun-akaun yang ada sekian lama dan meragukan, maka kesempatan digunakan untuk melupuskan apa yang perlu dilupuskan. Walaupun kalau kita tengok dari segi kaedah perakaunan, yang mengizinkan pelupusan itu perlu dibuat berperingkat-peringkat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, tendensi ataupun minat ke arah menyelesaikan urusan-urusan memudahkan Ketua Eksekutif baru ini untuk memulakan tugas. Tuan-tuan kita kena faham. Kita melupuskan pinjaman-pinjaman itu dalam akaun bank menunjuk kita telah mengeluarkan sejumlah wang yang tidak ada harapan untuk kutip. Tetapi esok selepas kita lupuskan, dari segi *accountingnya* duit itu setahun kemudian apabila kita mengutip semula pinjaman ini, maka seratus peratus ia merupakan keuntungan dan ini akan meletakkan rekod CEO bahawa *you started a company will going start*.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat memerlukan masa lama lagi, berapa lama agaknya?

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat 40 minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Minta duduk sebentar. Ahli-ahli Yang Berhormat, selepas ini kita akan mempunyai bila Dewan bersidang semula pukul 2.30 petang, 450 minit. Berbahas dan jika kita diberi peluang pada hari Isnin, sedikit masa mungkin lebih sedikit. Senarai di depan saya ini menyatakan bahawa masih terdapat 8 lagi Ahli Yang Berhormat. Senarai yang di hadapan saya ini. Bermakna lebih daripada itu. Maka saya beri Yang Berhormat 10 minit. Sila teruskan.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk memfokuskan perbincangan ke atas sektor pertanian yang mempunyai potensi besar bagi dibangunkan untuk menjadi sumber ekonomi negara, sekali gus menghapuskan pengimportan makanan dan bahan makanan yang begitu besar dibelanjakan oleh negara.

Pentingnya bagi negara kita mengambil atau memperkukuhkan langkah-langkah yang sesuai bagi menjadikan sektor pertanian kecil di luar bandar sebagai sektor pertanian mapan, ataupun dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *sustainable agriculture*, bagi jangka waktu yang panjang bagi menjamin keselamatan makanan ataupun *food security* bagi rakyat dan juga kesejahteraan masyarakat luar.

Saya ingin merakamkan sokongan penuh terhadap permohonan dasar yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai tumpuan dan prioriti yang diberikan oleh kerajaan terhadap sektor pertanian. Ini jelas terbukti dengan amaun besar yang diperuntukkan kepada sektor pertanian dalam belanjawan negara yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Penekanan kerajaan terhadap pertanian amat tepat sekali memandangkan wujudnya persepsi bahawa sektor pertanian tidak sepenting sektor perindustrian dalam sistem ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi tipologi sektor pertanian boleh dibahagikan kepada dua kategori. Iaitu sektor perladangan besar-besaran yang diusahakan keseluruhannya secara komersial yang selepas ini akan dirujuk sebagai sektor pertanian ala estet dan sektor pertanian kecil-kecil yang diusahakan oleh keluarga petani di kawasan perkampungan dan di sekitar perkampungan di desa dan di luar bandar dan selepas ini saya rujuk sebagai sektor pertanian kecil.

Tuan Yang di-Pertua, selepas perang dunia kedua, khususnya dalam dekad 60-an di abad yang lalu, dengan terlancarnya revolusi hijau, *the green revolution*, sektor pertanian dalam sebahagian besar negara-negara membangun telah menempuh perubahan besar dan menyaksikan peningkatan produktiviti dari hasil pengeluaran.

Perubahan besar itu telah diperkasakan melalui penggunaan teknik pertanian, pengurusan moden atau baru. Benih-benih tanaman yang berkualiti, baja kimia dan juga mekanisasi. Kejayaan ini turut dialami di negara kita ini berikutan tumpuan yang diberikan oleh kerajaan dalam membangunkan sektor pertanian, sama ada melalui rancangan berkelompok atau separuh kelompok yang dilaksanakan menerusi agensi-agensi seperti FELDA, FELCRA, KEJORA, DARA dan lain-lain. Atau sektor petani kecil terutamanya di kawasan perkampungan dan desa di luar bandar dengan bantuan Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan, Bank Pertanian, RISDA, FAMA dan sebagainya. Kesannya, beratus ribu keluarga petani telah dapat menikmati taraf hidup yang lebih dan terkeluar daripada belitan kemiskinan. Memang patut dan wajar sekali kita berbangga dan bersyukur atas kejayaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, namun lebih kurang sejak dua dekad yang lalu kita menyaksikan beberapa perkembangan dan fenomena yang berpotensi menggugat keutuhan sosioekonomi masyarakat desa dan sektor pertanian kecil. Paling ketara ialah pertumbuhan dan perkembangan sektor pertanian ala estet yang bukan sahaja bagi menghasilkan bahan-bahan makanan manusia tetapi juga bahan-bahan untuk diproses menjadi bahan bakar sebagai alternatif kepada minyak petrol dan bahan-bahan lain yang diperlukan oleh sektor-sektor perindustrian moden. Oleh kerana itu, timbullah satu terminologi di *industrial agriculture* bagi merujuk kepada sektor pertanian jenis baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar pertanian ala estet ini lebih efisien dari segi kos kerana mereka memperolehi *economic of skills* dan justeru itu memberi sumbangan yang lebih baik kepada GDP. Memang benar juga bahawa bagi menjamin pertumbuhan ekonomi kita tidak boleh membelakangkan sektor pertanian ala estet. Tanpa sumbangan *FELDA Plantation, Guthrie, IOI, Sime Darby* dan lain-lain, sudah tentu sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi negara kita akan menjadi lebih rendah. Bagaimanapun, demi menjaga dan memastikan jaminan bekalan makanan atau *food security* bagi negara dan rakyat dan juga demi melindungi keutuhan dan kemapanan masyarakat desa di kampung, di luar bandar, kita perlu memperkukuhkan dasar dan strategi untuk mengekalkan sektor pertanian kecil sebagai sektor pertanian yang mapan. Malah saya percaya dari segi jangka panjang pertanian kecil lebih mapan daripada sektor pertanian ala estet atau *industrial agriculture*.

Tuan Yang di-Pertua: Eloklah Yang Berhormat gulung sekarang sebab kalau tidak, tidak cantik perbahasan Yang Berhormat kalau tidak ditamatkan dengan penggulungan yang sempurna.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya merumuskan sektor pertanian ini perlu diperhebat dan kita mengenal pasti di sini industri-industri yang patut diceburi oleh rakyat Malaysia terutamanya dalam industri herba.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan herba untuk makanan kesihatan adalah sebanyak RM950 bilion pada tahun 1996 dan kini mencecah RM2,830 bilion. Manakala pasaran makanan kesihatan meningkat 15% setahun. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita mencadangkan supaya konsentrasi atau tumpuan diberi untuk membangunkan industri herba ini dengan secepat mungkin kerana ia melibatkan

kebanyakan masyarakat luar bandar dan kita pasti bahawa herba-herba ini bukan akan ditanam di dalam bandar dan dia akan ditanam di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pihak MARDI mempunyai pengetahuan dan maklumat lengkap mengenai kepakaran teknologi kaedah pemprosesan dan sebagainya. Harga pasaran herba adalah tinggi, sebagai contoh harga pasaran semasa Tongkat Ali ialah RM40 satu kilo. Kos anak benih menanam pokok Tongkat Ali ini ialah antara RM5 sehingga RM7 sepokok. Manakala harga herba yang diekstrak berharga USD100 sekilo.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kita ingin juga mengajak seperti mana yang selalu disebut oleh Datuk M. Ratnam, tanam bunga-bunga ini memberi keuntungan yang baik dan boleh membantu mempergiatkan industri pertanian sebagai satu sumber pendapatan negara yang lebih mantap.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak memohon jasa baik Dewan ini, pihak Kementerian yang terlibat supaya kita melihat kembali sebab peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada Ahli-ahli Dewan Negara, RM100 ribu untuk satu penggal adalah terlalu kecil untuk kita nak laksanakan program-program. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon jasa baik supaya kita boleh angkatkan permohonan dengan Kementerian Kewangan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini susah *landing* ini.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Hendak habis dah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kadang-kadang bila kita berucap, dia *take off* senang, nak *landing* susah. *[Ketawa]*

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak pohon supaya kita pertimbangkan semula, kalau boleh RM100 ribu itu bagilah setiap tahun, bukan satu penggal. Itulah permintaan kita. *[Tepuk]*Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Pandai Yang Berhormat, dengar tepukan, berhenti. *[Ketawa]*

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Depa tepuk suruh berhenti Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, kita ingin menyokong usul yang dibawa dalam Rang Undang-undang Pembekalan 2006. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Jins Shamsudin sedia maklum kadang-kadang artis pun buat silap. Bila orang tepuk, dia teruskan lagi, itu dia cari pasal. *[Ketawa]*

Waktu orang tepuk itu, berhenti! Jadi sekarang saya jemput Tuan Haji Tajul Urus. Saya mohon ihsan dan pertimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima rayuan daripada Dato' Dr. Norraesah untuk beliau bercakap. Saya ingin bertanya kepada Dr. Norraesah, beliau memerlukan berapa banyak masa untuk bercakap hari ini sebab beliau tidak berkesempatan untuk bercakap esok.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas penerimaan rayuan saya. Saya ingin mengupas empat perkara dan kalau sahabat saya Dato' Chin dapat bercakap satu setengah jam, saya sejam bolehlah.

Tuan Yang di-Pertua: Sejam terlalu banyak Yang Berhormat. Setengah jam boleh?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Okey, kita kompromi 45 minit. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya putuskan setengah jam. Jadi selepas Dato' Tajul Urus...., Dato' memerlukan berapa banyak masa?

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Saya belum Dato' lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Tajul.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Saya rasa saya tidak panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masih ada 37 minit.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Saya akan habiskan 37 minit.

Tuan Yang di-Pertua: 30 minit boleh?

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: 30?

Tuan Yang di-Pertua: Lepas itu Dato' Dr. Norraesah boleh mula.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

12.23 tgh.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2006. Saya mengambil kesempatan ini untuk terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri yang telah memberi kesempatan kepada saya untuk duduk dalam Dewan yang mulia ini dan saya

amat menghargai kepercayaan yang telah diberi kepada saya. Semoga dengan bimbingan daripada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan juga rakan-rakan yang lain, saya dapat menjalankan tugas saya sebagai seorang Ahli Dewan Negara dengan lebih baik. Oleh kerana saya seorang masih lagi dalam kategori *freshie*, tentulah akan ada kelemahan-kelemahan dalam saya memberi fakta, hujah dan sebagainya dan saya pohon teguran daripada semua pihak.

Saya mulakan perbincangan saya pada kali ini dengan membawa balik kesalasan saya petang semalam berhubung dengan fakta pemberian buku teks yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Musa semalam. Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Musa adalah betul iaitu semua warga pendidikan akan mendapat bantuan buku teks dan tidak berasaskan kepada pendapatan bulanan mulai persekolahan 2006. Dan untuk individu-individu yang lain, bantuan buku teks akan diberi kepada mereka berasaskan kepada pendapatan dan juga bilangan tanggungan.

Dalam hubungan ini, saya menyokong pendapat Dato' Musa bahawa apalah salahnya sekiranya bantuan buku teks itu dapat diberi kepada semua pelajar yang belajar di sekolah-sekolah kerajaan kerana baki yang tidak dapat buku bantuan ini bukanlah jumlah yang besar sangat. Kalau semua warga pendidik dapat buku bantuan, semua kumpulan yang pendapatannya RM1,000 ke bawah dapat buku bantuan, maka yang lebihnya itu saya rasa tidak sampai suku ataupun tidak sampai 20% yang tidak dapat buku bantuan. Oleh kerana kita melihat bahawa dalam aspek-aspek yang lain, pihak kerajaan kerugian dalam masalah Bank Islam sebanyak RM700 juta, MAS kita rugi banyak, apa salahnya sekiranya buku teks ini diberi percuma oleh pihak kerajaan kepada seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu berhubung dengan perbincangan tambahan Rang Undang-undang Perbekalan 2006 ini, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan supaya *facilities* sekolah-sekolah di luar bandar diberi perhatian secara serius, khususnya kepada guru-guru yang mengajar. Pada hari ini untuk bantuan alat mengajar, kita tidak lagi memakai manila kad ataupun tali benang dan sebagainya. Kemudahan alat bantu mengajar yang terpenting dan terbaik untuk pendidikan moden hari ini ialah *notebook*. Dalam konteks ini, Kementerian Pendidikan mestilah mengusahakan sama ada bantuan separuh harga ataupun subsidi dalam apa bentuk sekali pun kepada guru-guru untuk memiliki *notebook* supaya ianya sesuai dengan pendidikan yang lebih bercorak canggih. Begitulah juga dengan kemudahan-

kemudahan di sekolah, pengajaran hari ini tidak lagi memerlukan papan hitam dan kapur. Sekolah di luar bandar perlu disediakan dengan kemudahan LCD projektor supaya penggunaan komputer, *notebook*, semua ini menjadi satu kemestian dan kebiasaan kepada guru-guru dan juga murid.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sekalian, selain daripada itu, bagi menyambut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk meletakkan pertanian sebagai asas kepada kegiatan kita supaya Malaysia mampu berupaya untuk memperolehi untuk mengadakan, untuk mendapat keperluan makanan yang secukupnya, saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Pelajaran menjadikan kegiatan pertanian ini sebagai satu kegiatan aktiviti kokurikulum yang wajib.

Kalaulah pihak Kementerian Pertanian mengadakan program satu daerah satu produk, satu kampung satu produk, maka pihak sekolah boleh mengadakan program satu corak pertanian untuk satu daerah ataupun satu corak satu kegiatan pertanian untuk satu sekolah sebagai aktiviti seperti mana yang dijalankan oleh sekolah hari ini, kempen kebersihan, pertandingan kebersihan, pertandingan kecantikan sekolah, maka pihak sekolah boleh juga mengadakan pertandingan untuk menarik galakan sekolah-sekolah menjadikan asas pertanian ini sebagai sumber kegiatan kokurikulum mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, perkara yang menjadi masalah kepada sekolah, kepada pelajar-pelajar kita sebagai waris pada hari ini ialah masalah kekurangan guru ataupun guru tidak ada dalam kelas ketika anak-anak ataupun pelajar-pelajar kita ada dalam kelas. Keadaan ini berlaku oleh kerana guru itu pergi berkursus ataupun guru itu bercuti kerana sebab-sebab yang tertentu. Pihak Kementerian Pelajaran akan memberi jawapan kepada mereka ini yang meninggalkan kelas ini akan diberi guru ganti.

Tetapi sebenarnya masalah yang berlaku hari ini ialah kursus yang diberi kepada guru itu terlalu banyak. Kalau sekiranya Yang Berhormat tidak percaya bila sesi sekolah dibuka pada Januari ini, cuba tanya murid, guru ada atau tidak di dalam kelas? Saya tidak akan rasa pelik kalau sekiranya pelajar atau anak kita itu akan memberitahu bahawa kelasnya tidak ada guru. Alasannya guru pergi berkursus kerana kementerian akan mula mengatur bila sesi sekolah bermula sahaja, maka pihak bimbingan dan latihan pun akan mula mengatur kursus untuk guru-guru. Dan untuk guru-guru yang pergi kursus satu minggu atau dua minggu sekolah tidak akan menyediakan guru ganti kerana guru ganti hanya akan disediakan oleh pihak sekolah atau pihak pentadbir

kepada guru-guru yang bercuti lebih daripada satu bulan, sebagai contohnya guru yang bersalin ataupun guru yang sudah dikenal pasti tidak akan hadir lebih daripada satu bulan. Maka dalam masa satu atau dua minggu itu pelajar-pelajar akan terumbang-ambing dalam kelas yang akan menjadikan masalah disiplin, 'teramuk' dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna terlalu banyak aktiviti yang diaturkan oleh kementerian yang membawa guru keluar dari.....

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Ya. Saya bersetuju.

Tuan Yang di-Pertua:bilik darjah. Jadi *point* itu Yang Berhormat boleh beralih kepada perkara lain pula.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Okey. Apa yang saya hendak mencadangkan kepada pihak Kementerian Pelajaran ialah oleh sebab kursus ini terpaksa diberi, maka apa salahnya sekiranya pihak Kementerian Pelajaran mengadakan guru ganti yang tetap bagi setiap sekolah. Maka diambil daripada siswazah-siswazah yang menganggur ini untuk menjadi guru ganti yang tetap di setiap sekolah supaya apabila ada kekosongan guru ini akan boleh mengambil tempat guru yang pergi berkursus atau sebagainya.

Permasalahan ini walaupun dilihat sebagai remeh, tetapi kalau anak kita berada di sekolah rendah sebagai contohnya dan untuk sekolah rendah seorang guru itu akan mengajar kelas itu untuk dua tiga mata pelajaran, kadang-kadang satu hari. Kalau guru itu satu hari tidak ada bagaimana dengan anak kita. Kalau guru itu pegang mata pelajaran Matematik dan Sains dan selama beberapa ketika dia tidak ada dalam satu tahun kelas anak kita itu dua tiga orang guru pergi berkursus tidakkah peringkat awal pendidikan anak kita akan kerugian. Saya mencadangkan perkara yang telah saya cadangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh itu, kita belum pernah dengar lagi isu perbahasan ini. Makna diadakan satu.....

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Guru ganti tetap.

Tuan Yang di-Pertua:skim guru ganti tetap macam *relief manager* di bank-bank.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih. Perkara yang kedua yang saya hendak sebut mengenai pendidikan ialah apabila kita telah meletakkan sesuatu kurikulum itu, sesuatu perkara itu yang telah difikirkan dan diputuskan kita janganlah mudah mengubahnya.

Saya mengambil satu aspek. Pihak kementerian waktu zaman saya dahulu, zaman saya bersekolah, kita hendak memberi kemahiran. Mengajar kemahiran kepada kita supaya bila kita keluar daripada sekolah esok kita mampu untuk memperbaiki paip air sendiri, kita mampu untuk membetulkan *bulb* rumah kita sendiri, walaupun kita menjadi seorang doktor ataupun *lawyer* kerana kemahiran untuk perkara-perkara yang kecil ini tidak perlu kita panggil mekanik ataupun *technician* daripada luar. Kita boleh buat sendiri seperti mana yang berlaku di negara-negara maju yang lain. Doktor boleh perbaiki paip air rumah dia sendiri.

Seperti mana pengguna-pengguna televisyen di negara luar. Saya pernah tinggal di negara luar. Beli televisyen, bukan penjual itu akan pasang di rumah kita tidak seperti di Malaysia. Kita beli televisyen, kotaknya kita bawa, kita beli komputer kotaknya kita bawa. Maka kitalah sendiri kerana kemahiran asas itu dipelajari di sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Dan ini sebenarnya dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran ketika zaman saya melalui subjek bernama Seni Perusahaan. Kita ada subjek Seni Perusahaan, kalau tidak mahu Seni Perusahaan kita ambil Sains Pertanian ataupun kita ambil Sains Rumah Tangga.

Tetapi hari ini subjek itu telah digubal, diubah dijadikan sebagai Kemahiran Hidup. Dirangkumkan semua itu kepada satu subjek yang bernama Kemahiran Hidup dirojakkan. Maka kerana itulah sekarang ini kita dapati bahawa pelajar-pelajar kita keluar, kemahiran-kemahiran yang perlu ada itu tidak ada. Sana sentuh sedikit, sini sentuh sedikit dan akhirnya tidak ada apa-apa. Dan yang lebih mengecewakan saya apabila Kementerian Pelajaran mengubah status sekolah vokasional dinaikkan taraf kepada sekolah teknik, dan itu adalah satu kerugian khasnya kepada bumiputera yang mula belajar, mula memperolehi asas kemahiran-kemahiran teknikal ini. Untuk Seni Perusahaan dahulunya kita ada bengkel, kita ada mesin pelbagai, kerajaan membelanjakan wang untuk kemahiran hidup semuanya belajar buku dalam kelas. Kemahiran tidak boleh belajar melalui teori sahaja.

Begitulah juga dengan sempoa yang diperkenalkan. Guru pergi kursus sana kursus sini dan sebagainya. Kita belanja duit hantar pegawai pergi China untuk belajar bagaimana hendak mahirkan kemahiran pelajar kita menggunakan sempoa ini sedangkan ketika itu kita sudah ada kalkulator yang moden dan sebagainya. Tetapi kita atas cadangan pegawai di kementerian kita belajar. Akhirnya apa jadi kepada subjek sempoa itu. Kerana itulah saya berpendapat bahawa yang menerokai, yang menerajui

Kementerian Pelajaran, ataupun Kementerian Pengajian Tinggi dan sebagainya memikirkan *syllabus*, sukatan kurikulum yang betul-betul baik. Kalau sekiranya baik siapa tukar jadi menteri, siapa tukar jadi pengarah pendidikan atau ketua pengarahkah teruskan supaya guru tidak selalu berkursus, pelajar tidak rugi, kerajaan tidak rugi duit dan sebagainya.

Perkara akhir yang saya hendak sentuh mengenai pendidikan ini ialah mengenai tabika. Pendidikan prasekolah yang banyaknya dikendalikan di kawasan-kawasan luar bandar. Prasekolah ini perkara yang paling penting dan hari ini untuk anak-anak di luar bandar prasekolah dikendalikan oleh tabika di bawah KEMAS.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, kalau kita bandingkan kemudahan tabika dengan kemudahan *kindergarten* atau prasekolah di bandar jauh berbeza. Pihak KEMAS tidak berkeupayaan untuk menyediakan satu *environment*, dengan izin persekitaran pembelajaran yang begitu sempurna untuk mula-mula memperkenalkan pendidikan ABC kepada anak-anak kampung ini.

KEMAS menjalankan tabika di mana? Di dewan, di belakang surau dan sebagainya, sedangkan kalau kita lihat pendidikan prasekolah di pekan dan di bandar dijalankan di bangunan berhawa dingin bangunan yang indah dan canggih. Maka bagaimana kita hendak membawa anak-anak Melayu di kampung untuk bersaing dengan anak-anak di bandar? *Sincerity*, kesungguhan pihak-pihak kementerian dalam hal ini mestilah diletakkan secara bersungguh-sungguh untuk membelanjakan wang memberi kemudahan *facilities* dalam pendidikan prasekolah ini. Kita tidak bercakap lagi soal guru yang mengajar di tabika, kerana guru-guru ini tidak dilatih di bawah Kementerian Pelajaran yang pakar dalam pendidikan. Guru-guru ini diambil oleh pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dijadikan guru dan saya merasakan ada kekurangan dari aspek guru ini. Jadi pihak-pihak yang terlibat saya rasa dalam soal kita meletakkan, membawa Malaysia ke arah negara maju menjelang 2020 ini jadikanlah pendidikan prasekolah di luar bandar sebagai *priority* kita.

Kementerian kedua yang saya hendak bawa ialah Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada 13 minit lagi.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Datuk Azalina binti Othman Said kerana telah membawa satu imej, satu kebanggaan kepada Malaysia apabila kita memperoleh 61 emas dalam Sukan SEA baru-baru ini. Kejayaan

kita maknanya kejayaan di luar sasaran kementerian iaitu kita memenangi 61 emas bukan di Kuala Lumpur tetapi di luar Kuala Lumpur.

Saya mencadangkan supaya sukan dijadikan keutamaan kepada rakyat Malaysia. Saya mencadangkan supaya peruntukan lebih dapat diberikan kepada kementerian ini supaya aktiviti akar umbi dapat dijalankan. Malah saya mencadangkan supaya Tabung Amanah yang memperoleh wang daripada cukai rokok dan sebagainya disalurkan kepada Kementerian Belia dan Sukan ini. Kementerian Belia dan Sukan mesti *coordinate*, dengan izin dengan Kementerian Pelajaran supaya mencungkil bakat-bakat sukan di sekolah dan disambung di peringkat luar sekolah.

Di waktu yang sama Kementerian Belia dan Sukan perlu juga memberi perhatian kepada kumpulan belia. Oleh kerana kumpulan belia mewakili lebih daripada 50% rakyat Malaysia. Tetapi malang sekali pada hari ini persatuan-persatuan belia diterajui, dikepalai oleh mereka yang sudah berumur 50, 60 ada 70 kot. Saya guna "kot" kerana saya tidak pasti. Saya berpendapat bahawa pemimpin-pemimpin belia yang berumur malulah diri, tarik diri kerana belia hari ini malang. Beri peluang kepada kumpulan belia supaya mereka mencorak ke arah mana kegiatan mereka, ke arah mana yang mereka hendak bawa kerana zaman tua dengan zaman muda aktiviti berbeza. Selera makan kita dengan selera makan anak kita juga berbeza. Saya minta supaya.....

Tuan Ismail bin Kasim: Laluan. Seminit sahaja.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih.

Tuan Ismail bin Kasim: Setengah minit.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Sila.

Tuan Ismail bin Kasim: Saya amat tertarik hati dengan perbahasan yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain berhubung dengan kepimpinan tua. Tualah istilah yang paling layak kita bagi. Pimpinan tua yang malas untuk berundur daripada kepimpinan belia seolah-olah sudah berakar umbi di tempat ataupun di jawatan yang berkenaan.

Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat. Adakah malasnya berundur ini kerana pimpinan belia ini banyak terdiri daripada orang-orang politik yang menggunakan landasan belia ini untuk terus membina karier politik mereka?

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Keengganan pemimpin tua ini berundur satu, kerana menjadikan persatuan belia ini sebagai landasan politik dan juga landasan

ekonominya yang bercanggah dengan kepentingan nasional dan kepentingan rakyat secepat. Kita hendak main politik masuk medan politik, kita hendak meningkatkan ekonomi masuk medan perniagaan. Tetapi yang lebih penting kita sayangkan kepada belia.....

Tuan Yang di-Pertua: Jangan guna perkataan main, guna perkataan berkecimpung. *[Ketawa]*

Tuan Haji Tajul Urus bn Haji Mat Zain: Berkecimpung, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Politik bukan main-main. *[Ketawa]*

Tuan Haji Tajul Urus bn Haji Mat Zain: Minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Ini serius, mati orang kerana politik. *[Ketawa]*

Tuan Haji Tajul Urus bn Haji Mat Zain: Kalau kita hendak berkecimpung dalam politik, kita masuk gelanggang politik, tidak kira UMNO PAS dan sebagainya. Hendak masuk Dewan hendak kecimpung dalam perniagaan dan ekonomi masuk dalam bidang perniagaan. Tetapi, kita mesti melihat bahawa belia ini adalah satu golongan yang perlu kita bawa hari dengan keadaan-keadaan perkembangan yang berlaku hari ini, kita jadikan perkara ini serius. Saya minta Yang Berhormat Datuk Azalina jangan tunggu lama-lama lagi, laksanakan Akta Belia yang dirancangkan itu. Laksanakan segera. Hari ini kita tidak boleh lagi sekadar hendak marah belia disko itu, ini dan sebagainya. Apa program kita untuk belia yang menarik minat mereka? Zaman saya ok, saya main layang-layang sahaja. Saya main guli. Tetapi aktiviti belia hari ini saya pun tidak boleh fikir, sebab saya bukan belia lagi.

Jadi kalau saya bukan belia, orang macam saya memimpin Persatuan Belia, apa jadi kepada yang dipimpin? Siapa hendak ikut? Oleh kerana itulah saya merasakan bahawa sudah sampai masanya, tidak boleh berlengah lagi belia mesti dipimpin oleh belia. Kesimpulan saya, untuk menaikkan martabat rakyat Malaysia bangsa Melayu, pendidikan, sukan adalah dua aspek yang seganding, seiring. Dengan itu saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah dapat bonus, boleh mulakan sekarang. Kalau tidak selesai, kita sambung sedikit sebelah petang.

12.46 tgh

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya di antara tujuh *freshies* menggunakan perkataan Tuan Yang di-Pertua sendiri, yang baru

diberi penghormatan untuk menduduki kerusi di Dewan yang mulia ini dan dengan tanggungjawab dan peranan yang khusus seperti yang ternyata dalam Perlembagaan.

Selama lima hari saya berada di sini, saya kagum dengan segala pembahasan yang telah pun ditunjukkan oleh Ahli-ahli Dewan Negara yang lebih lama di sini daripada saya. Saya ingin menyumbang sebaik mungkin dan sedaya mungkin. Saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang memberi penghargaan dan kepercayaan kepada saya untuk berada di sini iaitu parti saya UMNO, Ketua Wanita saya, Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri saya dan terutama sekali Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atas pelantikan ini, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, sering ataupun sentiasa bercakap tentang soal *accountability*, *check* dan *balance*. Inilah tugas dan tanggungjawab kita di sini, sungguhpun ada kala kita akan tersepit di antara satu dilema iaitu menyuarakan apa pandangan dan juga idea kita, teguran di atas pelaksanaan ataupun penggubalan dasar. Di samping itu menjadi seorang yang apa kita anggapkan dalam logik politiknya ialah *politically correct* dengan izin. Walau bagaimanapun, saya rasa tugas dan tanggungjawab kita ialah untuk menyuarakan sebaik yang pada pandangan kita adalah sesuatu yang akan membawa negara kita ke arah yang lebih baik dan untuk kepentingan rakyat. Berasaskan dan berlandaskan ini, Tuan Yang di-Pertua izinkan saya membahaskan tentang Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan juga Bajet 2006.

Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli yang dimuliakan, Bajet 2006 adalah bajet yang pertama termasuk dalam rangka masa Rancangan Malaysia Kesembilan. Tentu sekali ia akan menggambarkan ataupun mencerminkan falsafah atau model sosioekonomi pembangunan negara untuk Rancangan Malaysia Kesembilan.

Pada saya, ini amat terserlah di dalam Bajet 2006. Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah sekalung bunga kepada Perdana Menteri kita kerana berupaya mengurangkan defisit dalam bajet daripada 5.6% KDNK pada tahun 2002 kepada 3.8% KDNK pada tahun 2006, pada bajet ini. ini adalah satu pencapaian yang menunjukkan usaha yang begitu gigih yang dilakukan oleh pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dengan itu juga, maka negara dapat bergerak dengan lebih terkawal dan terancang untuk menghadapi segala cabaran yang kian meningkat di sekeliling kita. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin *underscore* ataupun memberi tekanan kepada empat

strategi di bawah Bajet 2006. Ia dengan begitu terang menggambarkan bahawa tekanan yang diberi oleh kerajaan dalam Bajet dan Insya-Allah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ialah tekanan kepada erti kata sebenar pembangunan. Ia meliputi:

- (i) aspek kuantitatif iaitu pertumbuhan; dan
- (ii) aspek kualitatif iaitu modal insan dan kesejahteraan rakyat itu sendiri

Di dalam mengenal pasti apa yang dikatakan melaksanakan langkah proaktif kerajaan ke arah memusatkan kegiatan ekonomi iaitu aspek kuantitatif dan juga menyediakan persekitaran mesra perniagaan juga pada saya aspek kuantitatif, beberapa tekanan, beberapa strategik telah dikenal pasti. Rakan-rakan saya sudah pun menghurai dengan begitu panjang lebar mengenai aspek-aspek yang saya sendiri memberi kepentingan yang kerajaan sudah pun menaruh, meletakkan satu harapan untuk membangunkan negara ini dengan lebih soal pendidikan, soal pertanian dan lain-lain.

Sahabat saya sudah pun menerangkan tentang sektor pertanian yang sudah dikenal pasti sebagai penggerak ketiga pentingnya untuk menjana ekonomi negara kita dan ini adalah satu tindakan yang wajar di ambil oleh kerana sektor pertanian sudah lama kita tinggalkan. Dalam pertumbuhan yang *balance*, kita katakan pertumbuhan yang seimbang (*balance growth*), maka ketidakseimbangan telah berlaku oleh kerana pertanian sudah pun kita ketepikan dan ini sekarang kita hendak menghidupkan semula dan di dalam bajet-bajet tiga tahun yang lalu, memang sektor pertanian diberi tekanan yang lebih baik.

Saya ingin hanya menyuarakan satu sahaja saranan apabila kita bercakap tentang memperbaiki sektor pertanian, *mechanization*, pengeluaran berskala yang besar sudah pun disebut oleh sahabat-sahabat yang lain. Saya hendak menyentuh satu perkara sahaja, iaitu kita harus menghidupkan dan dilihat dengan serius pemasaran berasaskan penubuhan *distribution centers* dengan izin. Kalau di lihat, saya memberi contoh, ini pengalaman saya sendiri apabila saya berada di Perancis, Thailand begitu canggih dalam pemasaran buah-buahan tropika dan juga sayur-sayuran.

Jadi kalaulah sektor pertanian itu ada tiga dia punya objektif dan matlamat:

- (i) mengurangkan pergantungan kita kepada pengimportan makanan;

- (ii) memberi tara ekonomi - kehidupan ekonomi yang lebih baik kepada mereka di luar bandar; dan
- (iii) sebenarnya di sebalik itu juga ialah mendekatkan jurang perbezaan yang terdapat kini di antara mereka yang tinggal di luar bandar dan mereka di dalam bandar.

Jadi matlamat-matlamat yang ketiga ini dapat kita capai melalui segala strategi yang sudah diperkenalkan oleh kerajaan dan sesuatu yang hendak saya beri tekanan ialah pemasaran sayur-sayuran kita dan buah-buahan yang mungkin kita anggap sebagai perkara yang kecil, tetapi sebenarnya ia akan menimba kepada kita *income* atau *revenue* pendapatan yang amat tinggi. Kita lihat sahaja jiran kita Singapore, tidak ada pokok papaya, tidak ada pun pokok buah-buahan, tidak ada ruang untuk ia menanam sayur-sayuran, tetapi mereka ada pengeksport ketiga besar di Asia Tenggara. Pengimportan mereka datang dari Malaysia sayur-sayuran yang di bawah kawalan kualiti (*quality control*) yang amat ketat sekali di mana penggunaan *chemical* itu dijaga dengan begitu baik. Di Vietnam, barangan-barangan ini dimasukkan ke Singapura dan *re-export* kembali di luar negara termasuk Malaysia sendiri dan *brandy* itu tandanya ialah eksport dari Singapura. Apa yang berlaku ialah mereka mempunyai satu *supply chain* ataupun satu pusat pengagihan yang amat canggih.

Saya amat gembira sekali kerana di dalam Bajet 2006, kerajaan akan menubuhkan satu *National Agriculture and Food Corporation* atau Syarikat Pertanian dan Makanan di bawah khazanah nasional iaitu GLC untuk memastikan bahawa pemasaran yang lebih sofistikated, yang lebih menekankan kepada kualiti akan kita adakan. Insya-Allah barangan yang sekarang ini kita mengeksport kepada Singapura dan kemudian *re-export* kembali sebagai produk Singapura akan menjadi hak eksport kita sendiri.

Ini adalah saya rasa satu inisiatif yang harus kita alu-alukan, tetapi kita mengharapkan juga daripada GLC yang baru ini di dalam bidang pertanian, jangan....

Tuan Ismail bin Kassim: [*Bangun*]

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya diberi masa yang amat singkat....

Tuan Ismail bin Kassim: Setengah saat, fasal pemasaran ini.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Ok.

Tuan Ismail bin Kassim: Hendak penjelasan daripada pakar yang saya cukup minati selama ini. Tidak boleh?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Boleh.

Tuan Ismail bin Kassim: Terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Dia sebut pakar, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Sebagai tanda Yang Berhormat beri laluan, Yang Berhormat perlu duduk.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Oh, terima kasih

Tuan Ismail bin Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya dalam pemasaran ini, seperti mana saya memang tahu Dato' cukup pakar dalam hal ini, semua kepakaran Dato' tidak diguna pakai sekarang ini dan Insya-Allah akan dapat tidak lama lagi. Cuma saya minta penjelasan Dato', berhubung dengan pemasaran, kita sudah ada FAMA yang terlalu lama, sebuah agensi pemasaran kebangsaan yang diberi tanggungjawab dan amanah untuk melaksanakan tanggungjawab ini. Dato' telah bangkitkan soal keberkesanan pasaran buah tropika daripada Thailand - kita tidak hairan benda ini sebab Thailand membuat rangkaian pemasaran dengan begitu terperinci...

Tuan Yang di-Pertua: Jaga baik-baik, wanita sedang menilai kita sekarang. Dia orang kata orang laki-laki minta sedikit, tetapi dia panjang sangat.

Tuan Ismail bin Kassim: Sedikit sahaja, sebab kalau tidak *elaborate* nanti Dato' tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua: Cepat-cepat.

Tuan Ismail bin Kassim: Contohnya macam dia hendak pasarkan buah-buahan contohnya papaya. Dia hantar makanan yang berkaitan, pakar-pakar masak yang berkaitan dengan papaya ini ke seluruh rangkaian hotel di seluruh dunia dan apabila orang merasai kesedapan, kelazatan makanan yang berkaitan, maka mereka akan bertanya dari negara mana dan di situlah pasaran tidak langsung dibuat oleh negara Thailand. Tetapi, kita ini seolah-olah disuruh terbang, tetapi tidak diberi sayap. Apa pandangan Dato' berhubung perkara ini?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih. Ini sudah burung terbang pula. *[Ketawa]*. Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab saya menyebut tentang Singapura, Thailand pemasarannya yang amat besar ialah kepada Perancis, di mana Tang Brothers merupakan pengeksport yang terbesar buah-buahan tropika dan sayur-sayuran. Menyebut tentang FAMA, saya baru hendak sampai ke situ, Yang Berhormat Ismail sudah potong. FAMA ialah satu organisasi yang ada yang tidak mempunyai

prasarana-prasarana yang dapat menjadikan barangan pengeksportan itu sesuatu yang dianggap berkualiti. Saya pohon maaf, tetapi ini kenyataan daripada pasaran itu sendiri, pada pembeli-pembeli daripada pengimport-pengimport. Kita tidak mempunyai a *good packaging and a good distribution* ... minta maaf, pusat pengagihan. *Packaging* adalah satu perkara yang amat penting.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung selepas Dewan bersidang semula.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terbantut pemikiran. Ok. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan berikan masa kepada Yang Berhormat 45 minit masa di sebelah petang. Jadi Yang Berhormat boleh menyusun ucapan supaya kemas dan bernas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang, Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Norraesah, untuk menyambung perbahasan.

2.35 ptg

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua Tadi, saya telah berbincang tentang sektor pertanian yang dapat menjadi penjana yang untuk pertumbuhan ekonomi kita dan juga sebagai satu-satunya mekanisme di mana perbezaan ataupun *income disparity* antara luar bandar dan bandar dapat didekatkan. Satu lagi sektor yang menjadi satu sektor yang popular disebut oleh ramai ialah bio-teknologi. Ia juga ada kaitannya dengan sektor pertanian dan juga daripada sektor luar bandar. Bio-Teknologi di antara sektor yang dianggap baru dan dinamik di samping ICT.

Saya ingin memfokuskan kepada sektor bio-teknologi sahaja untuk ketika ini. Biotek adalah satu jenama nama baru untuk penggunaan dunia dan kita juga sudah pun menjangkau masuk ke alam bio-teknologi dengan beberapa prasarana yang telah kita

sediakan. Yang pentingnya di sini ialah kefahaman kita terhadap bio-teknologi itu sendiri sebab ia merupakan satu sektor yang baru, yang baru kita kenal.

Yang di sini ialah kita sudah pun bermula semenjak tiga tahun yang lalu, mengadakan beberapa pembiayaan untuk membangunkan keusahawanan ataupun usaha-usaha perniagaan di dalam bio-teknologi. Pada bajet yang ini kita sudah menubuhkan satu lagi dana bio-teknologi di bawah MTDC berjumlah 100 juta. Sebagai permulaan datangnya daripada kerajaan itu sendiri.

Di bawah Bank Pertanian, di bawah bank-bank komersial, di bawah MAVCAP juga sudah pun ada peruntukan-peruntukan khas untuk menjana atau pun menggalakkan keusahawanan dalam bioteknologi. Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua ialah bagaimana pegawai-pegawai hendak menjalankan *assessment* risikonya atau pun mengurus risikonya yang baik terhadap pembiayaan-pembiayaan ini kalau mereka sebenarnya tidak benar-benar memahami produk-produk ataupun usaha-usaha yang dikerjakan di bawah bioteknologi.

Saya bagi satu contoh, ada beberapa pengusaha-pengusaha yang hendak terlibat dalam bidang bioteknologi ini begitu susah mereka hendak mendapat pembiayaan semata-mata kerana pegawai-pegawai yang memproses pembiayaan di bank-bank komersial, MAVCAP atau di mana jua pembiayaan itu dapat diperolehi, mereka tidak dapat melakukan *assessment* risiko yang baik untuk meluluskan sesuatu projek yang dikemukakan.

Jadi pada saya, yang penting ialah kita memberi pendidikan ilmu pengetahuan yang mendalam dan kita, kerajaan tetapi bank-bank dan juga institusi kewangan yang lain yang terlibat dalam usaha mempertingkatkan perniagaan dan secara tidak langsung ialah pertumbuhan ekonomi negara kita melibatkan diri mereka dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dalam sektor-sektor dan bidang-bidang yang baru ini. Kalau tidak, *assessment* risiko apa yang kita panggil sebagai *knowledge-based risk management and assessment* tidak dapat dilakukan dengan baik.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Yang Berhormat Dr. Chin, saya hanya diberi masa yang sangat suntuk dan kalau boleh buatlah soalan itu yang sependek mungkin dan saya berharap bahawa masa ini tidak termasuk dalam jangka masa peruntukan yang diberikan kepada saya. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih. Ini hanya secara ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan apa yang dimaksudkan Saya hendak tanya adakah institusi-institusi perbankan kita itu ada panel-panel pakar yang boleh menilai sesuatu permohonan itu dan selepas itu membuat perakuan kepada institusi berkenaan, sama ada hendak sokong untuk memberi pinjaman atau tidak. Adakah mereka melantik panel profesionalisme? Kalau ada, tidak perlulah, mungkin pegawai-pegawai berkenaan mendapat latihan. Terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:..Terima kasih, saya akan menjawab. Ada di antara bank-bank ini yang mempunyai panel, penasihat masing-masing tetapi di dalam soal bioteknologi, kita tidak punyai begitu banyak pakar dalam soal yang baru ini. Sebab dalam bioteknologi ada berbagai-bagai produk yang datangnya daripada berbagai-bagai-bagai sumber – sumber *seaweed*, rumpai laut umpamanya, kita harus mempunyai *expertise* yang berlainan. Jadi sebaik mungkinnya ialah pegawai-pegawai yang berkenaan sendiri harus mengetahui sekurang-kurangnya apa dia bioteknologi, asalnya, sumbernya daripada mana sebab produk-produk ini berlainan.

Dalam *nutraceutical* umpamanya ia datang daripada Tongkat Ali, Kacip Fatimah, daripada berlainan sumber ataupun sumber asli. Jadi, mereka ini harus mempunyai kepakaran. Oleh kerana sektor ini sektor baru kepada negara kita, maka saya tidak dapat menyangkal bahawa ketidakmampuan kita pada ketika ini untuk memenuhi segala kehendak dan kemahuan tetapi sekurang-kurangnya kita harus bertindak dengan segera untuk memberi ataupun meningkat ilmu pegawai-pegawai kita yang berkenaan dalam sektor-sektor yang dianggapkan dinamik ini. Itu untuk bioteknologi, Tuan Yang di-Pertua.

Keduanya ialah soal *accessibility* ataupun keupayaan orang-orang yang berkenaan untuk berniaga dalam produk-produk ini mendapat *accessibility* kepada dana ini. Dalam Bajet 2006, kita dapat penubuhan dua sumber pembiayaan yang amat besar. Pertama ialah penubuhan SME Bank sejumlah diharapkan ialah *paid-up capital*nya ialah lebih kurang RM1 bilion, akhirnya akan dimasukkan sebagai *paid-up capital*, RM1 bilion *venture capital* di bawah SME Bank ini juga dan RM100 *million* di bawah MTDC untuk bioteknologi.

Di samping itu sudah sedia ada dana sejumlah 72 dana yang berlainan yang diletakkan di bawah kementerian-kementerian yang berlainan, yang jumlahnya adalah amat besar sekali iaitu lebih kurang RM10.3 bilion. Kita ada dana tetapi yang

pentingnya ialah *access* kepada dana itu. Bagaimana kita dapat benar-benar menggunakan dana itu untuk benar-benar memajukan pengusaha-pengusaha kita. Memang saya sendiri pernah menduduki sebuah bank dan masalah yang didapatinya, didengari ialah masalah untuk mendapat pinjaman.

Ada dua masalah di sini. Pertama ialah pegawai itu sendiri tidak dapat mengelola pengurusan pemprosesan permohonan. Kalau dalam sektor-sektor baru ialah kerana tidak adanya maklumat ataupun ilmu pengetahuan tentang sektor yang baru itu. Yang keduanya, mereka yang meminjam itu sendiri tidak lengkap dalam membuat permohonan mereka. Jadi, ini adalah dua perkara yang harus kita cari keseimbangan, cari penyelesaiannya. Jadi saya rasa, kita ada sekarang ini SME Bank yang baru dan saya harap tidak disamakan ataupun tidak mengikut peraturan yang lama di mana untuk mendapat pinjaman itu mengikut satu sistem pemprosesan yang amat panjang dan tidak begitu jelas. Ada juga permohonan yang sudah diluluskan tetapi untuk *disbursement* itu, dengan izin, memakan masa setahun umpamanya.

Jadi, kalau kita hendak menyediakan satu persekitaran yang dikatakan "mesra perniagaan", ia bermula daripada sini. Maka, kita pegawai-pegawai yang mengeluarkan pembiayaan dan juga pegawai-pegawai kerajaan yang menyediakan dana-dana ini juga harus mempunyai hasrat dan komitmen yang sama dengan yang disediakan di dalam bajet dan juga insya-Allah di dalam Rancangan Malaysia Ke-9.

Maknanya, kita mempunyai, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *we have our heart in the right place*. Yang disangsikan ialah perlaksanaannya. Jadi kalaulah kita hendak menghidupkan kredibiliti yang baik terhadap ekonomi kita, mereka yang menggubal dasar, mereka yang *execute* dasar itu iaitu pegawai-pegawai kerajaan, perkhidmatan awam, maka *delivery system* bukan saja dalam kerajaan dan juga di dalam bank-bank dan institusi-institusi kewangan ini harus telus, harus jelas, harus cepat, harus efisien, ini yang kita berkehendakkan.

Jadi, saya mengejar masa sebenarnya yang begitu cepat berlari daripada diri saya, maka saya hendak sekarang mendekati satu persoalan *capital market*, pasaran modal oleh kerana saya rasa tidak lagi dibangkitkan oleh sahabat-sahabat saya.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran modal terdiri daripada pasaran bon dan pasaran ekuiti dan pasaran modal kita seperti yang kita bincangkan terlebih awal sudah pun meningkat kepada satu tahap yang boleh kita banggakan iaitu jumlahnya ialah RM360 bilion setakat ini. Dan bon-bon yang di*issue*, yang dikeluarkan oleh korporat ataupun

oleh kerajaan sendiri disubscribe dengan begitu baik oleh negara-negara luar termasuk supranasional seperti ADB, IDB dan IFC. Tetapi malangnya, saya rasa pasaran ekuiti kita, saya ungkapkan sebagai pasaran modal tidak bergerak dengan rancak, tidak sebegitu memberangsang seperti yang kita harapkan dan beberapa tindakan telah kita ambil dalam tahun-tahun kebelakangan ini yang terdekat, umpamanya kita membuka pasaran modal kita kepada *stock broking firm* antarabangsa. Lima daripada mereka sudah pun bertempat di Malaysia, menjadikan Malaysia sebagai tuan rumah iaitu *CLSA*, syarikat saya di mana saya kerja dulu, *Credit Suisse First Boston*, *UBS*, *Macquarie* dan *JP Morgan*.

Kehadiran mereka kita buka dengan tangan yang begitu - apa orang katakan, begitu *warm* kita menjadi *host* yang begitu baik. Mereka datang di sini dan menubuhkan syarikat mereka di sini tanpa bayaran apa-apa, *there is no stock broking fee* kita mendiskriminasikan *stock broking company* kita sendiri, tetapi kita menerima mereka dengan begitu baik sekali. Namun dengan kehadiran mereka sendiri pasaran ekuiti tidak berkembang seperti yang diharapkan.

Baru-baru ini kita melihat di Bloomberg dalam Bloomberg di mana *hedge funds managers* yang besar-besar ini Tuan Yang di-Pertua, yang memegang aset beratus ribu juta USD berbincang tentang ekuiti pasaran modal di dunia. Mereka begitu *bullish* iaitu begitu ghairah begitu *gung-ho* terhadap.... saya gunakan perkataan itu untuk menunjukkan betapa mereka mengikuti ataupun hendak hadir di dalam ekuiti pasaran modal di Asia. Tetapi negara Malaysia tidak termasuk di dalam skrin radar mereka. Jadi ini adalah sesuatu yang saya pohon agar MOF (*Ministry of Finance*) Kementerian Kewangan melihat dan membuat sesuatu untuk menarik mereka ke sini.

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat saya minta seminit.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Ya setengah minit, setengah minit.

Timbalan Tuan di-Pertua: Ya Dato' Omar.

Dato' Omar bin Faudzar: Saya memang bersetuju dengan apa Yang Berhormat kata tadi bahawa bursa saham sekarang di negara kita ini memang tidak begitu aktif. Dan dalam keadaan yang malap sekarang turun pula satu lagi *guideline*, di mana kalau dahulu dalam NTA kita, kita boleh masukkan harta-harta kita yang di bawah *leasehold*, tetapi sekarang ini kita tidak boleh lagi masukkan aset-aset *leasehold* sebagai sebahagian daripada NTA. Jadi kalau kita tidak dapat masukkan ini dalam NTA kita, maka syarikat-syarikat ini sudah tentulah akan nampak tidak elok di mata dunia. Dan

mana-mana syarikat yang hendak ambil alih syarikat-syarikat Malaysia ini, yang mempunyai NTA yang rendah selepas kita tolak aset-aset *leasehold* dia akan tengok cuma *profit*, jadi kalaulah *profit* dia tidak ada dalam satu syarikat itu mungkin dia tidak akan ambil alih. Tetapi kalau dahulu dia boleh tengok kedua-dua fakta satu *profit* dan yang kedua aset. Tetapi sekarang aset sudah tidak termasuk dalam NTA, maka timbul satu lagi masalah, jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Omar. Kita berbincang tentang pasaran modal pasaran ekuiti bukan tentang pengambilalihan syarikat oleh syarikat yang lain. Jadi kalau saya tidak dapat menjawab sebab masa tidak mengizinkan, mungkin selepas ini *over tea* kita boleh berbincang tentang itu. Tetapi sebenarnya apa yang saya hendak perturunkan di sini ialah kalau ada mereka yang mengadakan *hedge fund* ini tidak datang ke Malaysia oleh kerana tidak adanya rasa keyakinan terhadap ekonomi kita, ini juga tidak tepat. Oleh kerana *fund managers* ini seperti yang saya dahulu mengetahui Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mengikuti sangat tentang *fundamental*, kita tidak mengikuti sangat tentang kejayaan ataupun prestasi syarikat seperti yang Dato' Omar sebutkan tadi, tetapi mereka ialah mereka yang bergerak itu tanpa mengikut dasar ataupun asas yang *fixed* yang tentu dalam pasaran. Bayangkan mereka mempunyai dan memegang dalam tangan mereka beratus juta ribu USD, jadi mereka boleh bermain pasaran dengan mudah sahaja seperti yang pernah dikatakan Paul Krugman ini bukan *speculative predators* dengan izin dia mengatakan ini adalah *financial wolf* yang amat bahaya. Mereka berjalan dengan ramai dan mereka dapat menggerak, menjatuh atau membina sesebuah negara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon memanglah kita sudah menunjukkan kejayaan yang cemerlang dan baik dalam pasaran modal kita. Tetapi saya khuatiri yang lima *foreign stock broking firm* ini sebenarnya membantu dan menyokong ekonomi kita dan tidak sebaliknya. Saya khuatir bahawa di dalam menjalankan *private placement* mereka terhadap stok-stok Malaysia sebenarnya ia adalah sumber aliran keluar mata wang kita. Ini saya pohon agar kita bersama-sama meneliti perkara ini dan melihat.

Saya ingin menyampaikan rasa ketidakpuasan hati oleh kerana baru-baru ini kita sudah membawa Perdana Menteri kita *on the road show* di luar negara untuk mempromosi dan menggalakkan datangnya pelabur-pelabur kewangan dalam pasaran modal kita. Tetapi yang sedihnya beberapa hari selepas kita balik ke sini syarikat yang

menjadi *host* kita di luar negara Merrill Lynch telah *down grade* kedudukan *capital market* kita ini. Dan ini diikuti oleh CLSA dan juga First Boston. Jadi ini mereka bertempat di sini di rumah kita, mereka juga menjadi *host* kita di luar negara tetapi mereka juga yang telah pun menurunkan tahap ataupun *grading* kita. Jadi saya inginkan supaya kita melihat, meneliti bagaimana kita mendapat kerjasama yang lebih daripada mereka ini untuk menentukan bahawa aliran keluar mata wang kita tidak berlalu melalui syarikat-syarikat ini, dan sebaliknya mereka dapat benar-benar menyokong dan membantu pasaran modal di Malaysia. Saya juga kuarir ada satu ketika dahulu kita menggunakan apa yang dikatakan *Value Cap* sejumlah 10 bilion kita gunakan jumlah ini untuk mempertahankan dan meningkatkan pasaran modal kita.

Melihat kepada kelembapan yang ada sekarang ini dalam pasaran ekuiti, saya kuarir bahawa mungkin jumlah yang besar itu sudah menjadi separuh kalau tidak pun satu pertiga, jadi kita harus mempelajari dari ini dan juga daripada apa yang telah berlaku. Dahulunya apabila kita cuba melawan pasaran melalui Maminco, Makuasa, kita tidak berjaya tetapi sebaliknya wang kita sudah pun mengalir.

Tuan Yang di-Pertua apabila saya melihat kepada jam itu saya amat susah hati
.....

Dato' Hamzah bin Zainudin: Minta laluan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Setengah minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya Dato' Hamzah setengah minit.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih. Sampai hati setengah minit tidak payah bercakap pun sudah habis setengah minit. Garang betul sepatutnya *freshie* tidak boleh bercakap macam itu baru-baru jadi Yang Berhormat. Saya melawak sahaja. Saya baru masuk dan mendengar hujah Yang Berhormat, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormatlah daripada apa yang saya dengar ini. Apakah baik kalau kita menggunakan *service* daripada gudang dalam sendiri yang lebih mengetahui akan kedudukan budaya, cita rasa dan juga semangat untuk menentukan bahawa kedudukan kewangan ataupun *service* yang hendak diberi itu benar-benar dapat memberi pulangan yang baik daripada melantik seorang atau melantik beberapa *consultant* daripada luar tetapi langsung tidak mempunyai semangat untuk mempertahankan maruah negara.

Ini soalan saya ini hendak tanya pada pandangan apa setelah Yang Berhormat bangkitkan tadi contohnya Merrill Lynch, dia ikut kita sama-sama buat *roadshow*. Yang Berhormat kata seminggu, tidak sampai seminggu sudah pun menurunkan *credit rating*

kepada negara kita sendiri. Apakah orang yang seperti ini harus kita pertahankan atau kita gantikan mereka dengan profesional yang ada dalam negara yang mungkin dapat tahu dan mempertahankan maruah negara, apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya pasaran modal kita begitu muda. Kita memerlukan sememangnya untuk menjelajah ke pasaran modal dunia. Kita memerlukan mereka yang mempunyai *base* ataupun platform yang lebih besar daripada kita dan mereka juga mempunyai *contact* yang lebih luas, *potential client* yang di luar jauh lebih besar.

Yang perlunya sekarang ialah kita benar-benar memahami apa yang kita hendak lakukan, itu yang penting sebelum kita memulakan sesuatu dan mungkin sekarang ini oleh kerana kita sudah pun mengalami satu pengalaman yang begitu tidak menyenangkan konsultan yang akan - bukan konsultan, kita katakan sebagai *partners* kita untuk ke luar negara, begitu ramai - Warburg, dan lain-lain. Tetapi kita masih memerlukan mereka. Tetapi sekarang ini yang penting ialah kita sendiri sebelum kita keluar kita harus mengurus dengan baik jadi kita kena mengetahui terlebih dahulu apakah reaksi pasaran di luar dan yang malangnya Yang Berhormat Dato' Hamzah, masa kita keluar negara ada satu persidangan *Fund Managers* yang amat besar di Hong Kong, jadi ini juga mempunyai impak yang negatif terhadap kita.

Saya ingin pergi ke satu perkara lagi iaitu tentang pendidikan dan pelajaran menjadi asas kepada kemajuan negara ini, tetapi segala-galanya harus bermula di rumah Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah satu asas yang tidak dapat kita lari dan saya ingin menyarankan di sini dan saya mengatakan bahawa Bajet 2006 sudah pun memberi peruntukan yang besar untuk pembelajaran, pelajaran dan pendidikan dan mungkin kita dapat lihat ataupun harus melihat di hadapan dalam bajet yang akan datang peruntukan untuk pra sekolah dan juga sekolah rendah diberi perhatian dan peruntukan yang lebih tinggi oleh kerana segala-galanya bermula masa umur yang muda. Nilai ataupun ingin belajar, ingin mengetahui bermula daripada umur yang awal, Jadi sekarang ini kita bercakap tentang K-Ekonomi pengetahuan menjadi asas kepada pembangunan, namun realitinya adakah kita menjurus ke situ.

Tuan Yang di-Pertua, pembacaan adalah satu perkara, satu budaya yang dapat membuka minda tetapi sekarang ini kalau kita lihat kepada data yang ada dalam tangan kita di kalangan anak-anak Melayu umpamanya, pembacaan buku-buku yang tidak membawa nilai intelektual yang lebih tinggi, yang membuka minda, yang mengubah

minda tidak begitu dibaca. Umpamanya 350,000 naskah Mastika dibaca, 250,000 naskah URTV dibaca dan Mastika kita tahu *contentnya* ialah tentang hantu dan toyol, jadi kita tidak....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Jadi ini adalah elemen-elemen dan gejala-gejala dalam buku itu, pembacaan itu yang tidak menggalak pembukaan minda dan pembangunan minda yang baik. Jadi saya merayu kepada Kementerian Pelajaran supaya budaya membaca daripada umur yang kecil itu dijadikan satu yang diberi tekanan dan fokus. Ini satu perkara yang amat penting sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan laju ingin pergi kepada soal kita bercakap tentang pasaran modal dan korporat yang besar-besar MAS, GLC dan lain-lain. Apakah pula kedudukan penaja-penaja dan *small businesses*? Saya rasa kita harus memberi tekanan kepada mereka yang ingin berniaga kecil-kecilan kerana mereka sebenarnya mencari rezeki yang halal. Tetapi saya melihat ada suatu ketika ini dalam kita hendak memperjuangkan kemiskinan sifar dan setinggian sifar kita sebaliknya tidak membantu perkara ini dihapuskan. Umpamanya tempat perniagaan amat sukar diperolehi, maka mereka berniaga di mana sahaja yang mereka ada tempat untuk meletakkan gerainya. Tetapi oleh kerana ketiadaan lesen umpamanya, maka segala-galanya akan dirampas termasuk periuk dan *ladle* nya sekali. Mereka ini cuba meningkatkan pendapatan dan kedudukan ekonomi mereka. Kalau kita tidak prihatin tentang kedudukan mereka dan keperluan mereka dan kita merampas sahaja begitu maka kita bukanlah menggalakkan persekitaran perniagaan yang mesra perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri sebab masa mencemburui saya. Saya bermula dengan bercakap tentang bajet defisit, saya akan berakhir dengan itu juga. 3.8% KDNK dalam defisit kita adalah satu tahap yang amat dibanggakan, namun saya rasa tahap itu sudah cukup mencukupi sebab untuk kita menghadapi cabaran daripada China, cabaran daripada India umpamanya, pertumbuhan ekonomi yang 5.3 itu harus kita tingkatkan kepada sekurang-kurangnya 6% ataupun 7%, sebab dalam negara yang membangun *emerging economy* 5% itu adalah satu yang positif tetapi tidak mencukupi. Di dalam negara-negara yang sudah maju 2% itu adalah satu anggaran ataupun pertumbuhan yang amat baik sekali sebab *base* dia sudah pun tidaklah besar.

Saya memohon agar di bajet yang akan datang defisit kita yang 3.8% itu saya rasa mencukupi kalau pun hendak turun kepada 3.5% tetapi peruntukan dalam bajet

harus meningkat lebih tinggi sebab kita memerlukan *pumping* ataupun *injection* dana yang lebih besar daripada kerajaan untuk benar-benar menjana ekonomi kita. Ini diperlukan sebab mungkin saya lebih *Keynesian* dalam pendekatan saya, tetapi memang kita memerlukan anjakan yang begitu besar dan kerajaanlah yang harus menanam modal ataupun pembiayaan yang lebih besar dalam ekonomi kita dan *construction* ekonomi pembinaan ada orang kata ini adalah *sunset industry* saya rasa dalam negara yang membangun ianya belum lagi *sunset*, kita harus juga membangunkan semula sektor pembinaan kita kerana ini melambangkan sama ada ekonomi kita itu subur atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan sungguhpun tidak secara mendalam tetapi mengeluarkan beberapa idea dan pandangan saya terhadap Rang Undang-undang yang di hadapan kita. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan juga perbahasan bajet. Terima kasih saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas pandangan-pandangan yang diberi. Yang seterusnya silakan Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad.

3.09 ptg.

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya sedikit masa mungkin setengah jam begitulah saya ambil untuk memberi peluang kepada ramai lagi ahli Dewan ini untuk berucap.

Saya *straight to the point* ya. Kita sekarang melihat sentimen positif rakyat dan peniaga terhadap aktiviti ekonomi dalaman. Rangsangan yang sering kali dilakukan kerajaan amat bermakna terutama bagi bajet 2006 bila mana RM1 bilion diperuntukkan kepada pembiayaan kos perniagaan dan baik pulih kemudahan awam yang akan dilaksanakan oleh kontraktor Kelas 'F'. Saya di sini ingin menyampaikan persetujuan dan sokongan saya terhadap short Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya pemilikan lesen kontraktor Kelas 'F' ini dihadkan kepada satu setiap keluarga dan bukannya kepada individu semata-mata. Ini kerana saya percaya biarpun dasar kerajaan adalah mesra kepada kontraktor kecil. Persaingan sengit bakal berlaku di dalam merebut bilangan kontrak yang semakin mengecil. Dalam erti kata lain kontraktor kecil umpama

fish in a drying drought waterhole dengan izin yang mungkin terpaksa menggunakan pelbagai taktik untuk mendapatkan imbuhan.

Saya ingin tahu apakah cadangan dan perancangan kerajaan untuk memastikan lesen-lesen ini digunakan sepenuhnya bukan Ali Baba dan kontraktor yang terpilih adalah di kalangan mereka yang mempunyai trek rekod yang cemerlang. Kita tidak mahu kes makmal komputer sekolah berulang pada tahun hadapan. Kita tidak mahu kes projek terbengkalai berulang lagi dan menyukarkan pula lagi kerajaan selepas ini tetapi lebih penting lagi kita mahu pemberian kontrak ini diberikan secara adil berdasarkan trek rekod dan latar belakang kontraktor bukan menerusi kenalan dan seumpamanya. Saya juga berharap kerajaan dapat mengimbis kepada Dewan yang mulia ini wawasan dan perancangan kerajaan dan meningkatkan taraf kontraktor-kontraktor ini ke kelas-kelas yang lebih besar dan maju seterusnya membuka peluang untuk lebih ramai kontraktor kecil mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, ramai berpandangan bajet 2006 melegakan masyarakat peniaga kerana ia membantu mengurangkan kos operasi menerusi tawaran pelbagai insentif dan pelepasan cukai selain menggalakkan pelaburan di dalam pelbagai industri yang berpotensi misalnya insentif di dalam gabungan syarikat, mengambil alih syarikat serta penurunan kos operasi akan meningkatkan kualiti pengurusan serta perniagaan syarikat yang layak.

Bagi saya ia adalah satu berita baik kepada pelabur yang mahu melihat ketelusan maklumat kewangan dan pulangan lebih baik di dalam pasaran modal tempatan. Ia juga adalah satu isyarat yang jelas bahawa kerajaan bersedia memainkan peranan proaktif dan berada di barisan hadapan untuk mengekalkan momentum semasa dalam pertumbuhan ekonomi, sekali gus mempercepatkan lagi proses pertumbuhan ekonomi.

Jika dilihat cadangan untuk meningkatkan perbelanjaan sebanyak lima peratus wajar dilihat sebagai tanda positif kepada pasaran. Secara tak langsung bajet 2006 membantu pembangunan modal insan infrastruktur sains dan teknologi serta pertanian moden dan pengeluaran makanan. Cuma saya agak terkilan kerana kerajaan masih saban tahun dengan izin *the main as a forceful driver, the prime mover that is dragging the private sector who refuses to educate growth and carry the mental as seen in other countries* dengan izin.

Di sini saya bersetuju dengan pandangan bahawa bagi sebuah negara maju peranan kerajaan seharusnya lebih kepada pemantau dan penyelaras dan bukanlah sebagai penyumbang dan pelabur utama dalam ekonomi negara walaupun ianya perlu saya percaya sektor swasta masih boleh melakukan lebih daripada penyokong dan sebaliknya bertindak sebagai penggerak. Apakah halangan dan kekangan yang menyebabkan mereka kelihatan tidak yakin terhadap hujah ini.

Saya khuatir sekiranya kenaikan berterusan harga minyak akan membawa kepada bebanan yang lebih tinggi kepada kerajaan dan kerana kerajaan adalah pemacu pembangunan ia akan terpaksa mengorbankan nilai bajet kita untuk menampung kos subsidi minyak, siapakah nanti yang akan merasai jika tidak rakyat jelata. *The only man on the straight* dengan izin. Saya mencadangkan supaya kerajaan menentukan tahapimbangan ekonomi yang sesuai sebelum kita meneruskan proses pembangunan kita. Di waktu yang sama kerajaan wajar meletakkan fail mekanisme dengan izin yang berupaya kita aktifkan sekiranya harga minyak dunia mencecah USD100 satu barrel. Apakah yang kerajaan akan lakukan di waktu itu. Inilah kebimbangan rakyat yang mereka mahukan penjelasan mengenainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpegang kepada kepercayaan ekonomi harus dipacu oleh sektor swasta kerana merekalah yang menggerakkan ekonomi, merekalah yang berniaga dan meningkatkan nilai ekonomi negara. Adalah tidak munasabah sekiranya sektor swasta hanya mahu mendapat imbuhan, ganjaran dan dengan izin *free biz* daripada insentif kerajaan tetapi selepas itu lari lagi dan menghilangkan diri nilai ekonomi negara diancam dan dicabul.

Oleh yang demikian, kerajaan wajar meningkatkan proses menambah keyakinan pelabur baik dari dalam mahupun luar terhadap negara ini. Memang kita telah bergerak ke atas ketelusan dan pentadbiran kerajaan yang efisien akan tetapi sektor swasta juga perlu menyumbang secara aktif di dalam membantu kerajaan membangunkan negara dan bukanlah menjadi *beneficiary* dengan izin kepada usaha kerajaan semata-mata.

Di waktu yang sama saya juga ingin penjelasan kerajaan terhadap masalah kita untuk menarik pelaburan asing ke negara ini. Mungkin faktor negara Cina sebagai tarikan utama pelaburan hari ini menyumbang kepada masalah kita tetapi saya berpandangan bahawa mungkin terdapat prosedur pelaburan dan dana yang kita sendiri guna pakai yang dilihat prejudis terhadap pelabur asing dan oleh itu dilihat tidak menarik kepada mereka.

Apakah ini masih mempunyai kekangan dari segi birokrasi dan juga dasar pelaburan asing yang dilihat negatif oleh minat pelabur asing terhadap negara kita. Saya percaya dengan insentif pelaburan yang baik yang diperkenalkan bajet 2006 kita berupaya bersaing dengan negara Cina sebagai tarikan pelabur asing utama di rantau ini. Walau bagaimanapun saya pun pandangan kerajaan terhadap apakah yang sebenarnya dilihat tidak menarik oleh orang asing terhadap negara kita. Saya juga ingin tahu sama ada kerajaan berhasrat untuk menubuhkan sebuah unit khas promosi ekonomi dan pasaran modal negara dari kalangan anggota sektor swasta sendiri.

Kunjungan 10 ahli perniagaan terkemuka negara diiringi Yang amat Berhormat Perdana Menteri ke luar negara adalah satu permulaan yang baik tetapi memerlukan *follow up* dan juga sokongan ahli-ahli korporat kerana inilah penubuhan sebuah kelab yang bertemakan penjualan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang utama dilihat wajar dan amat perlu. Ia bukan sahaja dapat membantu usaha kerajaan mempromosikan Malaysia di luar negara, ianya dapat mengurangkan bebanan kos kerajaan untuk melakukan promosi ini. dengan ini kerajaan akan mempunyai dana yang lebih untuk disumbangkan kepada kesejahteraan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, perjawatan tertinggi sektor awam salah satu sebab negatif yang diberikan pelabur asing untuk melabur di negara ini ialah sikap dan peranan sektor perkhidmatan awam yang tidak profesional, lesu dan tidak setanding dengan negara-negara lain. Rata-rata penjawat sektor awam dituduh mengambau pembangunan meletakkan pelbagai rintangan untuk perniagaan dan pelabur dan menetapkan pelbagai syarat tidak munasabah untuk dilaksanakan. Saya percaya kalau beginilah cara sektor perkhidmatan awam bekerja sudah lama negara kita punah dan hancur. Tuduhan melulu ini bukan sahaja menggugat kredibiliti negara tetapi turut merendah-rendahkan kapasiti dan kebolehan kakitangan awam.

Merekalah yang sebenarnya telah berusaha gigih dan meletakkan Malaysia ke persada kemajuan yang kita kecapai hingga hari ini. Akan tetapi kebanyakan daripada kakitangan awam terutama para pegawai di peringkat pertengahan yang ingin kenaikan pangkat hilang selera selepas beberapa tahun menjawat jawatan. Mereka patah hati, hilang pedoman dan semangat untuk terus menceburkan diri, berbakti kepada rakyat dan negara dan sesetengahnya pula mengambil jalan keluar mudah sama ada berhenti dan menceburi sektor swasta atau perniagaan sendiri.

Puncanya ialah kekurangan ruang untuk mereka meningkatkan kerjaya mereka. Selalunya golongan yang lebih senior akan mendapat tempat terdahulu daripada mereka biarpun prestasi perkhidmatan mereka lebih baik. Mengapa ini boleh berlaku? Di waktu yang sama, jawatan-jawatan teratas seperti Ketua Pengarah selalunya diberi kepada kakitangan yang akan berpencen dan sesudah itu tempoh pelantikan mereka disambung pula menerusi kontrak bertahun-tahun. Akibatnya jawatan tersebut akan diisi sekiranya sekian lama dan mereka yang berpotensi untuk mengisi jawatan ini di peringkat bawahan akan tawar hati kerana merasakan diri mereka diketepikan. Ini tidak wajar berlaku dan saya berharap kerajaan dapat mengkaji semula sistem kenaikan pangkat dalam sektor perkhidmatan awam untuk membolehkan mereka yang berbakat diberi kepercayaan dan kenaikan yang setanding dengan sumbangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh berkenaan makanan halal. Saya juga ingin melihat peranan yang lebih turut dimainkan oleh kumpulan rakyat luar bandar di dalam input proses pembangunan. Jika selama ini mereka hanyalah sebagai penerima bantuan, saya berharap kerajaan dapat memperkasakan lagi pembangunan kesejahteraan mereka dengan galakan dan aktiviti-aktiviti ekonomi proaktif di kawasan luar bandar. Dalam hal ini, saya mengalu-alukan penubuhan syarikat pertanian makanan nasional dengan modal RM500 juta untuk meningkatkan tahap kapasiti, kualiti dan *marketability* produk makanan tempatan di pasaran global.

Jika dahulu kita berikan macam-macam dan sekarang juga kita bertikam lidah di dalam Dewan yang mulia ini tentang masalah industri makanan kerana imbalan defisit import makanan mencecah RM15 bilion setahun. Sudah tiba masanya kita pula menerajui ke pasaran global untuk memperkenalkan produk makanan Malaysia yang berkualiti dan dijamin halal. Oleh yang demikian saya bermohon sekiranya kerajaan dapat memperjelaskan apakah langkah yang dapat diambil untuk menggalakkan pembabitan masyarakat luar bandar tanpa mengira kaum dan agama di dalam pencapaian matlamat Malaysia sebagai pengeluar utama makanan halal dunia.

Pada hemat saya, tidak menjadi persoalan syarikat ini bumiputera atau sebaliknya. Yang penting ialah sekiranya syarikat terbabit berupaya untuk mengikuti lunas perundangan makanan halal yang telah ditetapkan oleh JAKIM. Untuk pelaksanaan, mungkin JAKIM dapat mengadakan *road show*, dengan izin, ke seluruh negara tanpa mengira majoriti masyarakat setempat untuk mengetengahkan idea ini. Di waktu yang sama, pembabitan usahawan makanan bukan bumiputera di dalam industri

makanan halal bukan sahaja akan membantu meningkatkan daya saing industri makanan negara, ia memastikan setiap satu keluaran daripada negara ini, terutamanya produk makanan menepati standard dan piawaian tertentu "Halal Malaysia". Tidak timbul soal Islam bukan Islam, bumiputera bukan bumiputera, yang ada adalah agenda "Halal Malaysia".

Mengenai biodiesel, insentif pengeluar tenaga berupaya digunakan untuk meningkatkan keupayaan industri sawit negara terutama di dalam pengeluaran biodiesel yang masih di tahap percubaan di negara ini. Ketetapan kerajaan untuk membangunkan sebuah loji memproses biodiesel secara komersial menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan adalah petanda kesediaan kita untuk mengkaji dan menggunakan alternatif bahan api kepada diesel, petroleum yang semakin berkurangan dan semakin mahal harganya. Ianya juga merupakan satu komoditi dagangan yang berupaya bersaing dengan diesel soya keluaran Amerika Syarikat yang nyata indah khabar dari rupa.

Saya percaya anugerah Tuhan iaitu kelapa sawit kepada Malaysia bukanlah untuk menyukarkan rakyat. Sebaliknya, adalah satu pemberian untuk memperkayakan lagi sumber pengeluaran tenaga negara kita. Pun begitu, kajian dan perancangan rapi perlulah digubal dan dipastikan berjaya sekiranya kita ingin melihat biodiesel Malaysia berjaya dan mendapat sambutan di luar negara. Kita difahamkan di Dewan ini, terdapat beberapa kilang di England dan Jerman yang menggunakan sawit untuk menghasilkan biodiesel. Mengikut MPOA dan mendapati bahawa kos pengeluaran biodiesel Malaysia hanyalah sekitar RM1.50 berbanding dengan kos pengeluaran bio-diesel sawit Eropah yang mencecah USD1 ataupun RM4.50.

Bayangkanlah sekiranya kita upaya menghasilkan biodiesel secara komersial, Benua Eropah akan menggegar dengan deruan pelaburan dan dana ke Malaysia untuk membangunkan industri eksport biodiesel ke sana. Ini sekali gus akan membawa kepada kestabilan harga dan permintaan terhadap sawit dan dengan itu meningkatkan pendapatan peladang sawit termasuklah pengusaha kecil dan warga FELDA serta FELCRA. Untuk melaksanakan kajian perlulah ada dana. Jadi peruntukan RM898 juta kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi amatlah saya alu-alukan. Ia berupaya digunakan secara hemat untuk membangunkan teknologi biodiesel dan pengeluaran tenaga alternatif di negara kita.

Pergantungan kepada bahan api semula jadi hanya akan memaksa kita akur kepada sentimen harga pasaran dunia dan perlakuan Amerika Syarikat dan sekutunya di seluruh dunia. Ini adalah satu bentuk penjajahan terhadap keupayaan pembangunan ekonomi kita dan tidak patut kita relakan.

Saya suka menyentuh sedikit mengenai dengan Kementerian Kesihatan. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan mengenai kedudukan *integrated medicine*, dengan izin, yang diamalkan di Malaysia. Ini adalah kerana pada tahun 2000 hingga 2003, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama *World Health Organization* telah menggalakkan penggunaan *integrated medicine*. Malah, Kementerian Kesihatan telah mewujudkan satu *hub* informasi yang dikenali sebagai *Global Information Hub On Integrated Medicine*, dengan izin, yang menggariskan beberapa objektif khusus mengenai penggunaannya.

Integrated medicine adalah pengubatan yang menggunakan kaedah terpilih, perubatan alternatif dan perubatan pelengkap dan selaras dengan kaedah pengubatan moden dalam mengubati pesakit-pesakit. Ia adalah kaedah pengubatan yang semakin mendapat tempat di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Eropah, Jepun dan negeri China. Malah 20% universiti-universiti di Amerika Syarikat telah pun bersetuju untuk memasukkan program *integrated medicine* di dalam kurikulum mereka di universiti.

Kaedah *integrated medicine* melibatkan pesakit dan doktor untuk melihat kepada proses pengubatan pesakit dengan cara yang lebih menyeluruh dan *holistic*, dengan izin, dan melihat kepada faktor-faktor seperti makanan dan gaya hidup dan menggunakan sumber-sumber asli untuk proses penyembuhan atau *healing process*. dengan izin. di samping menggunakan kaedah-kaedah dan ubat-ubatan moden.

Apa yang menjadi persoalan saya ialah kenapa Kementerian Kesihatan yang pada ketika dulu, menggalakkan penggunaan *integrated medicine* dan membenarkan *Malaysian Society for Complimentary Therapist* (MSCT) yang duduk di bawah Kementerian Kesihatan untuk mengeluarkan sijil pengamal atau *practising certificate* dengan izin, kepada doktor-doktor yang berkelayakan tetapi menarik telah balik kebenaran dalam tahun 2004, sedangkan *World Health Organisation* sendiri masih lagi menggalakkan penggunaannya.

Apakah sebab sebenar penarikan kebenaran ini? Sekiranya Kementerian Kesihatan gusar mengenai wujudnya pengamal-pengamal perubatan *integrated*

medicine yang tidak bertauliah, ini adalah wajar. Kaedah *integrated medicine* tidak perlu dijadikan mangsa hanya kerana kita kekusaran ini. Kementerian Kesihatan perlu memastikan hanya doktor-doktor yang bertauliah yang mempunyai kelayakan perubatan yang diiktiraf sahaja seperti MBBS dan yang telah menjalani latihan khusus konsep *integrated medicine* ini diberi kebenaran untuk meneruskan kaedah pengubatan ini. Tidaklah Malaysia sepatutnya menjadi pusat rawatan atau hub dengan izin, di mana pesakit-pesakit dari negara-negara serantau dan dari negara kita sendiri datang untuk mendapatkan pelbagai kaedah pengubatan yang terkini.

Kementerian Kesihatan harus menggalakkan doktor-doktor yang mempunyai kelayakan perubatan yang diiktiraf untuk menjalani latihan khusus untuk *integrated medicine* supaya dapat memanfaatkan bukan sahaja oleh golongan pesakit sahaja tetapi golongan yang miskin dan berpendapatan rendah kerana *integrated medicine* ini juga mampu kepada *preventive measures* dengan izin, untuk pastikan tahap kesihatan yang baik di kalangan masyarakat kita.

Saya mohon kepada Menteri Kesihatan khasnya untuk melihat semula konsep *integrated medicine* ini bukan sahaja untuk membenarkan, malah menggalak dan menyokong doktor-doktor bertauliah untuk melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan izin, dan *integrated medicine* kerana saya percaya dan yakin bahawa ia akan membantu bukan sahaja golongan miskin dan kurang berada malah akan dapat meningkatkan tahap kebajikan dan kesihatan masyarakat keseluruhannya di negara kita.

Mengenai bab pertanian, saya menyokong penuh peruntukan tambahan sebanyak RM400 juta di dalam bajet 2006 untuk membiayai *Government Listed Company* (GLC) bagi menceburi sektor pertanian. Dengan peruntukan RM2.8 bilion secara keseluruhan, insentif tambahan ini menepati keperluan untuk GLC mempelbagaikan pembabitan mereka di dalam sektor pertanian dan bukan hanya tertumpu kepada sektor perladangan dan harta tanah semata-mata. Sektor pertanian mampu menjadi pemacu pembangunan baru negara di abad ke 21.

Kata-kata hikmat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sewaktu mula menjawat jawatan tertinggi negara kita sering berkumandang di fikiran saya. Beliau mahu sektor pertanian kembali memainkan peranan sebagai pemacu ekonomi yang dinamik seiring dengan sektor pembuatan dan perkhidmatan. Untuk hasrat dan visi beliau berjaya perlulah ada penumpuan di dalam aspek pertanian moden dan konsep

perladangan berkelompok untuk meningkatkan hasil tanaman, mengurangkan kos dan akhirnya menjamin kualiti pengeluaran tanaman menepati syarat-syarat antarabangsa.

Untuk itu saya mohon pandangan kerajaan sekiranya saya mencadangkan supaya kerajaan menerusi GLC menawarkan skim saham dan imbuhan berkumpulan kepada pengusaha-pengusaha kecil di luar bandar. Tanah mereka akan dibeli oleh GLC pada harga pasaran saham semasa dan ditukar dengan imbuhan saham GLC terbabit. Menerusi pemilikan saham ini para petani akan memiliki secara bersama tanah yang akan dibangunkan di dalam berkelompok besar dengan teknologi yang moden melalui syarikat GLC.

Dengan ini peladang dan petani akan menikmati imbuhan yang lebih besar dan mendapat khidmat profesional untuk mengurus hasil tanaman mereka. Satu lagi cara mungkin menerusi penubuhan koperasi yang dikendalikan secara profesional yang dilantik khas oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi akan mengeluarkan modal untuk bangunkan tanah secara berkelompok biarpun tanah-tanah ini masih milik petani-petani terbabit. Dengan suntikan modal tambahan dan pengurangan kos dapat dilaksanakan dan hasilnya saya yakin akan memberi gambaran positif akan kejayaan visi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ianya tidaklah hanya perlu kepada petani.

Saya berpandangan sektor perikanan baik air tawar ataupun air masin memerlukan bimbingan dan penyelarasan pentadbiran. Di sini saya yakin, ramai yang setuju persatuan nelayan hari ini lesu dan gagal memainkan peranan untuk membela nasib nelayan. Bilamana mereka harus menerokai laut dalam dan penangkapan ikan besar-besaran secara komersial, persatuan nelayan hanya ingin berpolitik dan memperjuangkan pembelian enjin bot kecil semata-mata. Ini adalah pemikiran kurun ke 20 yang sudah tidak terpakai lagi dan perlu diubah. Nelayan Malaysia mampu membangun dan menjadi jutawan seperti nelayan di France, Finland, Jepun dan lain-lain negara. Akan tetapi, kenalah mengikut landasan yang betul.

Saya mencadangkan supaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, menggabungkan kesemua persatuan nelayan ini di dalam satu Persatuan Nelayan Nasional yang dipengerusikan oleh Menteri Pertanian sendiri. Dengan cara ini, visi dan matlamat kementerian dapatlah dipanjangkan secara *direct* kepada semua nelayan di Malaysia dan mengurangkan karenah birokrasi dan pentadbiran untuk mendengar luahan mereka. Di waktu yang sama, nelayan Malaysia dapatlah menggunakan

teknologi dan pentadbiran yang lebih baik untuk meneroka penangkapan ikan laut dalam yang lebih menguntungkan dan adalah satu aktiviti sepanjang tahun. Di waktu yang sama...

Tuan Ismail bin Kasim: Lualan.

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Ya, silakan.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat pasal lualan diberikan kepada saya. Saya pohon penjelasan Yang Berhormat bila Yang Berhormat membangkitkan soal perkembangan nelayan di laut dalam yang saya rasa sekarang ini walaupun banyak lesen-lesen telah dikeluarkan oleh pihak kementerian. Kalau tak silap saya melebihi 600, tapi dari segi keberkesanan pelaksanaan seperti mana Yang Berhormat bangkitkan tadi, kita lihat ada banyak penyelewengan berlaku dan tidak ada kesungguhan kepada pengusaha ataupun syarikat yang memohon lesen laut dalam ini.

Paling menyedihkan apabila ikan yang ditangkap, selain daripada lesen-lesen ini *dichartered* kepada syarikat ataupun yang dimiliki oleh nelayan-nelayan asing tapi ikan berkenaan mendarat di negara lain dan kemudian dijual balik ke negara kita. Ini yang kita ingat sudah beberapa tahun daripada tahun 2003 lagi kita menegur perkara ini, tetapi sampai sekarang kita melihat masih belum berjalan dengan lancar. Cuma satu atau dua nelayan kecil sahaja yang kita lihat sekarang ini mendapat perhatian yang agak serius oleh pihak kementerian. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat, sahabat saya. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Itulah sebab saya mencadangkan tadi, semua persatuan nelayan patut disatukan, digabungkan di peringkat persatuan nelayan nasional supaya dapat ditadbirkan lebih baik dan berkesan untuk mengelakkan masalah-masalah sedemikian rupa yang Yang Berhormat sebut tadi. Boleh saya teruskan ya?

Di waktu yang sama saya berharap kerajaan dapat meneruskan program pembangunan perikanan di Pantai Timur. Terutama dengan membina sebuah pelabuhan komersial perikanan di Pantai Timur. Saya mendapati ramai nelayan di Pantai Timur tidak langsung mempunyai satu pelabuhan perikanan yang sebenar, baik dari sudut menaikkan ikan, memproses ikan, malah kepada pembaikpulihan dan

pembangunan kapal penangkap ikan. Hasil tangkapan nelayan Pantai Timur, selalunya diraih terus ke Thailand, Yang Berhormat Tuan Ismail ada sebut tadi ya.

Tuan Ismail bin Kasim: Pembetulan sikit Yang Berhormat. Pusat Pendaratan Ikan Tok Bali saya ingat di antara yang termoden di daerah kita di Kelantan.

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Minta satu lagi. Terima kasih. Saya ingin tahu sama ada kerajaan bercadang untuk membangunkan projek pelabuhan perikanan di Pantai Timur lagi satu, satu lagi minta. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya cadangan dan pandangan yang saya utarakan tadi di ucapan ini dapat digunakan untuk meningkatkan prestasi sistem pelaksanaan Bajet 2006 di peringkat akar umbi. Rakyat kini sedang menghadapi pelbagai cabaran, dan berkesan sistem pelaksanaan amat perlu untuk memastikan Malaysia tidak terkeluar daripada landasan pembangunan yang ingin kita capai menjelang 2020. Yang penting ialah pemeliharaan, kesejahteraan dan pemastian aktiviti ekonomi berterusan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagi ke Yang Berhormat?

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Dah habis dah. Akhir sekali saya mohon menyokong Bajet 2006, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Chiu Tiang Chai, selepas itu saya minta Yang Berhormat Datuk Syed Ali untuk bersedia.

3.42 ptg.

Tuan Chiu Tiang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera kepada semua dan sekalung terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk turut serta di dalam perbahasan Bajet 2006 di Dewan Negara pada hari ini.

Terlebih dahulu saya mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kepimpinan Barisan Nasional dan Kerajaan Malaysia yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia di atas peluang yang diberi kepada saya untuk mendapat tempat di Dewan Senat yang mulia ini.

Begitu juga setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Presiden PPP, Yang Berhormat Datuk M. Kayveas di atas kepercayaan dan amanat yang telah diberi pada saya selaku wakil PPP di Dewan yang mulia ini. Kehadiran saya seorang

keturunan Baba Nyonya Melaka juga membuktikan bahawa dasar pelbagai kaum atau *multi racialism* di dalam PPP adalah satu dasar yang berjaya dan terbukti kini. Jelas di sini PPP bukanlah parti yang mewakili kepentingan kaum tertentu semata-mata, tetapi adalah sebuah parti progresif yang mewakili kepentingan semua pihak seperti mana yang termaktub di dalam konsep kewujudan Barisan Nasional itu sendiri.

Saya berharap kehadiran dan sumbangan saya menerusi perbahasan ini akan dapat diguna untuk memantapkan lagi proses pelaksanaan dan pengurusan Bajet 2006, sesuai dengan inti pati sebagai satu bajet proaktif Kerajaan Barisan Nasional bagi memangkinkan proses pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara berada pada landasan pembangunan yang amat baik, anggaran terbaru pertumbuhan sebanyak 5.2% pada suku ketiga tahun ini. Adalah di luar dugaan dan amat dinanti-nantikan, ini diiringi dengan sorakan dan gemuruh tepukan kepada para-para atlet kita yang telah cemerlang dan gemilang melampaui sasaran asal di dalam kejohanan Sukan SEA di Manila baru-baru ini. Ia juga disambut dengan berita baik bahawa pertumbuhan di sektor perkilangan akan berlipat ganda pada tahun hadapan dan diterajui oleh peningkatan permintaan di sektor elektronik dan elektrik.

Sektor *anchor*, dengan izin ini dijangka mengalami lonjakan permintaan menjangkau 50% tahun hadapan. Di waktu yang sama kerajaan juga telah merangka proses mempertingkatkan kesejahteraan rakyat menerusi Bajet 2006. Saya melihat bahawa program perbelanjaan Bajet 2006 ini membawa Malaysia ke satu tangga yang lebih baik di dalam senarai ekonomi terbaik dunia. Dasar dan integrasi pelaksanaan yang baik amatlah diperlukan di sini bagi memastikan anjakan paradigma ekonomi negara ke arah ekonomi maju pasca 2020 akan terhasil dan terlaksana.

Saya ingin menyentuh di sini akan *effective resource management*, dengan izin kadar mandat yang akan diberi oleh Parlimen kepada pelaksanaan Bajet 2006 tahun hadapan.

Terutama di peringkat akar umbi di mana kerajaan akan berinteraksi secara terus dengan rakyat dan *front liner*, dengan izin yang saya maksudkan ialah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang merupakan kerajaan di tahap ketiga atau *third level* yang berhadapan terus di dalam proses pentadbiran Majlis Perbandaran mahupun daerah dan rakyat. Mereka inilah yang akan menentukan dasar di peringkat teratas yang kita luluskan di dalam proses demokrasi di dalam Dewan yang mulia ini akan

terlaksana dengan jayanya, dan kerana itulah juga saya berpendapat bahawa pentadbiran dan sistem kerajaan yang kini diguna pakai untuk menguruskan PBT-PBT seluruh negara mungkin perlu dikaji semula dan digubal bagi mempertingkatkan keberkesanannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang ahli politik dan wakil rakyat, kita sering dihujani dengan pelbagai rintihan dan keluhan rakyat yang menghadapi kesukaran dan kadangkala kebuntuan apabila berurusan dengan PBT di kawasan mereka. Ini tidak sekali-kali bermakna PBT membawa masalah kepada rakyat, malah ingin saya tegaskan di sini bahawa PPP membawa pendirian bahawa PBTlah yang telah banyak membantu kerajaan menjayakan proses pembangunan negara dan meletakkan Malaysia di mana ia berada pada hari ini.

Akan tetapi sistem ini telah kita wujudkan sejak berdekad-dekad lamanya dan mungkin ada sedikit kekurangan yang perlu kita perbetulkan. Kekurangan ini biarpun remeh, merumitkan rakyat dan merekalah yang menjadi penanda aras terhadap kejayaan sesebuah kerajaan. Mandat setiap lima tahun yang mereka pangkah menjadi keputusan suara terhadap prestasi kerajaan. Jadi mereka perlu dijaga, nasib mereka dibela dan kesejahteraan mereka dijamin dan ditingkatkan dari masa ke semasa. PPP pernah terlibat secara langsung di dalam pengurusan sebuah PBT di negeri Perak pada tahun 1953 hingga 1975. PPP juga membawa pendirian bahawa isu rakyat akan dapat kita selesaikan sekiranya dasar dan pelaksanaan proses pentadbiran PBT dapat kita tingkatkan, dan lonjakan agar seiring dengan pertumbuhan pesat negara. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) mesti dikaji semula dan dirombak kerana ia mengandungi beberapa klausa yang menyukarkan kelicinan pentadbiran PBT itu sendiri.

Misalkan Akta tersebut memperuntukkan bahawa suara majoriti di dalam Majlis PBT tersebut hendaklah diguna pakai sebagai keputusan muktamad majlis. Akan tetapi ia jarang digunakan malah peranan ahli majlis PBT kini dilihat tidak lagi proaktif dan hanya umpama *rubber stamp* kepada keputusan tertinggi. Ahli-ahli majlis PBT selalunya mengandungi wakil-wakil masyarakat dan rakyat setempat. Sekiranya pandangan mereka dipinggirkan keputusan dicapai tidaklah menemui cita rasa rakyat dan itulah yang akan menyumbang kepada punca kegagalan dasar atau pelaksanaan di peringkat akar umbi.

Satu contoh lain ialah di dalam pengendalian mesyuarat majlis yang seharusnya dibuka kepada orang ramai akan tetapi akta tersebut turut memberi kelonggaran kepada ahli majlis untuk menutup sesi mesyuarat mereka kepada orang ramai. Itu tidak menepati konsep ketelusan atau *accountability* yang ingin diteraskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Akan tetapi pendirian PBT juga teguh di dalam isu pelantikan Ahli-ahli Majlis. Pada pandangan kami, adalah tidak perlu untuk konsep pilihan raya Majlis PBT diwujudkan kerana ianya tidak relevan kepada proses pentadbiran PBT di Malaysia. Malah ia mungkin akan merosakkan pula sistem pentadbiran sedia ada dan tidak dapat menyelesaikan kepincangan sistem pentadbiran PBT.

Sistem pelantikan yang adil dan mewakili kepentingan semua peringkat dan golongan seperti mana yang ada sekarang wajar dikekalkan malah diperkukuhkan dengan peranan proaktif Ahli-ahli Majlis yang dilantik.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini bukan untuk menghurai masalah PBT tetapi saya yakin semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini boleh bersetuju dengan pandangan PBT bahawa PBT buat masa ini dilihat rakyat sebagai gagal untuk memainkan peranan selaku pentadbir kawasan mereka.

Kepincangan sistem pengurusan oleh kerana akta yang mungkin tidak dapat menemui permintaan di abad ke 21 ini perlu diperbetulkan. Ini termasuklah sistem perjawatan PBT yang malangnya masih bergantung dengan *close system* bilamana kakitangan PBT itu di suatu kawasan tidak dapat dipindahkan ke kawasan lain. Ini menyukarkan proses pertumbuhan karier di mana minda kakitangan PBT yang boleh belajar pelbagai ilmu baru di kawasan PBT lain. Ianya juga menyukarkan proses pertukaran kakitangan sekiranya perlu ada menyebabkan ada di kalangan *bad apple* dengan izin yang terpaksa disimpan tanpa memperbaiki dan diolah semula di tempat lain.

PBT berpandangan amatlah sesuai sekiranya sistem perjawatan PBT dibuka kepada *open system* dan ingin akan dikendalikan terus di bawah jabatan perkhidmatan awam. Bagi memudahkan proses pertukaran, pemindahan dan perjawatan di PBT ianya akan memastikan PBT terbabit sentiasa beroperasi dengan baik dan mampu melaksanakan mandat yang telah dipanjangkan kepada mereka dari peringkat atas.

Tuan Yang di-Pertua, permasalahan PBT dilihat berpunca daripada kepincangan di dalam perundangan sistem pentadbirannya menerusi Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Saya mohon penjelasan kerajaan tentang perundangan yang boleh disifatkan kolot, *absolute* dengan izin dan tidak lagi relevan kepada keperluan semasa rakyat dan negara tetapi masih wujud dan diguna pakai. Apakah tindakan kerajaan terhadap perundangan ini dan bagaimanakah ianya dapat diubah dan dihapuskan sekiranya perlu. Apakah implikasi akta-akta ini kepada usaha pembangunan negara dan apakah bahaya ianya dibiarkan kekal.

Pada waktu ini terdapat persepsi negatif terhadap sistem perundangan Malaysia dengan bilangan kes-kes yang tertunggak di mahkamah di seluruh negara didakwa berpunca daripada kelewatan. Kepincangan dan kurangnya para hakim yang mengendalikan kes. Pada pandangan saya, tuduhan yang sebegini tidak tepat kerana saya telah difahamkan bahawa punca kelewatan kes yang tertunggak adalah disebabkan oleh fakta peguam-peguam yang terlibat. Saya ingin tahu apakah ini benar. Adakah masalah kes tertunggak disebabkan oleh peguam-peguam yang mengambil terlalu banyak kes sehingga mereka gagal untuk menyediakan kes-kes mereka sebelum perbicaraan di mahkamah.

Saya difahamkan ramai di kalangan peguam tidak sempat untuk meneliti fail malah menyediakan kes dan dengan itu telah memohon untuk ditunda kes tersebut sebaik sahaja ianya dibawa ke mahkamah. Tidakkah ini menjadi penyebab sebenarnya kelewatan kes. Adakah terdapat had jumlah tertentu yang boleh dikendalikan oleh seorang peguam atau pada satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan ramai di kalangan peguam muda hari ini kasih mentah dan tidak fasih dengan seelok-elok prosedur mahkamah Malaysia. Mereka juga agak sombong dan tidak tahu menghormati peguam yang lebih berpengalaman dan sering bertikam lidah dengan para hakim yang jauh lebih arif tentang prosedur kes. Mereka juga begitu mudah untuk memulakan firma guaman mereka tanpa sebarang pengalaman dan kebolehan yang telah teruji. Akibatnya rekod kegagalan mereka meningkat dan mereka tidak dapat memberi khidmat yang terbaik buat anak guam mereka. Saya ingin penjelasan daripada kerajaan apakah yang boleh dilakukan termasuklah oleh Majlis Peguam Negara atau *Bar Council* dengan izin untuk memberi latihan tambahan kepada.....

Tuan Tay Puay Chuan: Minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Chiw Tiang Chai: Sila. Saya izinkan.

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, setuju kalau saya katakan bahawa peguam-peguam muda yang belum lama mengamalkan undang-undang untuk buka guaman mereka sendiri adakah hak mereka dan sama ada mereka gagal dalam perbicaraan itu adalah satu isu berasingan kerana itu terpulang kepada anak guam ataupun pelanggan sama ada hendak mengupah seorang peguam yang baru untuk mengendalikan kes mereka. Setuju kalau saya kata demikian. Terima kasih.

Tuan Chiw Tiang Chai: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa saya akan perjelaskan selepas perbahasan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Jelas di luarkah?

Tuan Chiw Tiang Chai: Jika saya tidak silap, kerajaan pernah membuat cadangan untuk menubuhkan satu Akademi Perundangan Nasional yang bertujuan untuk melatih graduan-graduan baru di bidang perundangan tentang selok-belok mahkamah di prosedur kes. Ini termasuklah pengiktirafan sijil amalan guaman dan khidmat nasihat kepada mereka yang ingin membuka firma guaman sendiri.

Saya ingin tahu sejauh manakah penubuhan akademi ini telah terlaksana dan bilakah ianya dapat menghasilkan peguam yang berwibawa dan mampu mengendalikan kes dengan cekap. Saya juga ingin tahu apakah pengenalan sistem komputer di mahkamah yang telah dilancarkan baru-baru ini berupaya untuk membantu sektor kehakiman negara menguruskan tadbir kes-kes dengan lebih baik dan sekali gus mengurangkan jumlah kes yang tertangguh dan tertunggak.

Saya percaya kita mampu untuk memperbaiki sistem perundangan negara terutama di sektor guaman untuk memastikan keadilan dapat dilaksanakan dengan tepat dan cepat. Ianya juga akan meningkatkan kredibiliti sistem kehakiman negara sebagai satu *outlet* dengan izin keadilan dan efektif.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya memohon izin menyentuh perihal kejayaan konsep integrasi nasional yang telah menjadi amalan turun menurun rakyat Malaysia sejak zaman Kerajaan Malaysia Melaka dalam abad ke-15 lagi. Ini adalah satu bentuk....

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Sila, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Chiw Tiang Chai: Ini adalah satu bentuk legasi yang harus dipertahankan dan diperkukuhkan terutamanya di kalangan generasi muda. PPP menyokong penuh

pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) ke arah ini, malah kami juga bersetuju sekiranya PLKN dapat diolah dan dilaksanakan di peringkat serendah mungkin. Mungkin di awal persekolahan terhadap menengah dan diulangi dari masa ke semasa. Percintaan dan patriotisme terhadap negara dan prinsip yang menjadikan kita kuat dan terbilang harus disiram dengan baja selalu, barulah yang ditumbuh jadi yang kental dan bukannya lalang yang berdayus.

Di waktu yang sama saya memohon kerajaan supaya menilai peninggalan warisan terlalu berharga termasuk di negeri asal saya, Melaka, dan memelihara warisan ini demi menjadikan legasi zaman akan datang. Amatlah rugi sekiranya kita membiarkan kepesatan pembangunan negara meminggirkan keperluan untuk memelihara warisan sepanjang zaman yang penting, bukan sahaja sebagai tanda sejarah kewujudan negara kita, tetapi sebagai satu peringatan akan kewujudan satu tamadun dan pembangunan sehingga hari ini. Apakah kerajaan ada peruntukan di dalam Bajet 2006 yang berupaya untuk memastikan warisan keturunan Baba Nyonya Melaka misalnya, tidak akan terhakis dan terhapus. Begitu juga saya harap kerajaan dapat memberi perhatian yang sama terhadap warisan negara di tempat-tempat lain.

Saya difahamkan bandar Taiping mempunyai lebih daripada 30 tanda sejarah pertama di Malaysia, dengan izin, *first in Malaysia*. Ini termasuklah landasan kereta api pertama, mahkamah pertama dan pasukan polis pertama. Semua ini perlu diklasifikasikan dengan dijaga sebagai warisan negara agar tidak luput dan diingati. Ia juga adalah penyeri kepada kepelbagaian dan kemakmuran rakyat Malaysia yang menjadikan kita *truly Asia*, dengan izin. Ia kenalah kita bela dan pelihara.

Setakat ini sahajalah pembahasan saya di waktu ini. Saya memohon maaf sekiranya terdapat kekurangan dan kepincangan di dalam hujah-hujah saya. Saya yakin perkara-perkara yang dibangkit PPP di dalam perbahasan Bajet 2006 di Dewan yang mulia ini dapat dipertimbangkan dan diambil kira untuk memantapkan lagi pelaksanaan Bajet 2006 sebagai satu bajet untuk pembangunan sebuah tamadun Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Terima kasih saya ucapkan. Saya selaku wakil PPP di dalam Dewan yang mulia ini memohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, Datuk Wira Syed Ali.

4.06 ptg.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Akta

Perbekalan 2006 dan saya juga seperti rakan-rakan ingin menyentuh beberapa subjek yang penting untuk dibangkitkan kepada Dewan yang mulia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah pun mendapat peruntukan sebanyak RM463,735,000 untuk perbekalan tahun 2006. Ini kita harapkan akan dapat melipat gandakan usaha dalam membela nasib golongan kurang upaya dan kurang kemampuan.

Kita sendiri telah melihat, Tuan Yang di-Pertua, terutamanya program-program realiti amal yang diterbitkan oleh TV3 dan ASTRO, bagaimana masih ramai masyarakat miskin yang hidup terpinggir, jauh dari kemajuan yang direncanakan oleh kerajaan. Makan nasi hanya berlaukan gula, garam ataupun kicap. Benar-benar hidup daif dan jauh dari pandangan pihak yang bertanggungjawab termasuk JKKK ataupun Ketua Kampung. Saya ingin menyeru pada kementerian ini agar dapat menempatkan pegawai-pegawai supaya memantau masyarakat yang hidup melarat dan diberilah bantuan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya jika usaha giat dilakukan oleh Kementerian ini, negara tidak akan wujud lagi masyarakat yang melarat yang hidup menangis nasib dan terus mengemis demi mencari sesuap nasi. Apa pun Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas kepada TV3 dan ASTRO yang sentiasa peka dan pergi ke peringkat bawah untuk melihat sendiri masyarakat yang perlu diambil tahu oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan hasrat kerajaan juga yang mementingkan kesihatan rakyat, peningkatan produktiviti kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM7,369,430,000 untuk menjamin kesihatan rakyat. Akan tetapi tahap kesihatan masyarakat yang berada di luar bandar dilihat kurang selesa dan meyakinkan. Saya berharap Kementerian Kesihatan akan lebih peka dan melihat kemudahan-kemudahan kesihatan di luar bandar.

Paling malang, Tuan Yang di-Pertua, mereka seumpama tiada tempat untuk mengadu. Kadang-kadang wakil rakyat ada, kadang-kadang tidak ada. Mereka juga hanya dibantu apabila kisah malang mereka telah disiarkan dalam akhbar ataupun TV. Waktu itulah barulah bantuan hendak datang. Maka oleh itu, Tuan Yang di-Pertua saya ingin mencadangkan supaya tumpuan dalam menaikkan taraf klinik dan pusat kesihatan yang sedia ada dengan memastikan peralatan perubatan yang lengkap...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Silakan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa TV3 dan ASTRO memainkan peranan yang penting yang mana orang-orang yang ketinggalan mendapat perhatian. Jadi ini menunjukkan Yang Berhormat bahawa TV 3 dan ASTRO ini lebih baik daripada wakil rakyat, Ahli Parlimen dan juga JKKK yang ada di kawasan itu. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih sahabat. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maklumkan di sini supaya seluruh negara dapat melihat masih ada lagi rakyat yang tertinggal. Betul, kita ada wakil rakyat. Kadang-kadang tidak semua wakil rakyat dapat turun ke tempat-tempat yang begitu daif. Jadi maksud saya ini, peranan yang dimainkan oleh TV3 dan ASTRO ini membolehkan seluruh negara celik mata bahawa ada orang susah. Kadang-kadang kita duduk di atas, kita tidak turun di bawah, kita tidak tahu, itu maksud saya. Sahabat, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga amat berterima kasih kepada kerajaan yang meningkatkan peruntukan di atas kemudahan rawatan di Unit Rawatan Rapi, iaitu ICU, pembukaan unit hemodialisis serta program rawatan kanser. Saya berharap sebuah pusat Institut Kanser Negara dapat dipercepatkan. Seperti apa yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya rasa institut kanser patut dipercepatkan supaya lebih ramai rakyat yang kurang berkemampuan mendapat khidmat di Institut Kanser Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada Kementerian Keselamatan Dalam negeri yang mana telah memainkan peranan yang lebih agresif bagi menangani kegiatan jenayah. Kementerian ini telah dibekalkan RM4,193,844,000. Saya berharap ianya akan dapat melipat gandakan usaha dalam mengemaskinikan dan memperkasakan jentera keselamatan bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan keharmonian rakyat Malaysia.

Bagi kes yang membimbangkan terjadi dengan berleluasa dengan masalah ajaran sesat, *Black Metal*, samseng yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah dan anggota masyarakat. Ditambah lagi dengan beberapa kejadian ala militan seperti mencari senjata api daripada pihak berkuasa. Semua ini membuatkan kita tidak duduk senang.

Tuan Yang di-Pertua: Mencari atau mencuri?

Datuk Wira Syed Ali bin Sri Syed Abbas Alhabshee: Mencuri, minta maaf. Saya berpendapat lebih ramai pegawai polis wajar ditempatkan dan menjadi *undercover* untuk membanteras golongan yang berpotensi menjadi penjenayah, supaya boleh mengawal perluasan kadar jenayah. Manusia semakin lama, semakin tidak takutkan undang-undang. Semua ini berlaku gara-gara kurang penguatkuasaan undang-undang. Dengan cara ini, sekurang-kurangnya timbullah rasa takut untuk membuat jenayah kerana rasa seperti diawasi.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita lihat krisis moral, remaja-remaja. Saya ada menerima Tuan Yang di-Pertua, di mana seorang sahabat saya yang telah memberi satu *leaflet* kepada saya yang mana acara ini di panggil *Friday December 31st. Beach Party 2005*, Tuan Yang di-Pertua tengok (*menunjukkan leaflet kepada Tuan Yang di-Pertua*). Seorang wanita berpakaian *bikini*...

Tuan Yang di-Pertua: Jauh sangat, saya tak nampak.

Datuk Wira Syed Ali bin Sri Syed Abbas Alhabshee: Saya boleh bagi selepas ini Tuan Yang di-Pertua. Kalau dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bacakan sedikit apa yang dikatakan dalam *leaflet* ini dalam bahasa Inggeris dengan izin, "*Be prepared, this is beach party, so beach attire is a must*", maksudnya bikinilah Tuan Yang di-Pertua, "*beach attire, no club cloth, something you might want to bring, beach sandal, blanket, sun block, bikini, camera, baby oil*", saya tak tau pasal apa dia suruh *baby oil* dan *last* sekali kondom. Tulis, tulis atas ni. Kondom, sampai saya pun tak tau, siapa penguatkuasaan, macam mana boleh buat, nak buat di Langkawi. Siapa bertanggungjawab, kementerian ke, kerajaan negeri ke, dia pun terima kasih. "*This is a private function, thank you to Langkawi*". Dia nak buat program ni. "*Welcome to the new year private beach party, star gazing and dancing till sun rise*", sampai besok pagi. Ini masalah remaja, saya tak tau macam mana boleh buat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dok laungkan Islam Hadhari, ini boleh terlepas.

Tuan Ismail bin Kasim: Buat penjelasan Yang Berhormat. [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih jiran saya Datuk Wira Syed Ali. Saya amat tertarik dengan isu yang dibangkitkan tentang '*private beach party*' yang bakal dijalankan pada *Friday December 31st.* di Langkawi. Tetapi saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, apabila sahabat saya menimbulkan perkara ini, kita mempunyai bukti yang cukup jelas. Kalau Tuan Yang di-Pertua nak tengok pun kita boleh buktikan di Dewan yang mulia ini. Kita ada CD di mana parti yang sama telah

dijalankan pada tahun lepas di Admiral Marina, Port Dickson, Negeri Sembilan. Ada CD di sini. Dua CD. Boleh saya beri Tuan Yang di-Pertua selepas sesi kita berakhir pada hari ini. Jadi kita rasakan, perkara ini tak sepatutnya berlaku kerana dia bukan berlaku di Miami Beach di Amerika Syarikat tapi berlaku di Port Dickson, di Langkawi, yang mana amat-amat bertentangan dengan nilai budaya dan tata susila rakyat negara kita.

Jadi, kita berharap dan kita tak tahu apabila penganjur ni nak buat sesuatu, mesti mendapat permit dan permit biasanya dikawal oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau pihak polis. Jadi, bagaimana perkara ini boleh terhebah, tersebar, tersiar di seluruh negara dengan peraturan yang diberi tahu oleh sahabat saya tadi, benda-benda yang cukup memalukan dan boleh merosakkan akhlak dan moral anak-anak remaja kita, dibiarkan ia berlaku dan terjadi. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Wira Syed Ali bin Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Ismail Kasim. Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan itu betul Tuan Yang di-Pertua, saya bila dapat *leaflet* ni saya terkejut, sebab dia ni pandai Tuan Yang di-Pertua, dia tak *advertise* dalam *paper* dan sebagainya. Dia mencari remaja-remaja muda, anak-anak remaja ni, buatkan satu tarikan, yang mana apabila ada *beach party* ini Tuan Yang di-Pertua, sudah tentunya ada sek bebas, sebab itu dibenarkan bawa kondom, lepas tu dia jual pil *ecstasy*, lepas tu dia bagi dadah kat budak-budak ni semua. Ini semua kawalan, pihak berkuasa harus lihat.

Saya kkuatir, kita dok seronok, dok betul pasal bajet negara, di sini ada satu kumpulan yang cuba merosakkan anak bangsa kita. Jadi saya harap parti yang 31 Disember, yang nak di buat di Langkawi Island ini diambil tindakan dan tidak boleh diadakan di mana-mana di negara kita ini, di tempat terbuka, tempat tertutup pun dah cukup susah nak kawal ni kan pulak di *open*, di *beach* yang terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap....

Datuk Dr. Haji Fuad bin Haji Ahmad: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali. Kita rasa kita patut kutuklah perbuatan seperti ini dan patut dihentikan serta-merta. Saya mencadangkanlah kalau sekiranya boleh kita buat satu persetujuanlah, hebahkan perkara ini dan berhenti serta-merta. Perkara ini melanggar betul-betullah peraturan yang kita ada sekarang. Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetujulah dengan Yang Berhormat supaya perkara ini dapat

dihentikanlah serta-merta kerana kita takut, tsunami sekali lagi akan melanda. Ha.. ni kita dok seronok, seronok, kita tak tau tsunami nanti mai lagi sekali Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya haraplah pihak keselamatan yang bertanggungjawab....

Tuan Tay Puay Chuan: Minta laluan Yang Berhormat Datuk. Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan Yang Berhormat buat laporan polis, biar polis yang siasat perkara ini dan berhentikan ambil tindakan awal, kerana betul-betul bertentangan dengan nilai-nilai murni negara kita kerana sesuatu yang menggalakkan perbuatan sumbang tu kita harus hentikan serta-merta. Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Insyallah saya akan ambillah nasihat Yang Berhormat supaya kita buat laporan polis dan perkara ini kita hentikan serta-merta. Ini Tuan Yang di-Pertua, kali yang ketiga, ini bukan pertama kali ya, kali yang ketiga. Tak taulah atas kad ini ditulis kali yang ketiga, yang akan diadakan *beach party*, so ini bukan nilai budaya negara kita, saya harap pihak keselamatan akan mengambil perhatianlah akan perkara ini supaya perkara ini tidak diadakan seperti yang dijadualkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tau ramai rakan-rakan yang nak berucap. Saya nak masuk kepada isu MAS. Memanglah saya ada berucap tiga hari sudah, saya ada bercakap menyentuh tentang MAS, tetapi ada kawan-kawan kata dekat saya, adakah lukisan RM1 juta. Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya mendapat maklumat dan saya nak berilah kepada rakan-rakan kita dalam Dewan.

Harga setiap gambar yang dibeli, sebenarnya ada tiga gambar yang dibeli oleh MAS iaitu, satu berharga RM75,000, satu RM1.14 juta dan satu lagi RM342,00 yang berjumlah RM1.557 juta. Ha, ni, gambar yang dibeli untuk pejabat Pengerusi MAS. Untuk saya Tuan Yang di-Pertua, masalah di sini, kenapa kita masuk, kita dah tau MAS rugi, adakah dengan membeli RM1.557 juta itu boleh menambahkan hasil kepada MAS? Kalau dia nak beli gambar yang begitu mahal, beli duit sendirilah, jangan pakai duit MAS.

Satu lagi perkara Tuan Yang di-Petua, yang saya nak bangkitkan pasal MAS ni, ada seorang pekerja, kalau tak silap saya, semalam, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi ada membawa seorang yang bernama Chris Andrew Tuan Yang di-Pertua. Chris Andrew ini adalah warganegara Britain. Seorang konsultan kepada MAS. Tuan-tuan tau, gaji dia berapa? RM7,250 satu hari. Ha, kalau RM7,250 dia lebih baik jadi Perdana Menteri Malaysialah. Pak Lah pun tak ambil gaji macam tu. Kita

di Dewan Negara pun diberi elaun, diberi semua, tak sampai tu, dia satu hari, macam mana MAS tak rugi? Lepas tu salahkan orang di bawah, kena VSSlah, ramai pekerja dan sebagainya.

Ini lagi satu Tuan Yang di-Pertua, saya baru dapat *latest information* seorang lagi, bekas pekerja *Senior Executive British Airways*, akan *joint* MAS pada 9 Januari, 2006 sebagai *Director of Operation*. Baru Idris Jala, baru masuk sebagai CEO, ini ada pulak *Director of Operation*, Mat Salleh pulak tu, akan mula bekerja 9 Januari, Tuan Yang di-Pertua. Nama dia Peter Read. Nama pun saya ada Tuan Yang di-Pertua.

Ini apa nak jadi, apakah kurang, orang-orang, rakyat Malaysia untuk duduk dalam MAS. Dulu MAS tak teruk macam ni, dulu MAS boleh berjalan. Takkan setiap kali panggil konsultan, Mat Salleh kena masuk, bayar gaji tinggi-tinggi.

Tuan Ismail bin Kasim: Laluan. Sedikit sahaja setengah, setengah. Saya pohon penjelasan Yang Berhormat, kenapa Pengerusi MAS ambil masa yang terlalu lama untuk mengumumkan pelantikan CEO Idris Jala, yang baru.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak tahulah kenapa dia hendak ambil masa yang begitu lama saya tidak tahu tetapi apa yang saya dapat hari ini saya hendak bagi tahu hendak berkongsi dengan rakan-rakan supaya Kementerian Kewangan tolonglah awasi. Kalau tuan-tuan masih ingat sebelum Idris Jala kita baru masuk dia ada *propose* hendak ambil satu *foreign*, dia hendak ambil *foreign* kalau tidak silap saya Peter Red inilah dia hendak ambil kot. Itu bila sudah bising-bising dia bawa masuk dia ini sebagai *Director of Operation*.

Tuan Yang di-Pertua, bukan apa yang kita hingarkan perkara ini kerana kita rasa rakyat tempatan kita pun mampu. Rakyat tempatan pun ramai. Saya hendak bagi contoh, MAS dok rugi, dok tidak tahu hendak *revise* balik. Kenapa tidak kita cuba Tan Sri Hasan Merican, Pengerusi Petronas? Petronas sudah buat duit berbilion ringgit berjaya, suruh dia jadi *Chairman* MAS. Suruh dia bantu pulihkan balik MAS. Ini cadangan. Kenapa harus kita panggil mat saleh-mat saleh bayar gaji yang tidak munasabah, Tuan Yang di-Pertua. Satu hari RM7,250! Terkejut saya, saya ingat sebulan. Tidakkah harga dia macam itu, lebih tinggi daripada Perdana Menteri Malaysia. *Something is wrong some where*, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itulah kita harus memantau, Kementerian Kewangan harus melihat tidak boleh sewenang-wenangnyanya beri kuasa.

Saya dapat maklumat Tuan Yang di-Pertua bila saya bercakap fasal MAS, *Chairman* MAS ini hari, petang ini kalau tidak silap saya panggil semua *Senior General Manager*, semua ini pegawai-pegawai tinggi. Dia Pengerusi MAS sahaja dia bukan pengerusi eksekutif. Apa yang dia panggil semua orang dia hendak minta maklumat. Terkejutlah, boleh bawa dalam Parlimen. Soalnya Tuan Yang di-Pertua, ini kepentingan rakyat sebab itulah saya rasa perkara ini perlu dibawa. Orang yang tidak layak, tidak layak. Tidak layak duduk. Saya dapat maklumat lagi, Tuan Yang di-Pertua. dia ini naik London tiga empat kali sebulan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua minta laluan. Terima kasih sahabat saya Datuk Wira. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, telah beberapa kali dalam Dewan ini kita persoalkan kepada pihak Kementerian Pengangkutan. Apakah wujudnya Air Asia jadi saingan kepada MAS kerana pada ketika itu MAS sering kali kita lihat mengalami kerugian dan jawapan yang sering kali diberi oleh pihak Kementerian Pengangkutan sememangnya Air Asia bukanlah merupakan saingan kepada MAS. Tetapi hakikatnya pada ketika itu telah pun wujud situasi kerugian di pihak MAS dan pada hari ini terbaca oleh saya di akhbar yang menyatakan pihak Air Asia menawarkan untuk mengambil alih laluan domestik daripada pihak MAS.

Perkara-perkara ini nampaknya menjerus kepada suatu situasi yang lebih mudarat. Jadi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh sahabat saya Senator Datuk Wira Syed Husin - Ali, tersasul sebab panjang sangat nama dia. Jadi perkara ini harus diberi perhatian dan saya minta pihak kementerian memberi penjelasan-penjelasan di atas sahabat saya bangkitkan tadi. Juga, perkara yang pernah dibangkitkan dalam Dewan ini, kenapa MAS pada waktu itu telah pun mengalami kerugian tetapi pihak Air Asia yang merupakan saingan sering kali diberi perlindungan seolah-olah tidak ada saingan yang negatif pada MAS. Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bila Yang Berhormat sebut Air Asia memang dalam kepala ini hendak bercakap fasal Air Asia juga Tuan Yang di-Pertua, kerana kita lihat Air Asia telah membuat tawaran untuk mengambil alih semua yang domestik sebab MAS kata domestik rugi, *they are just compliment*. Jadi kalau sudah MAS rugi bagi pi lah kat Air Asia. Kalau dia tidak boleh jalankan dua-dua rugi, dok tunjuk rugi. Saya kluatir rugi ini

fasal ini dok bayar mat saleh ini puluh ribu, dia ini puluh ribu, *renovation* ratus ribu. *Renovation* pejabat pengerusi sahaja 841 - *renovation*.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kita sudah bincang masalah MAS ini banyak kalilah. Saya ingat semalam dalam ucapan saya pun banyak ahli Dewan sudah bangkit. Saya berharaplah, saya setuju 100% dengan sahabat saya. Kalau kita kata domestik ini MAS mengalami kerugian, kita tengok hari-hari kalau saya hendak balik Pulau Pinang ini penuh penerbangan, saya ingat mustahil. Saya setuju dengan Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa ada penyelewengan yang berlaku dalam pengurusan MAS sebab itu saya kata, kalau kita bawa CEOkah kita bawa daripada Britishkah tidak akan selesaikan masalah. Kita kena tubuh lembaga penyiasatan. Kalau polis seorang kita boleh tubuh bawa ke mahkamah kenapa MAS tidak boleh? Ini berjuta-juta ringgit wang rakyat, wang kita. Tubuh lembaga penyiasat untuk menyiasat siapa yang bertanggungjawab? Kenapa MAS dapat kerugian? Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Saya paling setuju kita tubuh. Ini kepentingan rakyat. Betul kata Yang Berhormat, kita boleh tubuh inkuiri kerana satu budak perempuan yang dituduh daripada warganegara China, akhirnya hari ini kita tahu warganegara Malaysia kenapa tidak kita tubuh satu lembaga untuk menyiasat kerugian MAS. Kerugian MAS bukan sedikit Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun, tiap-tiap *announcement* rugi. Kalau sudah rugi *airline* lain untung. Saya tidak nampak apa hendak rugi.

Satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap ini fasal MAS ini dia sekarang ini *non-smoking flight*. *Non-smoking flight* semua orang naik. *Now all over the world* semua *non-smoking flight*. Saya hendak minta MAS sebagai kita ini penerbangan Malaysia, sebagai Islam tidak usah *serve* araklah, hendak *serve* arak buat apa atas kapal terbang. *Why must you serve liquor?* Lepas itu *you* ada masalah kerana orang itu mabuk dia raba *stewardess*. Perkara-perkara ini kena perlu ditengok. *You* tidak hisap rokok pun orang naik kapal terbang juga. Minum arak hendak *compliment* - hendak jaga berapa orang yang minum arak, Tuan Yang di-Pertua. Duduk jamu depa berbotol-botol, saya duduk kadang-kadang geram Tuan Yang di-Pertua sebab depa dok jaga orang minum arak lebih daripada orang minum air biasa. Saya mintalah kementerian menimbangkan supaya MAS *don't serve liquor* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Geram itu sebab orang minum arakkah atau sebab orang jaga orang lain lebih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: *[Ketawa]* Geram sebab depa jaga orang lain lebih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai dengan MAS juga. Ini yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua iaitu mengenai dengan VSS yang dia orang kata sekarang ini MAS *over staff*. Saya dimaklumkan dia ada 23,000 pekerja dan MAS hanya perlu 13,000 sahaja, lebih kurang 8,000 depa hendak suruh berhenti. Tuan Yang di-Pertua, mereka ini rakyat Malaysia, hendak suruh berhenti boleh berhentilah, lepas itu depa hendak kerja tang mana? Yang mana ada ini, saya hendak minta MAS hendak berhenti ini yang mat saleh-mat saleh gaji besar ini, berhentikan depa dahulu barulah berhenti orang-orang Malaysia. *Chairman* dia memang kena berhentilah, saya sudah bercakap *chairman* suruh diganti. Mana boleh *chairman* beli satu juta lebih punya *drawing* dalam pejabat. Kalau duit dia sendiri dia tidak beli, Tuan Yang di-Pertua.

Saya pergi ke Kementerian Pelajaran Tuan Yang di-Pertua, isu ini panas kita kena bagi sejuk balik. Kementerian Pelajaran telah diperuntukkan RM17 bilion pada kali ini. Tiap-tiap tahun peruntukan Kementerian Pelajaran memanglah yang paling tinggi. Kita menghargailah kerajaan sentiasa peka dengan pendidikan. Saya hanya ada dua isu mengenai dengan Kementerian Pelajaran ini iaitu pertama, mengenai dengan rungutan dan rintihan guru iaitu para pendidik yang mana komputer di sekolah kurang. Jadi macam mana komputer sekolah kurang, guru hendak menggunakan untuk pelajaran dan sebagainya dia dok kena berkongsi dan sebagainya. Saya haraplah dengan adanya RM17 bilion ini gunalah sedikit untuk membeli komputer-komputer kepada sekolah-sekolah bukan sahaja di bandar malah di luar bandar yang memerlukan komputer supaya guru-guru atau pun para pendidik lebih efisien untuk menjalankan tanggungjawab.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai dengan pelajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini cukup hebat diperdebatkan oleh masyarakat dan kita memang menyokong dasar kerajaan, hari ini kita menyokong kerana kita melihat kesannya kepada generasi kita dalam jangka masa yang panjang bukan pendek. Dua tahun *result* tidak bagus suruh tukar dan sebagainya tidak boleh Tuan Yang di-Pertua, kita kena tengok jangka masa yang panjang. Perkara pokok yang saya

sentuh di sini Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan kemampuan guru-guru terlatih untuk mengajar subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Kita amat merasa khuatir Tuan Yang di-Pertua sekiranya masih ada guru-guru yang belum mampu memikul tanggungjawab sepenuhnya untuk mengajar Sains dan subjek dalam bahasa Inggeris. Tuan Yang di-Pertua cuba bayangkan guru belum fasih mengajar anak-anak yang baru macam mana dia hendak pandai?

Guru itu kena fasih kita sudah latih dia orang, sudah bagi semua 'booklets' barulah ajar budak itu. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua kalau Tuan Yang di-Pertua pergi ke sekolah-sekolah ada pelajar-pelajar yang lebih pintar daripada guru berkenaan. Ini terjadi Tuan Yang di-Pertua, saya dapat maklumat sebab saya selalu mendekati dengan sekolah, saya dapat maklumat-maklumat ini, jadi saya minta mereka dilatih supaya mereka dapat memberi pengajaran yang cekap dalam Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Saya juga ingin bertanya secara jujur kepada pihak kementerian, di manakah sebenarnya tahap kemampuan guru-guru untuk mengajar subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris? Saya hendak tahu tahap mereka di mana? Adakah 90%, 80%, 60% ataupun bagaimana? Guru-guru yang diberi untuk mengajar subjek Sains dan Inggeris ini Tuan Yang di-Pertua dan sekiranya kita rasa tahap kecekapan guru-guru berada di tahap yang positif kita syukur - alhamdulillah.

Tetapi sekiranya sebaliknya, maka saya rasa kita kena lihat bagaimana kementerian ini dapat menangani perkara ini supaya kita dapat melatih guru-guru yang terbaik untuk mengajar anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan agar proses pemilihan guru-guru yang mengambil subjek opsyen, Sains dan Matematik wajar diperketatkan. Pemohon-pemohon yang mengambil opsyen Sains dan Matematik mestilah ditemu duga dalam bahasa Inggeris dan dalam proses temu duga itu kita sudah dapat gambaran sama ada pemohon layak ataupun tidak untuk mengajar dalam bahasa Inggeris subjek Sains dan Matematik.

Saya juga ingin mencadangkan agar kaedah pengajaran di dalam kuliah untuk guru-guru yang mengikuti kursus perguruan yang memilih opsyen subjek Sains dan Matematik mestilah diajar 100% dalam bahasa Inggeris, dan guru-guru ini juga wajib menjawab peperiksaan 100% dalam bahasa Inggeris.

Mereka juga mestilah lulus dengan cemerlang semasa di dalam kursus perguruan, bukan setakat cukup makan sahaja kerana mereka ini Tuan Yang di-Pertua akan mendidik anak-anak bangsa kita. Kalau tidak memberi 'booklets' yang cukup untuk mereka menguasai bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik saya khuatir lagi 10 tahun pun dok macam itu juga. Saya haraplah pihak kementerian akan memberi tumpuan agar guru-guru yang mengambil opsyen Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris ini betul-betul terlatih dan boleh mengajar pelajar-pelajar ini di sekolah.

Tuan Lee Sing Chooi: Minta laluan.....

Tuan Yang di-Pertua: Banyak lagikah perkara Yang Berhormat hendak diketengahkan?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Satu?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Satu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Satu lagi perkara ya?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Satu kementerian lagi.

Tuan Lee Sing Chooi: Minta laluan boleh?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Ya.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan penguasaan bahasa Inggeris untuk mengajar Matematik dan Sains itu adalah satu kelemahan yang kita nampak di semua aliran.

Untuk meningkatkan penguasaan ini, cadangan bahawa kupon-kupon dibahagi kepada guru untuk tuisyen bahasa Inggeris supaya penguasaan bahasa Inggeris itu dipertingkatkan, supaya mereka boleh mengajar lebih berkesan seperti kupon yang diberi kepada murid-murid kali ini, kupon juga diberi pada cikgu supaya mereka dapat tuisyen dan dapat mengajar dengan lebih berkesan. Apakah pandangan ke atas cadangan ini? Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin itu satu jalan untuk kita ambil kira, saya harap pihak kementerian boleh mengambil itu sebagai satu langkah untuk kita memperbaiki guru-guru yang ambil opsyen Sains dan Matematik untuk mengajar mereka dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu masa mencemburui kita, saya tahu ramai lagi rakan-rakan hendak bercakap. Kalau saya tidak sentuh Kementerian Wilayah tidak boleh Tuan Yang di-Pertua sebab saya datang daripada Wilayah. Tuan Yang di-Pertua Kementerian Wilayah yang saya ingin sentuh ada dua perkara iaitu, pertama, mengenai masalah sosial di Bandaraya Kuala Lumpur. Di mana-mana tempat di dunia ini Tuan Yang di-Pertua ibu negara akan menjadi pusat tumpuan pelancong. Di Kuala Lumpur sendiri Tuan Yang di-Pertua perkembangan pesat iaitu sektor pelancongan dan juga banyak berlaku gejala sosial, banyak pusat pelacuran, semuanya berlaku di Kuala Lumpur dan juga baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat bagaimana pusat-pusat karaoke, pelacuran seperti di Bukit Bintang, Chow Kit dan Brickfields masih beroperasi secara terbuka.

Saya bagi contoh Tuan Yang di-Pertua di Bukit Bintang masih terdapat ramai ulat-ulat ataupun bapa-bapa ayam di keliling Jalan Bukit Bintang itu di waktu malam untuk mencari pelanggan. Kenapakah tidak ada tindakan tegas yang diambil oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur? Sepatutnya ada penguatkuasaan, turun, tangkap *very open*, terbuka Tuan Yang di-Pertua dengan menawarkan khidmat-khidmat dan dia orang akan bawa pelanggan-pelanggan mereka ke suatu tempat. Tuan Yang di-Pertua pusat-pusat hiburan masih beroperasi tanpa lesen, banyak pusat hiburan. Tidak apalah hendak operasi, operasilah tetapi kena ada lesen. Tidak ada lesen pun dia boleh operasi dan ini terjadi rasuah, orang bagi duit dia simpan tidak apa boleh beroperasi dan sebagainya. Gejala-gejala ini harus dilihat dan diambil tindakan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua pada hari Isnin 12 Disember 2005, di mana di Harian Metro, media melaporkan sebuah pusat beroperasi tanpa lesen di Jalan Doraisamy dekat Brickfields Tuan Yang di-Pertua. Kita melihat yang ini dilakukan secara terbuka seolah-olah tidak ada masalah, lesen tidak ada boleh buka, hari ini bila *paper highlight* barulah penguatkuasaan pergi. Saya tidak faham Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ramai kakitangan. So, saya berharap pihak Kementerian Wilayah ini harus turun ke bawah pastikan gejala-gejala ini dapat kita hindarkan supaya Kuala Lumpur ini dilihat sebagai sebuah kota yang aman, cantik dengan tidak ada masalah-masalah gejala sosial terlalu banyak pusat-pusat, bukan tidak boleh buka - boleh. Pelancong hendak datang tidak ada masalah tetapi kawallah Tuan Yang di-Pertua.

Ini sampai tidak terkawal Tuan Yang di-Pertua, tengok rumah pun dia boleh *convert* jadi disko, ini saya minta pihak Kementerian Wilayah turun ke bawah kenal pasti, yang mana boleh - boleh, yang mana tidak boleh - tutup. Jangan bagi operasi tanpa lesen kerana bila mereka beroperasi tanpa lesen saya kluatir ada pegawai-pegawai yang akan menerima rasuah.

Tuan Yang di-Pertua dengan kata-kata itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan mohon menyokong Perbekalan 2006, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Datuk Wira Syed, Datuk Haji Roslan bin Awang Chik.

4.38 ptg.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakam terima kasih kepada Tan Sri

Tuan Yang di-Pertua: Lepas ini Datuk Hajah Dayang Mahani.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Untuk merakam terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut serta dalam membahaskan Bajet 2006. Saya juga merakamkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang telah begitu teliti dalam membentangkan Bajet 2006.

Hal ini pada 30 September 2005 serta pembentangan kali yang kedua oleh Yang Berhormat Tan Sri Nor Mohamed bin Yaacob pada 12 Saya percaya dan yakin bahawa hasrat murni negara ini dalam merencanakan pertumbuhan ekonomi negara akan terus menjadi kenyataan. Berteraskan membina ketahanan menghadapi cabaran sesungguhnya menepati keadaan masa yang sedang kita hadapi sekarang.

Kita perlu mengetahui kekuatan kita, kelemahan kita, apa yang dapat kita buat, apa yang tidak dapat kita t buat, serta memahami pergolakan di sekeliling kita barulah kita boleh membina ketahanan serta menghadapi cabaran-cabaran pada masa-masa yang akan datang. Tetapi dalam kita menuju ke arah ini bukanlah senang sebagaimana di dalam kita berucap pada petang ini oleh sebab sudah pasti apa yang kita ucapkan tadi menjadi kenyataan dalam enam ke lapan bulan yang seterusnya, oleh sebab senario dalam masa enam ke lapan bulan yang akan datang sudah tentu ..berubah. dan berputar kepada senario yang lain dengan situasi-situasi yang lain yang menyebabkan bahawa kita perlu mengubahsuaikan strategi-strategi bajet kita ini.

Oleh itu, dalam kita menggubal dasar terutama bajet ini yang sering dan akan menjadi nadi sesebuah negara, sudah tentu ia akan berteraskan kepada keadaan

semasa dan ramalan masa depan. supaya ita dapat saksikan bahawa perkembangan ekonomi negara mencapai kepada sasarannya, ada kalanya lebih daripada apa yang kita anggarkan. Kita juga melihat bahawa KDNK kita mencapai kepada sasaran lima peratus pada tahun ini dan dijangka akan meningkat lagi pada tahun-tahun akan datang di serta dengan FDI yang meningkat begitu banyak sekali pada kuota yang kedua tahun 2005, meningkat kepada lapan bilion.

Semua nota-nota ekonomi seperti KDNK, FDI serta pertumbuhan KDNK purata dalam tujuh tahun semenjak tahun 1997 telah mencapai kepada tahap 5.4 peratus serta kita mengawal kadar-kadar inflasi, pendapatan berkapital meningkat sejumlah RM1,125 kalau kita bandingkan pada tahun yang lepas, maka ini apa yang telah kita rancang oleh pihak kerajaan menepati janji-janji yang telah dibuat dan ramalan-ramalan yang baik seperti mana yang dirancang oleh pihak kerajaan baik pada tiap-tiap tahun mahupun tahun-tahun pada pilihan raya. Kita perlu mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana masih dapat mengekal pertumbuhan ekonomi yang baik, walaupun kita menghadapi masalah dan cabaran yang besar seperti lonjakan harga minyak mentah yang begitu tinggi, yang sudah mempunyai *change reaction* dengan izin kepada perkara-perkara yang lain, Dapat dirumuskan bahawa dalam bajet yang telah dibentangkan mempunyai matlamat yang berpanjangan di mana ianya tidak boleh dicapai dalam tahun 2006 sahaja., sebagaimana yang telah digariskan dalam strategi-strategi yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat. Strategi yang telah digariskan oleh pihak kerajaan dalam menggubal bajet, ini tidak perlu diulas lagi oleh sebab matlamatnya ialah pertumbuhan ekonomi serta kemesraan-kemesraan kepada rakyat.

Dalam empat strategi yang telah digubal, saya amat tertarik dalam strategi membangun modal insan kerana saya akan sentuh di dalam hal ini sahaja. Dengan cara kita memperlihatkan bahawa insan ini merupakan satu modal yang tidak terhingga, ianya boleh membawa kita kejayaan kepada tahap-tahap yang tidak termimpi oleh kita oleh kerana kuasa Allah S.W.T. dengan pemberian Allah S.W.T. kita mempunyai akal yang begitu waras untuk membawa negara kita ini ke arah yang lebih tinggi lagi pencapaiannya tetapi ianya juga boleh membawa keruntuhan-keruntuhan kalau disalah digunakan.

Oleh yang demikian, dalam berteraskan bahawa kita perlu mendidik masa depan anak-anak kita, belia-belia kita dengan pengetahuan-pengetahuan yang bermoral,

pengetahuan-pengetahuan yang bermakna, berilmu yang akan membawa kepada pembangunan insan beriman dan akan sentiasa membawa negara kita ini ke arah yang lebih maju lagi pada masa-masa yang akan datang. Oleh demikian, kalau kita lihat bahawa modal insan ini bukan sahaja pada tahun 2006 malah sehingga akhir hayat sekalipun ianya akan terus menjadi teras kepada penggubal-penggubal ekonomi dan saya percaya faktor-faktor yang lain seperti kemesraan ekonomi, prasarana-prasarana dan infrastruktur-infrastruktur yang dibentangkan oleh kerajaan ini boleh kita gubal pada tiap-tiap tahun mengikut keadaan. Tetapi dalam kita menggubal modal insan ini, perkara-perkara yang lebih mendalam lagi, lebih mikro lagi perlu kita lihat dan perlu kita teliti dengan lebih halus agar pada masa-masa akan datang kita akan melatih, kita akan membina dan kita akan membangunkan sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang berilmu, masyarakat yang bermoral, masyarakat yang beriman serta mempunyai rakyat- yang boleh kita pasarkan kepada pasaran dunia dengan lebih berkesan lagi.

Kita tidak mahu mengadakan seperti mana yang dikatakan oleh rakan-rakan, bahawa graduan-graduan kita menganggur seperti yang dijawab dalam soalan-soalan lisan, 8000 lebih graduan-graduan menganggur, mengapa ia menganggur, kenapa ia menganggur perlu kita lihat oleh sebab ianya merupakan satu bebanan juga kepada tanggungan kerajaan. Dalam masa yang begitu singkat. RM53 juta telah dibelanjakan kepada graduan-graduan yang menganggur ini dan apa yang menakutkan saya, apa yang menjadi keanehan ialah kebanyakan mereka-mereka ini terdiri daripada kaum bumiputera. Saya tidak mahu menyentuh tentang hal kaum di sini tetapi kalau kita lihat dari segi keadaannya mengapa dan kenapa perkara ini boleh berlaku adakah bangsa Melayu ini suka mengambil jurusan-jurusan yang begitu senang untuk dia melepasi dalam universiti-universiti dan tidak mahu menerokai ilmu-ilmu yang lebih susah untuk mendapat ijazah-ijazah mereka supaya mereka lebih *marketable* dengan izin dalam pasaran dunia selepas mereka mendapat ijazah-ijazah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam teras bajet itu saya tidak mahu memperhujankan lagi di dalam hal-hal yang telah dikatakan hanya saya mahu pergi kepada beberapa kementerian sahaja dan saya juga Insya-Allah akan memendekkan, sependek-pendeknya hujah-hujah saya ini di dalam kita membahaskan bajet 2006 ini. Saya ingin pergi kepada Kementerian Kewangan. Kita melihat bahawa pertumbuhan serta perancangan kerajaan terhadap SME Bank yang telah ditubuhkan dan kita mengucapkan tahniah syabas, tahniah kepada Kementerian Kewangan terutama sekali Yang amat

Berhormat Perdana Menteri sendiri yang telah mengotakan janji-janji untuk menubuhkan SME Bank ini. Kita percaya dengan penubuhan SME Bank ini ia akan memesatkan lagi pertumbuhan-pertumbuhan di kalangan pekilang-pekilang kecil untuk mendapat pinjaman serta menjanakan ekonomi peringkat kecil-kecilan baik ianya di peringkat daerah mahupun di peringkat negeri.

Kita mahu melihat bahawa SME Bank ini akan menjadi sebagaimana Bank Islam satu ketika dahulu, kerana ia menjadi satu kebanggaan kita. Kalau kita lihat Bank Islam pada satu ketika dahulu, kita lihat orang-orang daripada negeri Arab datang, dia mahu meniru, melihat Bank Islam ini yang merupakan salah satu teladan yang begitu baik kepada kita. Salah gunaan dua tiga orang pegawainya telah mencemarkan Bank Islam buat ketika ini dan tidak sepatutnya kita mengambil bahawa Bank Islam itu rugi, oleh sebab kecuaiannya dan ketidakamanannya pegawai-pegawai ini melakukan kerja-kerja. Saya percaya, hasrat kerajaan ingin melihat Bank SME Bank ini akan terus berjaya, oleh kerana ramai di kalangan- kita mengharapkan begitu banyak pinjaman-pinjaman bagi menjanakan perniagaan-perniagaan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengemukakan sedikit di dalam Kementerian Kewangan ini di mana telah pun dipersetujui dan di bentang untuk memberi peluang-peluang kepada bumiputera dalam menyertai bidang hartanah. Yayasan hartanah akan ditubuhkan dengan bermodalkan RM2 bilion yang telah diluluskan, saya percaya ianya akan merupakan satu sektor baru di dalam keadaan kita untuk memperlihatkan bahawa ramai lagi orang-orang bumiputera dapat menceburi di dalam sektor hartanah ini oleh kerana potensinya yang begitu luas. Saya percaya selagi dunia ini belum kiamat, manusia akan sentiasa mahu kepada rumah, mahu kepada infrastruktur-infrastruktur yang baik dan mahu kepada perkara-perkara yang lebih canggih lagi.

Inilah potensi yang perlu diceburi dan saya percaya kewaspadaan kerajaan ini untuk memberi peluang-peluang kepada bumiputera akan menjadi satu hadiah yang begitu baik dalam masa tahun 2006 ini. Hanya kepada SME Bank dan juga kepada pihak yang akan menjalankan *day to day management* ataupun CEO kepada yayasan ini, janganlah memberi keterlaluan, ketat sangat syarat-syarat, oleh kerana syarat-syarat ini akan juga membawa kelemahan dan keruntuhan terhadap keinginan eksekutif ataupun usahawan-usahawan ini menceburi bidang-bidang yang telah saya katakan tadi.

Janganlah ianya terdedah kepada unsur-unsur yang tidak sihat. Oleh kerana di dalam duit RM2 bilion ini, cerita di dalam urusan perniagaan hartanah ini sudah tentu banyak unsur-unsur yang akan memberi peluang-peluang yang tidak sihat kepada mereka ini. Carilah pegawai-pegawai yang amanah untuk mengendalikan kerja-kerja ini. Kedua, saya ingin menyentuh tentang bank-bank sedikit yang sekarang ini telah pun banyak diperkatakan di dalam Dewan Rakyat dan telah disiarkan di dalam akhbar jumlah-jumlah bank yang telah mengenakan caj-caj kepada pelanggan-pelanggan mereka.

Saya berpendapat dan juga telah kita bahaskan pada tahun yang lepas bahawa bank-bank ini bukan tempat orang menyimpan duit, tempat orang mengurus niaga tetapi apa yang dapat saya rumuskan sekarang ini ialah bank terlalu mengharap keuntungan terhadap *charges-charges* dengan izin daripada perkara-perkara yang kecil seperti menukarkan *cash cheques*, RM2 kita kena bayar. Pergi tukar, minta satu surat RM50 kita kena bayar. Perkara-perkara yang tidak langsung mendatangkan risiko-risiko kepada bank, perkara-perkara yang langsung tidak memberi peranan ataupun latihan keusahawanan kepada pegawai-pegawai bank, hanya dengan program komputer sahaja ia mendapat hasil-hasil. Kita lihat bank untung begitu banyak sekali. Kita meminta kepada Bank Negara supaya memantau dengan lebih teliti lagi.

Malah, kalau kita lihat daripada prestasi Bank Negara, keuntungan Bank Negara RM1 bilion. Kalau lihat tugas dan tanggungjawab selain daripada membawa keuntungan ini ialah *regulate* kepada bank-bank yang lain. Malah Bank Negara sendiri yang memulakan *charges-charges* ini, yang telah turut dilanjutkan *charges-charges* ini kepada bank-bank yang lain. Jadi di dalam teras ataupun tajuk bajet ini, salah satu ialah mesra pelanggan. Cara yang bank buat sekarang langsung tidak mesra perniagaan oleh kerana tiap-tiap khidmat yang diberi oleh bank merupakan kita kena bayar, pelanggan kena bayar. Hatta kita sendiri yang menaruh duit kita dalam bank, kita bayar duit *cash* kita.

Akhirnya tugas bank ini langsung tidak memberi pinjaman. Dia lebih suka melihat keuntungan datang daripada hasil-hasil yang senang dan tidak ada naluri ataupun semangat keusahawanan untuk menceburi bidang-bidang yang lebih dinamik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang insurans. Kita lihat bahawa agen-agen insurans serta syarikat-syarikat insurans begitu banyak sekali dan

keuntungan yang begitu menebal. Malah, kalau kita lihat insurans ini hanyalah jualan gertak. Maknanya *coverage* kepada kereta-kereta, maknanya *coverage* kepada kesihatan, kebakaran dan sebagainya. banyak yang telah kalau kita lihat, tiap-tiap satu kita ambil, katakanlah insurans kereta. Insurans kereta sahaja kita kena *sign*, ingat-ingat saya tidak kurang daripada dua, tiga borang dan saya rasa tidak ada seorang pun yang betul-betul pergi meneliti apakah di dalam insurans itu. Apakah yang terkandung di dalam insurans itu. Apakah *coverage* yang telah kita beli di dalam insurans itu. Kalau kita pergi kepada insurans nyawa pula. Begitu juga dengan insurans nyawa, satu pun tidak diberi keterangan. Diberi keterangan *you* kena bayar banyak ini, *you* kena banyak ini dan akhirnya awak akan dapat banyak ini dalam masa 20 tahun kalau ianya merupakan *endowment policy* dengan izin.

Kalau ianya merupakan *life policy* juga, akhirnya apabila mati inilah yang awak dapat. Maksud di dalam pertengahan itu tidak ada perkhidmatan yang boleh memberitahu kepada pelanggan insurans tadi untuk mengetahui apa yang dibeli dan saya rasa perlu membuat pengawasan yang lebih rapi lagi daripada Bank Negara untuk melihat bahawa syarikat insurans ini lebih bertanggungjawab. Khususnya kalau kita lihat sekarang ini insurans kesihatan yang berleluasa dijual di mana-mana tempat sekarang ini yang memberi *coverage-coverage* yang langsung tidak memberitahu kepada pelanggan-pelanggan. Hanya awak bayar RM50 setahun, RM100 setahun, inilah *coverage* yang akan dapat. Inilah yang akan dibayar oleh insurans. Tetapi akhirnya apabila tuntutan dibuat, tidak dibayar sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam jualan itu tadi.

Perkara yang keempat Tuan Yang di-Pertua ialah dari segi caj perkhidmatan. Caj perkhidmatan ini kita lihat di kedai-kedai kecil. Makna kedai-kedai mamak, kedai-kedai yang menjual 24 jam ini, sekarang ini pihak LHDN telah pun mengenakan caj-caj 5% *servis tax* kepada kedai-kedai ini. Kita melihat angkanya nampak kecil. Kita pergi makan harga RM9, caj RM9 jadi caj 5% naik kepada beberapa ringgit. Akhirnya RM9.88 sen. Dia terus mengatakan RM10 ataupun dia *round up* sebagai perkara yang pertama sekali kita lihat dia *round up figure* itu kepada RM10 ataupun RM9.90, dua sen ataupun tiga sen dia untung. Antara satu sen ke lima sen itu mesti. Apabila dia *round up* ini, pelanggan tidak akan tertanya-tanya. Dia akan terus bayar dan jumlah, ada dua jumlah di sini.

Kalau kita lihat dari segi mikronya. Pertama jumlah *round up* tadi iaitu kalau dia caj RM9.91 sen, 9 sen pasti menjadi hak dia. Kalau kita lihat pula 9 sen ini kali dengan 1,000 orang satu hari datang ke kedainya, banyak mana telah dibuat tanpa apa caj pun. Keduanya kalau kita lihat pula dari segi jumlah 5% yang perlu dibayar kepada kerajaan, langsung tidak tahu cara mana ianya akan dibayar kepada pihak kerajaan oleh kerana pengawasan oleh pihak kerajaan langsung tidak diberi satu gambaran. Saya ingin memberi satu angka. Anggaran pada tahun 2005, caj perkhidmatan oleh pihak kerajaan ialah sejumlah RM3.066 bilion, anggaran pertama.

Apabila disemak oleh kerajaan, ianya merupakan hanya dapat dikutip sejumlah RM2.647 bilion. Ini bermakna RM419 juta ataupun 14% kurang daripada anggaran yang sebenarnya, yang telah dikutip. Kalau kita lihat anggaran pada hasil kerajaan yang dianggarkan pada tahun 2006 ini ialah berjumlah RM2.9 bilion. Jadi ini bermakna, meningkat 12%. Apa yang kita takut, jumlah ini sebenarnya tak sampai kepada kerajaan. Sebagaimana anggaran tahun 2005, kekurangan sejumlah RM419 juta. Mungkin lebih daripada itu, tetapi wawasannya perlu dikaji rapi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ialah dari segi kalau kita lihat buku anggaran hasil yang telah diedarkan kepada kita ini, saya melihat bahawa buku anggaran hasil ini banyak memberi gambaran-gambaran di manakah selain daripada perbelanjaan, kita juga perlu tahu daripada mana duit ini datang? Kalau kita lihat dari segi duit ini, salah satu yang ingin saya tekankan di sini, ialah berkaitan dengan hasil daripada jualan kereta.

Kita lihat jumlah kereta di dalam pasaran begitu banyak sekali yang telah dijual. Tetapi kalau kita lihat hasilnya agak kurang dari apa yang telah dianggarkan. Sebagai contoh, hasil CBU dan CKD, pada tahun ini dianggarkan sejumlah RM1.77 bilion sepatutnya dapat dikutip daripada cukai ini. Tapi yang sebenarnya ialah RM1.348 sahaja. RM1.348 bilion sahaja yang dikutip berbanding sejumlah 24% daripada hasil yang sepatutnya dapat.

Dan ini merupakan adakah kerana sebagaimana yang dikatakan under *declare*, oleh pihak pengusaha tadi yang menyebabkan kerugian kepada kerajaan beratus-ratus juta, iaitu sejumlah hampir-hampir RM400 juta setahun yang tidak dapat dikutip. Begitu juga dengan cukai pendapatan daripada syarikat. Kalau kita lihat anggaran daripada cukai pendapatan daripada syarikat kita melihat bahawa sepatutnya dikutip pada tahun 2005 ini ialah RM21 bilion.

Tapi jumlah yang dapat dikutip hanya RM20.5 bilion sahaja. Dan ini merupakan satu penurunan sejumlah RM718 juta telah dikurangkan. Kenapa perkara ini berlaku saya tidak dapat memberi... Mungkin pihak Kementerian Kewangan dapat memberi jawapan kenapa hasil cukai pendapatan.... kalau dikatakan naik dari segi prestasi KDNKnya, tapi perniagaannya masih lagi tidak mendapat kutipan cukai daripada syarikat-syarikat ini untuk menampung sebahagian daripada RM81 bilion yang nak diluluskan pada dalam Dewan ini. Kenapa ianya berlaku seperti ini sebagaimana yang saya katakan tadi.

Seterusnya ialah berkait sama di bawah hasil bukan cukai, permit dan lesen dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak lagikah perkara-perkara yang Yang Berhormat nak ketengahkan?

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Ya, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Saya tak dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak lagikah perkara yang Yang Berhormat nak ketengahkan?

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Lebih kurang dalam 15 ke 20 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: 15 minit.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Supaya Datuk Dayang Mahani boleh bermula.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Berkait dengan lesen dan permit, di mana pihak kontraktor menanya tempat-tempat yang perlu dibayar, permit-permit, lesen-lesen mereka ini ialah bayar PKK RM2,000.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad terpaksa tunggu besoklah saya rasa.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: PKK, Pusat Khidmat Kontraktor kena bayar RM2,000 setahun. CIDB kena bayar RM3,000 setahun. Pembetulan kena bayar RM5,000 setahun. Ini merupakan satu yang agak perit. Malah kerja kekurangan, tetapi lesen ini perlu juga diperbaharui untuk memberi peluang-peluang kepada mereka.

Maka saya merayu kepada pihak kementerian supaya membayar kepada satu tempat sahaja dan sekali sahaja setahun.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas Datuk Hajah Dayang Mahani ini, Tuan M. Munusamy bersedia.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Saya ingin pergi kepada kementerian, B.13 - Kementerian Luar Negeri. Bawah Kementerian Luar Negeri yang telah memohon peruntukan sejumlah RM451,900,000.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian ini kerana dapat menganjurkan beberapa persidangan yang begitu baik bertaraf seperti OIC dan semalamnya satu persidangan yang begitu baik di Asia sempena Summit Asean Ke-11.....

[Rakaman suara tidak berapa jelas]

Dan saya rasa begitu harum sekali *picture* setelah saya sendiri melihat bahawa persembahan kanak-kanak kecil yang menggambarkan bahawa Malaysia ini boleh menyanyikan lagu-lagu di seluruhtiap-tiap negeri yang hadir, sejumlah tujuh belas negeri semalam. Dan merupakan satu keharuman kepada dalam dan luar negeri.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, ini tak perlu saya perelaskan secara terperinci lagi oleh kerana telah pun dikatakan oleh rakan-rakan saya. Hanya saya rasa satu perkara sahaja ialah R&D dari segi mikronya, R&D yang telah dibuat, kita perlukan R&D ini lebih praktikal. MARDI telah diberi tugas dan tanggung jawab untuk membuat penyelidikan-penyelidikan pertanian mungkin ia boleh diceburkan dalam *biotech* dan sebagainya, sebagaimana dikatakan tadi. Tetapi yang lebih mustahak ialah kegunaan *research* ini tadi kepada pasaran. Jangan hanya semata-mata membuat *research* untuk mengejar Ijazah-ijazah Doktor Falsafah, tetapi hasil daripada *research* ini tidak dapat diguna.

Kita juga perlu memperkemas lagi FAMA supaya menjadi satu agensi yang boleh memasarkan sebagaimana yang telah digariskan dalam pembentangan bajet ini. Kementerian Kerja Raya yang meminta sejumlah RM1.4.... bilion. Ini merupakan salah satu kementerian yang penting kepada ekonomi kita tahun 200..... Melihat pertumbuhan *construction* pada tahun 2005, ialah *minus* pertumbuhan ekonominya. Dan di dalam penggubalan bajet ini, pihak kerajaan meramalkan sejumlah 3.6% akan dinaikkan pertumbuhannya di bawah GDPnya dan kita rasa ertinya satu perbelanjaan yang

begitu baik oleh pihak kerajaan dan kita meminta ialah supaya dipercepatkan perbelanjaan ini dengan secepat mungkin.

Insya-Allah kita mengharapkan pada bulan Januari atau bulan Februari ini ianya sudah boleh memberi perbelanjaan-perbelanjaan ini kepada projek-projek yang telah diluluskan oleh kerana keadaan kontraktor sekarang ini amat tenat sekali. Dan saya percaya dengan perbelanjaan yang cepat ianya boleh atau akan memberi satu peningkatan kepada kontraktor-kontraktor ini yang sedang menghadapi kegelapan pada tahun 2005 ini.

Saya ingin juga menyentuh sedikit tentang Karak Highway. Tentang Karak Highway ini saya melihat sampai kepada LPT di Kuantan khusus daripada Gombak masuk kepada LPT fasa yang pertama, ialah sepanjang tahun yang kita lalu di LPT Karak Highway ini, tidak ada satu masa pun yang highway ini tidak diperbaiki. Baik yang di sebelah kiri mahupun di sebelah kanan. Ini menunjukkan bahawa ini bukan lagi taraf *highway* yang kena tol kepada kita sejumlah RM6.50, dan kita memohon daripada pihak Kementerian Kerja Raya untuk memperlihatkan yang betulkah *highway* yang sentiasa ada kerja-kerja pembaikan. Apa yang dapat saya ramal di sini ialah pembaikan ini ialah *in-house*. Dibuat sendiri oleh syarikat yang mempunyai konsesi dan untuk menetapkan ataupun mengaut keuntungan yang lebih besar lagi kepada mereka ini. Dan ini sudah tentu tidak sebagaimana hasrat Menteri Kewangan yang telah membentangkan supaya ia menjadi mesra perniagaan.

Tidak mesra kalau ianya dapat sesuatu projek hanya di kondo dan dibuat oleh dia sendiri, dia yang tukang baiki, dia yang tukang *collect* tol, semuanya dia, buat langsung *disub* kepada syarikat-syarikat lain. Dan yang saya sedih itu, di dalam 365 hari ada satu hari dibaiki, jadi tidak jadi *highway* lagi, sentiasa akan menghadapi masa dan masalah.

Yang terakhir, satu perkara di bawah di bawah Kementerian Kerja raya ini terdapat satu sindiket yang sedang berlaku baru-baru ini dan mungkin sekarang ini masih lagi berlaku, Hotel KL International. Di bawah satu orang namanya saya sudah lupa, tidak silap saya Supardi yang telah memanggil kontraktor-kontraktor untuk mengagih-agihkan kerja-kerja dengan bayaran sejumlah RM1,500 kepada RM2,500 untuk memberi sekeping surat yang ditandatangani, diberi kepada Perdana Menteri, serah kepada Menteri Kerja raya, serah kepada KSU Kementerian Kerja Raya dan sebagainya.

Apa yang menyedihkan ramai daripada kontraktor-kontraktor termasuk kontraktor kelas A sanggup memberi bayaran seperti ini untuk mendapat sekeping surat dan mengatakan ini projek. Yang lebih aneh lagi, projek ini betul-betul ada, hanya tidak dapat sahaja. Dari segi tajuk projek itu, ada. Kita telah membuat laporan ini kepada pihak Kerja Raya supaya mengambil tindakan sebab dia menggunakan kerja-kerja. Tapi alasannya dia hanya kata dia boleh menolong dan ini merupakan satu sindiket yang agak licin, kutipan tidak kurang daripada RM1.5 million sekarang ini yang telah dikutip daripada kontraktor-kontraktor.

Dua analisa yang saya buat, saya lihat sebab kontraktor dahaga sangat kerja sanggup memberi bayaran apa sahaja kerana mendapat satu harapan yang kosong mungkin, tetapi inilah hakikat yang sebenar. Apabila keadaan mendesak, apa sahaja pun akan dibuat oleh pihak kontraktor.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, ada dua perkara yang ingin saya sentuh di sini iaitu seperti Bank Negara, MAXIS dan CELCOM ini, tetapi sekarang ini khidmat-khidmat ini memberi tiap-tiap kali khidmat. Contoh, orang memanggil kita, kita tidak jawab telefon kita, datang satu mesej, mengatakan "*you have a missed call*", dengan izin, *from this number at such time*. Kita kena bayar, kita tidak minta dia hantar kepada kita, maklum kepada kita bahawa *you have a missed call at 10.30* pagi pada sekian-sekian hari bulan. Akhirnya bila kita tengok dalam bil kita, kita kena bayar bil ini. Mungkin tak banyak, 1 sen, 2 sen tetapi kalau berjuta orang pakai satu hari, jumlah SMS saya difahamkan tidak kurang daripada 12 bilion satu hari, SMS sahaja.

Jadi kita mengharapkan supaya Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi mengambil peranan ini memberi, janganlah kerana nak menguntungkan sahaja, dia caj segala-gala perkhidmatan kena caj walaupun tidak diminta. Seterusnya dalam kita melihat bahawa salah satu perkara yang telah diberi garis panduan ialah mempelbagaikan dan membekalkan tenaga. Saya melihat salah satu tempat yang boleh pihak kementerian pelbagaikan tenaga kita ialah melalui gas yang mempunyai 18 trilion *cubic meter* yang ada. Jadi daripada jumlah ini, tetapi kalau kita lihat jumlah stesen-stesen yang ada jual gas ini tidak banyak, ada dekat KLCC sesak, nauzubillah, sesak sampai teksi beratur berkilo meter untuk mendapatkan gas sehingga menyusahkan orang yang hendak pergi ke KLCC. Satu tempat lagi di Kampung Baru,

kalau petang-petang, sampai malam teksi terpaksa menunggu beratur begitu panjang untuk mendapatkan gas.

Saya menyarankan supaya Petronas memperbanyakkan lagi tempat-tempat yang jauh luar daripada bandar supaya ianya tidak menyesak dalam keadaan yang ada sekarang ini dan juga boleh diberi atau diadakan di tiap-tiap satu ibu negeri, satu tempat diberikan tempat gas ini untuk kereta-kereta.

Kementerian Kesihatan juga memperlihatkan bahawa banyak perubahan yang telah dibuat oleh mereka lebih daripada itu dan saya ingin memberi dua, tiga perkara iaitu kita semua mohon supaya ubat-ubat di peringkat negeri, di hospital selain daripada hospital yang ada di Kuala Lumpur, ubat yang terbaik. Oleh kerana sama-sama buat yang terbaik. Saya harap pihak Kementerian Kesihatan boleh memberi ubat-ubat yang terbaik dan yang terbaru kepada penduduk-penduduk di luar bandar dan di peringkat-peringkat khususnya di hospital yang sebagaimana tempat yang saya datang.

Satu lagi kita lihat bahawa *alternative medicine* sekarang ini telah juga meresapi dalam budaya perubatan kita ini. Saya tidak tahu sejauh mana *alternative medicine* ini memberi kesan kepada pihak pesakit tetapi kita mengharapkan bahawa negara-negara maju juga ada mengamalkan *alternative medicine* ini dan kita mengharapkan supaya pemikiran minda daripada doktor-doktor ini dapat ditukarkan supaya *alternative medicine* ini adakah ianya betul ataupun tidak betul, mana yang baik, mana yang tidak baik boleh dikaji supaya orang yang menggunakan *alternative medicine* ini, mengalami sedikit sebanyak apa yang telah diambil. Bagi orang yang sakit, apa sahaja datangnya yang baik akan diguna walaupun kesannya tidak sebagaimana yang diharapkan.

Akhir sekali kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, telah diperuntukkan RM4.1 million, hanya saya rasa terharu di atas apa yang telah berlaku semalam sebagaimana rakan saya, Dato' Musa mengatakan bahawa bukan orang China, memang betul bukan orang negeri China, berlakunya penuduhan dan saya rasa kita sebagai rakyat Malaysia khususnya peniaga-peniaga yang telah banyak mengambil hasil daripada negara kita ini, hasil yang lebih penting sekali ialah keamanan, keselesaan yang telah diberi oleh pihak tentera dan juga pihak polis.

Tanpa keamanan yang diberi, marilah rancangan bajet yang sejumlah mana pun, nescaya tidak dapat dicapai hasrat yang kita kehendaki. Tanpa keamanan yang telah diberi oleh pihak polis, pihak tentera kepada kita, suasana ekonomi perniagaan yang banyak, marilah bajet RM81 bilion kali empat pun, nescaya tidak dapat kita laksanakan

dengan baik kerana suasana keamanan tidak ada, kita rasa tidak selesa, kita rasa tidak selamat, maka apa yang kita rancang pasti tidak akan menemui kejayaan.

Hanya mengikut pengalaman saya sedikit di balai-balai polis selain daripada tempat-tempat yang kecil-kecil, banyak perkara yang kurang menyenangkan – kipas sudah teruk, meja sudah teruk, kerusi sudah teruk dan sebagainya, tidak sebagai tempat mereka menjalankan kerja, *office* mereka teruk dan sebagainya, saya rasa saya telah bangkitkan perkara ini, berilah kepada mereka ini suasana keselesaan untuk bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengambil masa yang lebih panjang daripada itu, sebagai penutupnya saya bersyukur kepada Allah SWT kerana memberi ekonomi yang terus kukuh kepada negara kita yang sama-sama kita cintai, sama-sama kita menghayati bahawa inilah negara kita, Malaysia, yang sama-sama kita sayangi. Tidak ada tempat lain yang boleh kita menadahkan tangan mencari rezeki di masa-masa akan datang dan kepada anak cucu kita begitu juga. Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2006. Sekian, wassalamualaikum warahamtullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae.

5.21 ptg.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2006. Dalam kesempatan ini izinkanlah juga saya merakamkan ucapan tahniah kepada Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri yang telah membentangkan satu belanjawan yang mesra rakyat dan mesra peniaga, dengan tujuan supaya Belanjawan 2006 berupaya untuk memandu ekonomi dan seterusnya memastikan bahawasanya matlamat Wawasan 2020 negara dapat dicapai.

Menentukan dasar dan strategi utama yang mampu untuk menjana pertumbuhan yang lebih berkualiti, dan seterusnya menyediakan landasan-landasan yang lebih kukuh bagi pertumbuhan ekonomi jangka panjang dengan niat memberi ketahanan dalam menghadapi cabaran amatlah bersesuaian, dan langkah proaktif termasuklah membangunkan infrastruktur fizikal di kawasan kurang maju termasuklah ekonomi luar

bandar serta memperbaiki kualiti hidup di kawasan luar bandar serta membangun keupayaan modal insan amat tepat, kerana pelan tindakan ini dapat menangani isu perseimbangan pembangunan di antara wilayah.

Melalui Bajet 2006 dapat dilihat bahawa Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM2.3 bilion kepada negeri Sabah, dalam usaha dibelanjakan untuk pembangunan di negeri tersebut. Peruntukan pembangunan ini khasnya yang melibatkan pembinaan prasarana fizikal dan sosial yang bakal memberikan kesan kepada pengganda ataupun *multiply effect*, pembangunan ekonomi rakyat Malaysia di Sabah.

Peruntukan tersebut iaitu pembinaan jalan, menyediakan bekalan air dan elektrik, projek pendidikan dan kesihatan, sememangnya adalah komponen-komponen asas yang amat perlu pada rakyat Malaysia di Sabah khasnya di kawasan luar bandar. Dengan terlaksananya dan siapnya projek utama tersebut iaitu pembinaan jalan antara Sepulut ke Kalabakan dan juga Jalan antara Sipitang ke Tenom, menaikkan taraf Lapangan Terbang Kota Kinabalu dan juga pembesaran Universiti Malaysia Sabah dan Hospital Queen Elizabeth, rakyat di Sabah bakal menikmati kemudahan infrastruktur dan bekalan asas yang mencukupi, di samping mampu pula mendapatkan kemudahan kesihatan dan pendidikan yang mempunyai kualiti yang tinggi.

Dalam kesempatan ini, saya ingin memperingatkan pihak yang berkenaan supaya dalam melaksanakan projek-projek di Sabah terutamanya pembinaan sekolah dan hospital perlulah juga kita mengambil kira kepada kemudahan sokongan seperti kemudahan air dan elektrik, dan juga talian telefon kerana seperti mana yang kita semua sedia maklum berulang kali dan juga diakui oleh kementerian terdapat beberapa banyak sekolah yang sampai hari ini masih lagi tidak mempunyai bekalan elektrik mahupun bekalan air.

Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini saya rasa boleh bayangkan tidak usah bilang sekolah kalau rumah sahaja. Kalau rumah kita tidak ada bekalan elektrik, kalau rumah kita tidak ada bekalan air betapa tidak selesanya. Hendak membersihkan rumah pun susah apatah lagi untuk kita menggunakan untuk keperluan *sanitation* menggunakan tandas dan sebagainya, untuk menyediakan makan dan minum.

Kita boleh bayangkan tidak, kalaulah sekolah ataupun hospital tidak mempunyai kemudahan seperti ini. Dan kalaulah kerajaan seperti mana yang kita ketahui memang

niat kerajaan supaya jurang perbezaan di antara luar bandar, sekolah-sekolah luar bandar dan sekolah bandar dari sudut kemudahan kalau boleh kita perdekatakan jurangnya. Janganlah perbezaan di antara sekolah bandar terlalu jauh bezanya dengan sekolah-sekolah di luar bandar. Tetapi kalaulah kemudahan air dan elektrik yang begitu asas sudah menjadi satu masalah yang ketara, jadi kita jangan hairan timbulnya persoalan-persoalan daripada rakyat bahawasanya mungkin kurang dari sudut perancangan, nombor satu.

Kedua, barangkali kurang penyelarasan di antara jabatan mahupun kementerian dan ada juga yang menyuarakan bahawasanya mungkin tidak sesuai bangunan sekolah atau hospital itu didirikan di tempat yang telah didirikan. Sebagai contoh di pedalaman kawasan di Kinabatangan juga wujud satu hospital yang tidak mempunyai hubungan telefon. Jadi ini menjadi satu masalah yang besar sekiranya terjadi sebarang kecemasan bagaimana untuk kita berhubung dengan keadaan-keadaan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, strategi kerajaan untuk membangun modal insan amat bertepatan. Sumber manusia perlu digilap kerana ianya adalah elemen terpenting dalam memastikan negara terus berdaya saing dan berdaya tahan, apatah lagi dalam suasana zaman ekonomi sejagat yang berlandaskan kepada pengetahuan sains dan teknologi. Oleh yang demikian kualiti pendidikan dengan membekalkan warga Malaysia dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai murni untuk menjadi tenaga kerja yang menghayati budaya kerja yang mempunyai prestasi yang tinggi.

Pendidikan berkualiti akan memastikan pekerja-pekerja daripada Malaysia kekal, relevan dan mampu berhadapan dengan cabaran-cabaran dan boleh bersaing di peringkat antarabangsa yang kita rasa memang persaingannya begitu ketara. Peruntukan sebanyak RM175 juta untuk Institut Kemahiran Mara untuk melatih 12,000 pelajar dan bakal akan ditambah kepada 98,000 menjelang tahun 2006, dengan peruntukan RM1 bilion disediakan bagi empat latihan kemahiran dan kepakaran teknikal dalam bidang perdagangan dan industri yang akan dilaksanakan di Institut Kemahiran Mara, Pusat Giat Mara, Institut Kemahiran Belia Negara, Institut Latihan Perindustrian dan pusat latihan teknologi tinggi amatlah dialu-alukan.

Kita juga amat berterima kasih kepada kerajaan yang telah memberikan pelepasan cukai RM4,000 bagi setiap pelajar di institut pengajian tempatan dan juga luar negara terutamanya pelepasan sebanyak RM9,000 kepada ibu bapa yang

mempunyai anak kurang upaya. Saya berpendapat tindakan ini jelas melihatkan keprihatinan kerajaan untuk meringankan tanggungan rakyat yang amat memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, dunia kini sudah mengalami perubahan secara mendadak. Justeru itu, kita tidak boleh memandang ke belakang atau bergerak perlahan-lahan kerana sekiranya kita bertindak sedemikian, maka akhirnya kita akan sentiasa berada di belakang arus globalisasi. Arus globalisasi telah secara tidak langsung menghendaki kita lebih....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jika Yang Berhormat boleh habiskan ucapan dalam masa 10 minit, saya tidak akan tangguhkan mesyuarat sekarang. Kalau Yang Berhormat tidak boleh habiskan dalam masa 10 minit saya akan tangguhkan mesyuarat sekarang.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Saya mohon kalau boleh Tuan Yang di-Pertua saya sambung esok. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 10 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.